

Bil. 48

**Isnin
16 Oktober 2000**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)
- Kebenaran Bercuti (Halaman 2)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

- Penarikan Balik Royalti Minyak oleh Kerajaan Pusat Kepada Kerajaan Negeri Terengganu.
– *Y.B. Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor (Pendang)* (Halaman 16)

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 18)

RANG UNDANG-UNDANG :

- Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 (Halaman 20)

USUL-USUL:

Menarik Balik Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-Undang Di Bawah Peraturan Mesyuarat 62:

- Rang Undang-undang Akauntan (Pindaan) 2000
- Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000 (Halaman 20)

Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 14(2)

(Halaman 53)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)

- Yang Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)

- Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

- Yang Berhormat Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)

- Yang Berhormat Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P.,
D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 16 Oktober 2000**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000;
2. Akta Cakera Optik 2000;
3. Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000;
4. Akta Kerja (Pindaan) 2000;
5. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2000;
6. Akta Jualan Dadah (Pindaan) 2000;
7. Akta Perbekalan Tambahan (2000) 2000;
8. Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000;
9. Akta Paten (Pindaan) 2000
10. Akta Bank Luar Pesisir (Pindaan) 2000; dan
11. Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2000.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada
Dewan Rakyat**

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR.3/2000 - Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000;
2. DR.23/2000 - Rang Undang-undang Cakera Optik 2000;

3. DR.4/2000 - Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000;
4. DR.7/2000 - Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1995;
5. DR.16/2000 - Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2000;
6. DR.5/2000 - Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000;
7. DR.24/2000 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000);
8. DR.25/2000 - Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000;
9. DR.29/2000 - Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2000;
10. DR.30/2000 - Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 2000; dan
11. DR.31/2000 - Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1996;

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya, mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961 saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Profesor Emeritus Dato' Shahnnon bin Ahmad, Ahli bagi kawasan Sik dari 16 Oktober 2000 hingga 20 Disember 2000.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan menggubal satu dasar komprehensif yang merangkumi seluruh aspek sosioekonomi untuk mencegah kemungkinan wujudnya jurang digital (digital divide) di Malaysia di masa akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok] Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan sedang menggubal Pelan Induk K-Ekonomi yang dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2001 yang menentukan strategi dan langkah-langkah bagi melahirkan Malaysia sebagai sebuah negara berasaskan k-ekonomi. Pelan Induk K-Ekonomi ini merupakan satu dasar komprehensif dan merangkumi beberapa aspek termasuklah sosioekonomi.

Oleh yang demikian, di antara isu yang akan diberi perhatian termasuklah menangani masalah jurang digital di Malaysia terutama di antara kumpulan kaya dan miskin, kawasan bandar dan luar bandar, wilayah mengikut kumpulan etnik dan peringkat umur supaya jurang digital dapat dikurangkan di Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan terus berusaha bagi pembangunan infrastruktur fizikal dan software infrastruktur bagi perkembangan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi secara menyeluruh supaya teknologi maklumat dapat disebar dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat di negara ini.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah pun melancarkan program komputer dalam pendidikan untuk menjadikan celik komputer satu mata pelajaran teras dalam kurikulum sekolah di seluruh negara termasuk di luar bandar. Dalam program ini kerajaan telah menyediakan kemudahan infrastruktur fizikal pengkomputeran kepada 2,200 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dan kira-kira 60% daripada sekolah tersebut terletak di kawasan luar bandar.

Di samping itu, kerajaan telah menjalankan kempen satu rumah satu komputer untuk meningkatkan penggunaan kemudahan komputer di kalangan rakyat. Bagi menjayakan kempen ini, kerajaan telah menyediakan kemudahan pinjaman komputer bagi kakitangannya serta kemudahan pengeluaran wang simpanan pekerja bagi semua pencarum untuk membiayai pembelian komputer peribadi.

Kementerian Pendidikan juga akan memperluaskan konsep sekolah bestari ke seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar. Sementara Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun melancarkan program Desa Wawasan bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai keupayaan komputer dan mewujudkan masyarakat luar bandar yang celik komputer supaya mereka dapat mengambil faedah daripada perkembangan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Manakala Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia pula sedang menjalankan program Internet Desa sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan masalah jurang digital.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana penjelasan yang diberikan. Bagaimanapun saya ingin mendapat keterangan lanjut sama ada segala dasar yang dihuraikan tadi akan dicerminkan menerusi program-program di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, termasuklah pembukaan secara meluas pusat-pusat akses Internet masyarakat di kawasan luar bandar khususnya. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelapan adalah satu rancangan lima tahun yang akan merangkumi persoalan ekonomi, sosioekonomi – yang menjadi soalan pada pagi ini iaitu sosioekonomi tentang mengurangkan digital divide. Jadi, semua perancangan yang disediakan oleh kerajaan dalam Pelan Induk K-Ekonomi ini mestilah ditempatkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan akan diberi pembiayaan kerajaan kepada rancangan itu.

Dalam Pelan Induk K-Ekonomi ini kita berharap kerajaan akan dapat untuk memberi peluang kepada penduduk warganegara Malaysia di bandar ataupun di kawasan luar bandar untuk mendapatkan peluang dalam k-ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jurang digital yang dianggarkan oleh pihak kerajaan sekarang dan adakah kadar kemiskinan yang telah pun dianggarkan oleh pihak kerajaan untuk tahun ini purata 5.5% di bandar 1.9% dan di luar bandar 10%. Adakah ini telah bertambah dengan pesat terutamanya kerana krisis ekonomi. Adakah dengan kempen pengkomputeran ini tahap pencapaian dianggarkan pada tahun 2004 atau 2005 hampir 90% rumah akan mendapat komputer.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, angka yang tersedia dengan saya pada pagi ini ialah di negara kita 11.9% daripada household Malaysia ini dapat diakses kepada komputer, dan penduduk Malaysia yang mendapat akses kepada komputer semuanya adalah satu juta orang.

Kalau dikira dari peratusan per satu ribu, di Malaysia ini yang menggunakan komputer lebih kurang 5% sahaja kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain seperti Singapura yang mendapatkan angka sebanyak 22.9% ini memang ada satu angka yang berkurangan.

Tentang perkara-perkara berkenaan dengan krisis ekonomi yang telah melanda negara Malaysia dan juga negara-negara lain yang akan menjadikan satu perkara yang difikir dapat mengurangkan keupayaan penduduk-penduduk negara Malaysia ini untuk memiliki komputer dan sebagainya. Ini memang adalah satu perkara yang dikaji oleh kerajaan dan dalam jawapan saya tadi saya telah menetapkan bahawa di antara pegawai-pegawai kerajaan, kerajaan telah menyediakan kewangan mereka untuk dapat membeli komputer dengan penggunaan pinjaman daripada kerajaan.

2. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sentiasa diarah untuk melabur dalam pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) supaya dapat mengukuhkan prestasi BSKL dan huraikan jumlah pelaburan KWSP di semua jenis pelaburan seperti Bond BSKL, hartanah dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, keputusan melabur dalam BSKL adalah dibuat oleh panel pelaburan KWSP berdasarkan perancangan serta strategi KWSP membentuk portfolio dana apa-apa laporan. Di bawah alokasi aset strategik, KWSP boleh melabur di pasaran saham sehingga 25% daripada jumlah pelaburannya. Dalam keadaan pasaran saham semasa KWSP turut mengambil peluang untuk membeli saham-saham *blue chip* yang telah jatuh harganya untuk tujuan pegangan jangka panjang.

Pelaburan terkumpul KWSP pada 30 September 2000 adalah sebanyak RM178.3 bilion, daripada jumlah tersebut RM37.196 bilion atau 20.86% dalam ekuiti, manakala RM605.148 juta atau 0.34% dalam hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP sentiasa mengamalkan pengurusan berhemah dalam semua kegiatannya supaya tanggungjawab yang diamanahkan ke atasnya untuk pengurusan wang simpanan para pekerja dilaksanakan dengan teliti dan telus. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mewujudkan keyakinan yang kukuh antara para ahli-ahli KWSP dengan memastikan ketelusan dan kredibiliti dalam pentadbiran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya dapat menjana peningkatan dividen kepada semua ahli-ahli KWSP. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Sebenarnya KWSP sentiasa mengamalkan dasar yang telus dari segi pengurusannya, kerana misalnya KWSP sentiasa mengeluarkan laporan tahunan yang merupakan dokumen awam yang menyediakan laporan-laporan yang komprehensif mengenai prestasi kewangan dan operasi KWSP dan ini dihantar ke jabatan-jabatan kerajaan, perpustakaan awam yang mempunyai jumlah peratus pembaca yang tinggi supaya pencarum mengetahui apa yang berlaku dan dilakukan oleh KWSP, maka ini di antara langkah yang dibuat oleh KWSP untuk menjamin ketelusannya.

Selepas itu, KWSP juga laporannya diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan akaun yang diaudit dihantar ke Parlimen pada setiap tahun untuk diluluskan. Dan juga langkah untuk memastikan ketelusan KWSP ialah rekod pelaburan ekuiti KWSP boleh diperolehi melalui rekod urus niaga di BSKL.

Mengenai pinjaman-pinjaman kerajaan yang dijamin oleh kerajaan ianya dilaporkan di Parlimen pada tiap-tiap tahun supaya Ahli-ahli Parlimen dapat membahaskan apa yang berlaku dan dilakukan oleh KWSP dan ini tidak syak lagi merupakan satu tanda bahawa KWSP sentiasa mengamalkan ketelusan dalam urusan perkhidmatannya. Dari segi akauntabiliti pula KWSP sentiasa bertanggungjawab kepada tiga pihak iaitu stakeholder ataupun ahli dan juga kerajaan serta majikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini KWSP sentiasa mengamalkan dasar yang telus dan ini sudah pasti memberikan keyakinan kepada para pencarum supaya yakin kepada urusan yang telus KWSP dan sekali gus dapat meningkatkan prestasi kewangannya untuk dimanfaatkan oleh ahli-ahli KWSP.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. KWSP tugasnya tiga yang utama iaitu pekerja, majikan dan kerajaan. Wang dilabur di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur adakah ianya benar-benar datang daripada board itu, board pelaburan KWSP, kenapa EPF tidak melabur dalam sektor pembinaan perumahan untuk pekerja rumah kos rendah, walaupun ia untung tidak banyak tetapi sudah pasti insya-Allah tidak rugi. Tetapi KWSP melabur di tempat yang cukup berisiko, Bursa Saham sekarang turun naik, demam kebah, demam kebah. Jadi, kenapa tidak labur di dalam sektor perumahan kos rendah, walaupun tidak untung tetapi pekerja pasti dapat nikmat dan dengan ini kerajaan dapat menyelesaikan masalah perumahan. Wang KWSP yang banyak ini kenapa tidak dibuat hal perumahan ini, jawab elok-eloklah. *[Ketawa]*

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa pelaburan yang dibuat oleh KWSP dalam BSKL bukan dilakukan secara sewenang-wenang kerana di BSKL kita mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan yang membuat kajian teliti ataupun *due diligence* tentang kadar faedah, keuntungan yang akan diperolehi oleh KWSP daripada pelaburan ini, lepas itu setelah diteliti oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan pada peringkat pertama ini, maka barulah diserahkan kepada Panel Pelaburan yang akan seterusnya meneliti sama ada pelaburan ini mendatangkan faedah ataupun sebaliknya.

Selepas itu sahaja, barulah kebenaran diberikan untuk sesuatu pelaburan dan pelaburan dibuat berdasarkan kepada:-

- (i) *fundamental* sesebuah syarikat;
- (ii) berdasarkan kepada iklim pasaran semasa; dan
- (iii) dibeli semasa harga yang begitu menarik untuk memastikan kerugian dapat *diminimize*kan, keuntungan dapat *dimaximize*kan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaannya mengapa tidak dilaburkan kepada perumahan ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa pelaburan yang dibuat itu adalah secara teliti, telus dan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul, betul.

Tuan Hashim bin Ismail: Dan yang kedua, soalan yang kedua Yang Berhormat, bahawa kerajaan ada skim program seperti ini, BSKL maksud saya dan apa yang Yang Berhormat katakan itu sebenarnya ada dalam perhatian kerajaan dan sekarang ini pun, bahawa KWSP terlibat dalam kerja-kerja infrastruktur untuk kemudahan dan untuk prasarana negara, cuma dari segi perumahan yang Yang Berhormat sebutkan tadi dan KWSP ada program ini dan insya-Allah akan dilaksanakan. Terima kasih.

3. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan prestasi Rancangan Malaysia Ketujuh terutamanya selepas krisis ekonomi. Bilakah dan dengan dasar apakah Rancangan Malaysia Kelapan akan dibentangkan.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, selepas krisis ekonomi pada penghujung tahun 1997, prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pada tahun 1998 telah mencatatkan pencapaian sebanyak 85.9% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM18.1 bilion. Prestasi ini telah meningkat kepada 92.9% atau perbelanjaan berjumlah RM22.6 bilion pada tahun 1999.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu dari tahun 1996 hingga September 2000, sebanyak RM86.1 bilion telah dibelanjakan dari jumlah *ceiling* peruntukan RM89.5 bilion. Perbelanjaan ini merupakan pencapaian sebanyak 96.2%.

Kerajaan pada masa kini sedang menimbangkan permohonan daripada agensi dan jabatan mengenai projek dan program yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Perancangan dasar serta program dan projek yang sedang disediakan ini akan dibentangkan dalam Parlimen pada awal tahun 2001.

Rancangan Malaysia Kelapan iaitu dari tahun 2001 hingga 2005 dijadualkan akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan April 2001 dan di Dewan Negara pula pada bulan Mei 2001 iaitu dalam Mesyuarat 'Ketiga', Penggal Ketiga, Parlimen Kesepuluh.

Dasar dan strategi Rancangan Malaysia Kelapan akan berasaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, yang memberi penekanan kepada pertumbuhan dan penguatan daya tahan ekonomi serta mewujudkan masyarakat yang adil dan bersatu selaras dengan matlamat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh yang demikian, strategi Rancangan Malaysia Kelapan secara umumnya akan memberi tumpuan kepada:-

- (i) meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mapan. Dalam hal ini, asas ekonomi akan diperkukuhkan dengan penggunaan sumber secara cekap dan pertumbuhan ekonomi akan menekankan kepada peningkatan produktiviti serta ekonomi berasaskan pengetahuan ataupun *k-economy*;
- (ii) menjadikan sektor swasta sebagai tunjang pembangunan manakala sektor awam menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi membantu kejayaan sektor swasta ;
- (iii) meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat serta menentukan pencapaian objektif sosial seperti pembasmian kemiskinan, pengagihan pertumbuhan ekonomi dengan saksama serta pembentukan masyarakat yang bermoral dan memiliki kerohanian yang tinggi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum kita masuk ke Dasar Pembangunan Wawasan, untuk Rancangan Malaysia Kelapan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh ini ada kekurangan termasuk tidak dapat mengatasi polarisasi kaum dan agama di beberapa bidang termasuk perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada beberapa bidang termasuk perumahan awam dan swasta yang belum lagi dicapai kerana kita ada matlamat 230,000 unit rumah awam dan 570,000 unit untuk swasta dan termasuk 60,000 unit rumah kos rendah bagi pihak awam dan ini pun tidak tercapai, bukan sahaja tidak tercapai, prestasi itu tidak memuaskan dan begitu juga dengan pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah panjang sangat itu ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan panjang, ini cuma

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, yalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan sahaja mukadimah untuk memberi angka yang sedia adalah, kerana bila dia

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalannya, adakah sedar dan apakah usaha sebelum kita bentangkan Dasar Pembangunan Wawasan kelak, kita dapat membereskan, mentuntaskan semua ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada pembangunan perkhidmatan pendidikan dan latihan, adakah itu RM15.8 bilion telah pun dianggarkan akan digunakan, masih tidak digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak lagi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tidak ada soalan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah katakan tadi, Rancangan Malaysia Kelapan akan dibentangkan dalam Dewan ini pada awal tahun yang akan datang dan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan ini, segala-gala kelemahan ataupun kebaikan Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan dapat dibahas dan Yang Berhormat bagi Kepong akan mendapat peluang untuk membahar sepuh-penuhnya tentang kelemahan, kebaikan Rancangan Malaysia Ketujuh, yang boleh diambil kira dalam perancangan Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah jawab mengenai perumahan misalnya, setakat mana prestasinya?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat Kepong, Ya, Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Apa yang kita perhatikan, suatu hakikat bahawa negara tidak boleh nafikan bahawa berlaku *digital divide* sekarang ini. Dan sedangkan projek *Multimedia Super Corridor* telah diwarwarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kira-kira lima tahun yang lampau. Apakah dalam menggubal polisi untuk Rancangan Malaysia Kelapan ini, pada penghujung Rancangan Malaysia Kelapan ini, *digital divide* yang sedang berlaku sekarang tidak akan berlaku. Sekian.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, semua ini akan diambil kira dalam penggubalan Rancangan Malaysia Kelapan seperti mana yang saya sebutkan tadi juga. *Digital divide* ini akan dibahas dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kelapan ini dan Ahli Yang Berhormat bolehlah mengambil bahagian dalam perbahasan.

4. **Tuan Wan Nik bin Wan Yusof [Bachok]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sejauh manakah kebaikan kepada pihak kerajaan dan orang ramai berhubung pendedahan kewujudan 'lesen terbang' dan 'lesen gerenti lulus'. Adakah benar pengeluaran lesen-lesen ini ada kaitan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan

kenapakah individu yang bersubahat dengan pengeluarannya didakwa di bawah Seksyen 11(c) Akta Badan Pencegah Rasuah.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bachok ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, iaitu Yang Berhormat bagi Bagan pada 17 Oktober; Yang Berhormat bagi Tampin, Sungai Benut, Batang Sadong, pada 23 Oktober; Yang Berhormat bagi Rasah pada 6 November; Tanah Merah pada 9 November; Kuala Krai pada 27 November; Hulu Terengganu pada 29 November; Batu pada 30 November; Kepong pada 4 Disember dan Hulu Langat pada 13 Disember.

Tuan Yang di-Pertua, ini memandangkan soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai tajuk yang sama. Saya ingin mohon izin juga daripada Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi sedikit lebih masa bagi menjawab soalan-soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, isu berhubung dengan lesen terbang atau lesen gerenti lulus yang didedahkan oleh BPR baru-baru ini adalah hasil siasatan yang dijalankan oleh jabatan tersebut ke atas mereka yang terlibat atau bersubahat menerima rasuah di dalam pengendalian latihan dan proses memberikan kelulusan lesen memandu yang tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan.

BPR telah mengumumkan pihaknya telah berjaya mengesan sekitar 70,000 hingga 100,000 lesen memandu yang telah dikeluarkan dengan cara yang tidak sah dan melibatkan rasuah. Ini adalah angka yang diumumkan oleh BPR. Oleh kerana Kementerian Pengangkutan dan JPJ setakat ini belum menerima laporan daripada BPR mengenai butir-butir terperinci hasil siasatannya, kementerian tidak mempunyai maklumat yang diminta bagi mengesahkan bilangan sebenar lesen terbang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, jumlah lesen terbang yang telah diserahkan oleh pemegangnya kepada BPR dan JPJ sehingga tarikh 11 Oktober 2000 adalah 2,323.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah ini amat kecil jika dibandingkan dengan angka yang diumumkan oleh BPR. Oleh itu, untuk membantu BPR meneruskan siasatan hingga ke akar umbi skandal rasuah ini dan sehingga berjaya mengenal pasti kesemua sejauh mana yang boleh, mereka yang terlibat dengan rasuah sama ada di JPJ ataupun di institut dan sekolah memandu adalah penting pemegang lesen terbang ini tampil ke hadapan untuk memberi keterangan dan maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya telah menerima banyak persoalan dan ditanya, kenapakah pemegang-pemegang lesen ini masih enggan menyerah lesen atau tampil ke hadapan untuk membantu BPR dalam siasatan.

Dari maklumat yang saya terima, sebahagian besar daripada pemegang-pemegang lesen ini bimbang bahawa jika mereka berbuat demikian, mereka bukan sahaja berhadapan dengan risiko ditahan atau ditangkap untuk disoal siasat, tetapi juga akan kehilangan lesen dan dengan serta merta punca penyaraan hidup keluarga mereka akan terjejas, terutama bagi mereka yang pekerjaannya bergantung secara langsung kepada adanya lesen memandu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk meyakinkan pemegang-pemegang lesen terbang supaya tampil ke hadapan bagi membantu siasatan, Kementerian Pengangkutan bersedia berbincang dan bekerjasama dengan BPR dan pihak-pihak berkuasa lain yang

berkenaan untuk mengadakan satu pendekatan yang tidak akan menimbulkan masalah atau kesusahan kepada pemegang lesen terbang semasa siasatan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, jika perlu, Kementerian Pengangkutan dan JPJ bersedia dan akan berusaha mengatasi apa jua *constraint* peraturan yang mungkin wujud demi memastikan mereka yang bekerjasama memberi maklumat:-

- (i) tidak menghadapi masalah, mereka sendiri pula ditahan; atau
- (ii) masalah mereka tidak dapat meneruskan pekerjaan bagi menyara hidup keluarga dalam tempoh siasatan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutan akan menimbangkan satu peraturan khas supaya mana-mana kesilapan atau *omission* yang telah dilakukan oleh pemegang lesen terbang pada asalnya dapat diperbetulkan agar lesen baru dapat dikeluarkan dengan secepat mungkin kepada mereka setelah syarat dan peraturan dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat langkah ini akan dapat membantu BPR dengan lebih berkesan dalam siasatannya. Langkah ini dipertimbangkan berdasarkan kepada prinsip utama siasatan BPR dijalankan iaitu untuk menghapuskan gejala rasuah yang melibatkan pegawai atau kakitangan sama ada JPJ atau di institut dan sekolah memandu.

Saya ingin menegaskan bahawa langkah ini bukan bertujuan untuk menyusahkan orang ramai yang bersedia membantu dan bekerjasama membanteras rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas dengan terdedahnya isu ini, ianya telah memberi kesedaran yang berguna kepada orang ramai tentang betapa pentingnya untuk memiliki lesen memandu yang sah dari segi undang-undang memandangkan lambat laun perbuatan mendapatkan lesen secara tidak sah itu akan diketahui umum dan menimbulkan kesulitan kepada pemegangnya. Sementara bagi anggota perkhidmatan dalam kerajaan yang memberi perkhidmatan menyedarkan sekali lagi tentang betapa pentingnya kakitangan kerajaan melaksanakan tanggungjawab dengan amanah, telus dan profesional.

Oleh kerana kegagalan segelintir daripada mereka menjalankan tanggungjawab dengan baik, ia telah mengakibatkan bukan sahaja imej jabatan tetapi juga imej kerajaan pada amnya turut terjejas di mata umum. Pegawai atau kakitangan yang terlibat, akan menerima balasan yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya.

Berhubung dengan tindakan yang diambil oleh BPR terhadap mereka yang terlibat dengan pengeluaran lesen tersebut, mereka akan dituduh di bawah Akta Pencegah Rasuah kerana terlibat dengan kegiatan menerima rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan penglibatan kakitangan JPJ dalam isu ini mengikut siasatan dan pengumuman yang dibuat oleh BPR, setakat ini seramai 56 orang awam dan kakitangan JPJ telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam skandal ini. Dari jumlah tersebut adalah didapati 18 daripadanya merupakan kakitangan JPJ, di mana empat orang telah didakwa di mahkamah, manakala seorang pegawai telah disabit kesalahan dengan dikenakan denda dan dipenjarakan.

Bagi mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah, tindakan lanjut akan diambil oleh jabatan dengan tujuan pegawai dan kakitangan berkenaan dikenakan hukuman buang kerja. Tindakan tatatertib membuang kerja juga bermakna pegawai ini akan kehilangan bayaran pencen, ganjaran dan segala kemudahan lain yang biasa dinikmati oleh kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kakitangan atau pegawai JPJ yang disyaki terlibat dalam kegiatan rasuah, ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa

Kementerian Pengangkutan tidak akan melindungi mereka sekiranya siasatan dibuat ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan siasatan yang dijalankan oleh BPR, Kementerian Pengangkutan juga memberi jaminan tidak akan campur tangan dan memberi kebebasan dan kerjasama sepenuhnya kepada BPR untuk melaksanakan tugas-tugasnya.

Bagi institut dan sekolah memandu pula, sekiranya mereka didapati bersalah terlibat atau bersubahat dalam kegiatan rasuah, Kementerian Pengangkutan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan membatalkan lesen operasi institut atau sekolah memandu tersebut serta permit mengajar anggota-anggota yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah yang berbangkit daripada isu lesen terbang ini, JPJ telah pun mengatur beberapa strategi dan diharap dapat memberi kesan dalam membendung masalah ini daripada berterusan dan berulang lagi di masa hadapan. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan pasukan penguji rayuan yang bertanggungjawab untuk menjalankan ujian semula jika terdapat calon yang mengadu digagalkan kerana enggan bekerjasama bagi mendapatkan lesen secara mudah;
- (ii) menubuhkan pasukan tindakan khas yang bertanggungjawab melakukan lawatan dan siasatan mengejut dari masa ke semasa ke institut memandu atau sekolah memandu bagi memastikan mereka sentiasa mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh JPJ;
- (iii) mengadakan peperiksaan berkomputer yang akan mengelakkan daripada penipuan oleh kerana melalui sistem ini calon-calon dapat dicabut soalan secara rambang daripada kumpulan yang besar dan ini bermakna setiap calon akan mengadakan satu set soalan yang berbeza;
- (iv) mengemaskinikan sistem pusingan tugas penguji JPJ yang telah dilaksanakan.

Tuan-tuan dan Puan-puan, akhir kata.....[Ketawa], Tuan Yang di-Pertua, sentiasa beri ucapan....., Tuan Yang di-Pertua, perjuangan menentang gejala rasuah adalah satu perjuangan yang berpanjangan dan berterusan. Kita hendaklah sentiasa berwaspada dan berhati-hati lebih-lebih lagi apabila penjenayah menjadi lebih pandai dan pintar.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan terus mengenal pasti segala kelemahan yang wujud dan mencari jalan untuk memperketatkan prosedur serta sistem-sistem yang sedia ada untuk mencegah kejadian gejala rasuah setiap waktu.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih pihak Yang Berhormat Menteri yang telah pun menyampaikan jawapan secara jelas. Walau bagaimanapun, beberapa persoalan saya yakin dan percaya masih berbangkit di sebalik soalan dan jawapan tadi. Cuma sebelum itu, soalan yang diedar pada hari ini adalah dalam bentuk '*translation Order Paper*' – ini mungkin satu perkara baru.

Terima kasih dan tahniah kepada pihak BPR. Saya tidak hendak buat tahniah kepada JPJ secara langsung kerana isu yang berbangkit ini adalah hasil daripada kajian BPR sendiri melebihi tiga tahun saya rasa. Kesungguhan BPR untuk menggambarkan gerak kerja yang berkesan jelas terbukti dengan pendedahan ini. Jika Menteri mempunyai jawapan yang panjang, mungkin soalan tambahan pun panjang jugalah.

Kenyataan pihak Menteri tadi jelas bahawa kerjasama secara langsung pihak JPJ kepada BPR terbukti tetapi apa yang dimusykilkan oleh pihak rakyat sendiri ialah betapa lamanya pendedahan ini dapat dibuat oleh BPR, kenapa JPJ sendiri tidak mampu untuk menangannya secara dalaman, kakitangannya, pegawainya daripada pelbagai peringkat perjawatan yang terlibat di dalam kerja-kerja pemberian lesen secara terbang ini ataupun secara 'gerenti lulus'. Oleh kerana itu kita melihat ini suatu pendedahan dari sudut orientasi pentadbiran JPJ.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membuat ucapan itu, Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Hendak menuju kepada soalan, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Pendedahan ini membuktikan JPJ didapati dari sudut persepsinya ada kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Soalnya ialah....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terus bertanya, tanya, tanya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Hendak bertanya sekarang. Jangan risau dan jangan gundah gulana.

Tuan Yang di-Pertua: Hmm.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat, ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [Ketawa] Soalnya ialah dengan kelemahan-kelemahan yang telah pun terbukti daripada pendedahan JPJ ini, pemantauan secara langsung telah mendedah JPJ ini sepatutnya diperbaiki daripada dalam. Apakah ini memungkinkan JPJ akan terus diswastakan untuk tempoh yang akan datang supaya gerak kerja JPJ dapat diperolehi secara berkesan bagi mengatasi semua masalah? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar tindakan BPR adalah berterusan dan berpanjangan dan saya ingin memberitahu iaitu JPJ pada bila-bila masa akan memberi kerjasama yang sepenuhnya jikalau BPR hendak menjalankan apa-apa siasatan pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan perbezaan kuasa-kuasa yang diberikan kepada JPJ, BPR dan polis dan dengan penjelasan ini adalah jelas peranan yang perlu dimainkan oleh ketiga-tiga pihak ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Pengangkutan Jalan, kebanyakannya menumpu perhatian atas keselamatan lalu lintas – pemandu-pemandu (drivers) dan kenderaan-kenderaan yang menggunakan lalu lintas. Oleh kerana itu kemahiran JPJ adalah untuk meneliti atau siasat masalah seperti kelajuan, seperti membawa muatan yang melebihi berat dan lain-lain seperti itu dan semua kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan adalah kesalahan tidak boleh ditangkap (*non-seizeable offences*) di mana kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka adalah terhad, tidak ada powers untuk arrest, reman, sita, *seal and seize* atau memasuki premis-premis tanpa waran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Akta Pencegahan Rasuah adalah sesuatu yang berkait dengan rasuah (suapan) dan kesalahan-kesalahan di sini adalah kesalahan boleh ditangkap (*seizeable offences*) dan di bawah akta ini pegawai-pegawai BPR diberi

kuasa yang luas untuk memasuki premis-premis tanpa waran untuk sita, seal dan seize, untuk reman, untuk arrest dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, apabila sesiapa disyaki terlibat dalam rasuah, JPJ perlu dapat pertolongan dan bantuan daripada BPR atau pihak polis oleh kerana kuasa mereka adalah luas dan membolehkan mereka menjalankan siasatan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penjelasan mengenai perbezaan kuasa-kuasa dan sama ada JPJ dapat mengelakkan daripada salah guna kuasa di masa hadapan, saya ingin menegaskan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, perjuangan menentang rasuah adalah sesuatu yang tidak akan berhenti dan kita akan menjalankan tugas ini sedaya upaya tetapi dari masa ke semasa kita perlu bantuan dan pertolongan daripada JPJ dan pihak polis.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah pun memberi jawapan yang panjang lebar dan mengikut jawapan tadi memang selepas tindakan dan siasatan BPR ada 56 orang telah pun ditahan, disiasat dan didakwa. Jadi, saya ingin tahu sebab memang ada tuduhan lagi seperti Yang Berhormat bagi Bachok tadi pun mengatakan sebelum siasatan dan tindakan BPR, adakah Kementerian Pengangkutan dan juga JPJ mengambil tindakan ataupun melakukan segala tindakan dari segi tatatertib ataupun sekadar dakwaan terhadap pegawai-pegawai ataupun sekolah-sekolah memandu yang terlibat. Saya rasa kalau ada sekurang-kurangnya adil, kalau tidak cuma siasatan BPR sahaja baru mendedahkan keadaan ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi jawapan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, tugas untuk mencegah daripada rasuah atau salah guna kuasa berlaku adalah sesuatu yang berterusan dan sejak lama dahulu lesen terbang ini dipanggil "Lesen Kopi O" di mana dapat diselesaikan dengan satu cawan kopi O sahaja tetapi sekarang ini dipanggil "Lesen Terbang", mungkin di masa hadapan jikalau dibenarkan berlaku dipanggil "Lesen Gagak" oleh kerana burung itu adalah sesuatu yang hitam dan ini adalah perbuatan hitam tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat bagi Kluang, tindakan sentiasa diambil dan kadangkala dengan kerjasama BPR dan pihak polis. Tuan Yang di-Pertua, misalnya dari tahun 1995 hingga 1998 sejumlah 39 kes telah ditangkap dan disiasat dan tindakan disiplin dan lain-lain telah diambil.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu bagi menjawab Ahli Yang Berhormat bagi Kluang, ini adalah sesuatu yang dijalankan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai.

Tuan Kerk Kim Hock: Banyak soalan, kita hadkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock: Jarang Menteri datang dengan sendiri, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk oleh beberapa Ahli Yang Berhormat]* Soalan banyak, banyak soalan kita hendak tanya. Ini lesen terbang mustahak, 100,000 cawan kopi O telah diminum *[Ketawa]*. Ini perkara besar ini 100,000, Tuan Yang di-Pertua beri peluanglah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai.

Tuan Kerk Kim Hock: Tak pernah datang, baru datang, beri peluanglah.

5. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk membina jalan utama menyambungkan pekan Raub di negeri Pahang ke Tanjung Malim di negeri Perak. Jika ya, bilakah projek ini akan bermula dan berapakah jumlah kosnya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membina jalan utama menyambungkan pekan Raub di negeri Pahang ke Tanjung Malim di negeri Perak kerana jalan yang sedia ada iaitu Laluan Persekutuan 55 dari Tramun ke Kuala Kubu Baru adalah memadai. Pihak kerajaan akan sentiasa memastikan jalan ini diselenggara dengan baik untuk keselesaan para pengguna.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, pada tahun 1983 jalan laterite yang cukup baik telah siap dibina oleh Pemas Construction dari Jeli ke Gua Musang tetapi ekoran tidak ada seliaan yang baik menyebabkan beberapa kawasan telah berlaku keruntuhan. Apakah kerajaan memikirkan balik untuk up-grade jalan laterite dari Jeli ke Gua Musang yang telah siap dibina oleh Pemas Construction pada tahun 1983?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu bukan soalan yang berbangkit.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Eh, kena 'jalan' juga ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kena 'jalan' juga... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada perkataan 'dan' pun ada, 'itu' pun ada. Itu boleh*[Ketawa]* Ya, sila.

Tuan Mah Siew Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini ada berkaitan dengan Tanjung Malim. Saya hendak bertanya apa telah terjadi kepada rancangan untuk membina highway dari Tanjung Malim ke Teluk Intan? *[Ketawa]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita tidak mengadakan apa-apa rancangan masa sekarang oleh kerana kita sedang menjalankan beberapa projek di kawasan Tanjung Malim di mana lebih daripada RM200 juta sedang dibelanja untuk memperbaiki keadaan jalan yang sedia ada. Keadaan jalan lama iaitu dari Tanjung Malim ke Slim dan kawasan-kawasan yang lain sedang diperbaiki dan dinaik taraf sekarang.

6. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan berhasrat untuk membeli bangunan sendiri di luar negara dan tidak menyewa kerana pada jangka panjang negara mempunyai harta sendiri; dan
- (b) apakah cadangan kerajaan bagi memastikan kebajikan, kemudahan, pendidikan bagi wakil-wakil Malaysia dan keluarga mereka terjamin semasa bertugas di luar negeri.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, melalui rancangan-rancangan Malaysia, kerajaan telah pun melaksanakan dasar membeli dan membina bangunan sendiri untuk digunakan sebagai bangunan canseri, kediaman rasmi Duta Besar Malaysia dan kediaman pegawai-pegawai Malaysia di seberang laut. Sehingga sekarang sebanyak 26 bangunan canseri, 28 buah kediaman rasmi dan 154 buah atau unit kediaman pegawai Malaysia adalah kepunyaan Kerajaan Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 5 bangunan canseri, 4 kediaman rasmi duta besar dan 64 unit kediaman pegawai Malaysia telah disediakan di perwakilan Malaysia di luar negeri. Dasar ini akan diteruskan demi menjimatkan bayaran sewa ruangan pejabat dan perumahan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa peka mengenai perkara-perkara kebajikan, kemudahan dan bantuan pendidikan untuk pegawai-pegawai yang berkhidmat di perwakilan Malaysia luar negeri serta keluarga mereka. Sebagai langkah untuk meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan yang sedia ada, kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri dan agensi-agensi pusat yang berkaitan dari masa ke semasa mengadakan semakan serta perubahan yang perlu bergantung kepada kemampuan dan peruntukan semasa.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa kegawatan ekonomi tahun 1997 dan 1998, beberapa kemudahan dan kebajikan telah ditarik balik daripada pegawai-pegawai ataupun wakil-wakil di luar negara dan oleh kerana keadaan ekonomi kita telah pulih semula adakah kemudahan dan peruntukan ini akan diberi semula kepada mereka terutamanya lawatan anak-anak dan lawatan-lawatan pegawai balik berjumpa dengan anak-anak yang telah berpisah kadang-kadang sampai 6 bulan atau 7 bulan. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai saya maklumkan tadi bahawa kemudahan-kemudahan yang telah ditangguh semasa kegawatan ekonomi telah kita kembalikan semula dan dikajikan mengikut current rate dan pelbagai keperluan yang boleh kita uruskan pada masa kini di mana kemudahan-kemudahan dan pembangunan-pembangunan yang telah kita tangguhkan juga kita jalankan dan disambungkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan juga.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah kementerian tidak mahu menyambung sewa Malaysian Hall di London untuk kegunaan pelajar-pelajar kerana ini adalah satu keperluan untuk pelajar-pelajar di luar negeri? Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini pun telah dibincangkan dan keputusan untuk meneruskan sewaan itu dan kemudian keputusannya kita masih mengkaji, mengikut keadaan bangunan dan juga keadaan yang mana dapat menguntungkan, adakah kita terus menyewa atau membeli baru itu kita masih belum putuskan.

7. **Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pengambilan pelajar-pelajar ke IPTS mengikut pecahan kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain pada tahun 2000.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan pengambilan pelajar di institusi pengajian tinggi swasta atau IPTS sehingga 31 Disember 1999, adalah seramai 100,730 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 37,359 orang adalah pelajar bumiputera dan 63,371 orang pelajar bukan bumiputera. Jumlah pengambilan pelajar bagi tahun 2000 belum diperolehi keseluruhannya kerana pengutipan data dibuat pada 31 Julai 2000.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, saya ingin merujuk kepada penambahan kolej-kolej ataupun private universities, dengan izin, yang ada di negara kita sendiri yang mana sebagai contohnya kerajaan telah membenarkan tiga buah universiti luar negeri beroperasi secara penuh di Malaysia iaitu Monash University, Curtin University daripada Australia dan juga University of Nottingham.

Jadi, dari segi bilangan pelajar-pelajar bumiputera kajian awal yang dibuat oleh beberapa orang pensyarah universiti tempatan mendapati bahawa tidak ada perimbangan yang nyata antara pelajar-pelajar bumiputera dan juga pelajar-pelajar bukan bumiputera.

Keduanya, persoalan dari sudut penggunaan ataupun dari segi polisi pendidikan yang ada di negara kita. Saya ingin bertanya sejauh manakah universiti-universiti luar yang dibenarkan beroperasi di Malaysia ini menjalani ataupun melalui proses-proses yang ada dalam konteks polisi pendidikan yang ada di negara kita sendiri, khususnya dari segi sebagai contoh penggunaan bahasa Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, pada mula saya rasa tidak perlu saya jawab sebab kita telah pun membincang perkara ini pada beberapa masa yang lampau, telah pun kita bincang.

Walau bagaimanapun, ia tidak bercanggah dengan dasar pendidikan kita kerana universiti-universiti swasta ini adalah berjalan mengikut segala macam peraturan yang telah ditetapkan dan IPTS ini semuanya didaftar mengikut peraturan dan juga permohonan yang telah disampaikan dan kita luluskan.

Walau bagaimanapun, mengenai dengan perimbangan bumiputera dan bukan bumiputera telah pun saya jawab tadi dan langkah-langkah yang sepatutnya telah pun kita ambilkan. Walau bagaimanapun, mengenai dengan penggunaan bahasa itu juga sedang kita kaji dan juga kita membuat beberapa cadangan kepada kolej-kolej tersebut. Terima kasih.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tahniah kepada kerajaan kerana sentiasa meletakkan pendidikan sebagai salah satu agenda utama untuk membekalkan negara dengan tenaga kerja yang berilmu. Tetapi di masa yang sama pada hari ini, dalam memberikan pengetahuan masih terdapat juga IPTA mahupun IPTS yang gagal memberikan kemudahan-kemudahan seperti asrama-asrama yang sempurna, kemudahan-kemudahan untuk berpersatuan, mahupun beriadah dan bersukan kepada pelajar-pelajarnya. Akibatnya pelajar-pelajar ini sentiasa tertekan dan lebih malang lagi apabila tamat pengajian kelak mereka bekerja seperti robot, tidak sensitif dan sukar untuk berinteraksi dengan masyarakat.

Soalannya, apakah pihak kementerian benar-benar sedar akan keluhan dan masalah pelajar-pelajar ini dan apakah tindakan-tindakan susulan kementerian di dalam membantu menyelesaikan masalah yang sedia ada ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pihak kerajaan memang kita prihatin mengenai dengan apa yang telah dilakukan oleh IPTS. Kita sentiasa memantau keadaan daripada semasa ke semasa. Malah pihak kita juga telah mengambil beberapa langkah supaya setiap penuntut yang hendak mendapat pendidikan itu sama ada dibayar sendiri ataupun oleh pihak dana, kita tetap memberi perhatian.

Mengenai dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan kemudahan-kemudahan yang diadakan oleh IPTS. Kita tetap memberi keutamaan dan sekiranya ini telah dibangkitkan, kita akan terus memantau keadaan. Walau bagaimanapun, kalau kita lihat banyak daripada IPTS tadi sudah pun mengadakan beberapa kemudahan yang dicadangkan itu.

Mengenai dengan asrama, itu memang tidak dapat dipenuhi oleh kebanyakan IPTS kerana peruntukan mereka yang amat terhad. Sekiranya hendak diadakan asrama bermakna ini akan mengambil perbelanjaan yang begitu besar.

Walau bagaimanapun, cadangan yang telah dibangkitkan walaupun itu sebagai soalan, saya kira itu juga cadangan yang baik oleh Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 25 adalah dijilid dalam buku berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18

**Penarikan Balik Royalti Minyak Oleh Kerajaan Pusat
Kepada Kerajaan Negeri Terengganu**

11.07 pagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, saya Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Pendang mohon mencadangkan bahawa Majlis ini hendaklah ditangguhkan mengikut Perkara 18, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu penarikan balik royalti minyak oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu [*Tepuk*] [*Disampuk*] yang merupakan satu pencabulan pada prinsip demokrasi, konsep *federalisme* serta melanggar Perlembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana telah berlaku satu pencabulan hak, boleh menggugat amalan demokrasi negara ini serta sistem *federalisme* yang menjadi asas penubuhan Malaysia. Tindakan politik balas dendam ini adalah amat jijik, menindas dan menzalimi Kerajaan PAS, BA Terengganu [*Disampuk*] yang mendapat mandat secara sah serta rakyat Terengganu yang majoritinya adalah kaum Melayu, bumiputera yang beragama Islam, maka hak-hak demokrasi serta keadilan perlu dihormati. Keluhuran Perlembagaan negara harus dipatuhi oleh semua pencabulan ala penjajah yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Terengganu adalah amat dikesali.

Mereka sewajarnya menerima realiti penolakan majoriti masyarakat dan rakyat Terengganu terhadap UMNO dan kini berdiri teguh di belakang PAS atau BA [*Tepuk*]. Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana ini akan menghilangkan lagi keyakinan rakyat terhadap pemerintah pusat. Kredibiliti pemimpin negara serta menyempitkan lagi amalan demokrasi serta merampas hak-hak Kerajaan Negeri Terengganu yang berpegang kepada prinsip keadilan. Langkah Kerajaan Pusat menubuhkan Jabatan Pembangunan Pusat (JPP) serta rangkaian JKKnya yang jelas bersifat anti kerajaan negeri dan bertentangan dengan amalan demokrasi.

Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh hal pelanggaran hak asasi semakin menjadi-jadi terutama selepas pilihan raya dan BN kembali berkuasa, kecenderungan pemerintah untuk terus menafikan hak-hak demokratik adalah amat dikesali dan bersifat tidak bertamadun.

Saya berpandangan bahawa usul ini adalah melibatkan perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*] [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Ketua Pembangkang, Ahli dari kawasan Pendang pada 13 Oktober 2000. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia adalah berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini pada fikiran saya bukanlah satu perkara yang tertentu. Perkataan yang menyatakan 'politik balas dendam' itu adalah merupakan satu tuduhan yang tidak boleh dikatakan satu perkara yang spesifik. *[Tepuk]* Perkara yang tertentu di bawah Peraturan 18 ini adalah satu perkara yang wujud yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa. Sebarang tuduhan tidak boleh ditakrifkan di bawah peraturan mesyuarat ini. Dari segi kerajaan pula mereka memberitahu saya bahawa Perbendaharaan akan meneruskan pemberian wang ihsan Petronas kepada negeri Terengganu melalui Program Pembiayaan Wang Ihsan yang memastikan kebajikan rakyat Terengganu, termasuk bekalan air, elektrik, jalan, pendidikan, pertanian, perumahan dan penempatan semula dibayar.

Berkenaan dengan kepentingan orang ramai, perkara ini adalah satu perkara kepentingan orang ramai jika sekiranya ia adalah satu perkara yang tertentu.

Yang ketiganya, lagipun perkara ini tidak perlu disegerakan. Ia boleh dikeluarkan pada bila-bila masa, istimewanya dalam sesi budget ini. Perkara-perkara seperti ini boleh dikeluarkan oleh pihak pembangkang dan pihak kerajaan akan menjawabnya mengikut pandangan masing-masing. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. *[Tepuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua, atas penjelasan yang diberikan oleh pihak Tuan Yang di-Pertua. Walaupun usul itu dibawa

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:.....oleh Ketua Pembangkang.....

Tuan Yang di-Pertua: ... hanya boleh bawa keluar berkenaan dengan point of order sahaja. Apa point of order itu?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:.....*[Disampuk]* yang mengatakan bahawa Usul itu tidak ada kena mengena dengan perkara tertentu,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya.

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:...sedangkan bagi saya bahawa ianya perkara tertentu, ialah perkara yang menyentuh soal perjanjian yang dibuat antara *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:.....Kerajaan Negeri Terengganu dengan pihak Petronas.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu keputusan daripada saya

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:dan ia sekaligus merupakan

Tuan Moktar bin Radin: Duduklah, tidak boleh

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:.....perkara untuk kepentingan orang ramai....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, keputusan itu daripada saya

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:....sebab implikasi kepada penolakan usul ini ianya merupakan seolah-olah Dewan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:.....*[Disampuk]* Dewan bersetuju pencabulan terhadap perjanjian yang telah dibuat antara kerajaan negeri dengan Petronas secara yang sah. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Itu keputusan saya, jika sekiranya tidak bersetuju dengan keputusan saya

Tuan Moktar bin Radin: Suruh dia duduk, tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua:....ada perkara-perkara yang boleh dibangkitkan di bawah Peraturan 43.

Tuan Moktar bin Radin: Dia tidak ada peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi satu perkara ini boleh dibangkitkan dalam budget ini. *[Ketawa]* Boleh dibincangkan dengan panjang lebarnya, bukannya dalam masa satu jam di dalam masa yang ditetapkan di bawah Peraturan 18(1) ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, saya hanya membangkitkan tentang kemunasabahan penolakan usul ini, saya tidak nampak, saya tidak lihat kemunasabahan-nya. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi tidak mengapalah, jikalau sekiranya saya silap sekalipun, itu kesilapan daripada Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: ...dan jikalau sekiranya tidak puas hati di atas keputusan itu, bolehlah dibawa usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43. Sila, Setiausaha. *[Disampuk]*

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEKERJA-PEKERJA PELABUHAN (PERATURAN PEKERJAAN) (PEMBUBARAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1995 untuk membubarkan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah Akta ini dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi Pengenaan dan Pemungutan Levi Pembangunan Sumber Manusia bagi Maksud Menggalakkan Latihan Pekerja, Penubuhan dan Pentadbiran Kumpulan Wang oleh perbadanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKATAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkatan 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2000) (N0.2) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Pandikar Amin Haji Mulia); dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**MENARIK BALIK BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUAAAT 62**

**Rang Undang-Undang Akauntan (Pindaan) 2000
(DR.26/2000)**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menarik balik Rang Undang-undang Akauntan (Pindaan) 2000 (DR.26/2000) untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baiklah.

**Rang Undang-Undang Tabung Angkatan Tentera
(Pindaan) 2000 (DR.33/2000)**

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menarik balik Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000 (DR.33/2000) untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga seperti yang tertera di No. 6 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.20 pagi

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000, dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila baca.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 digubal ekoran daripada suatu perakuan yang terkandung di dalam Pelan Induk Tindakan Sosial atau PINTAS yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 Mei 1997. Pelan induk berkenaan telah memperakukan supaya dikaji semula undang-undang berkaitan aspek sosial.

Selaras dengan perakuan tersebut satu jawatankuasa khas mengkaji semula undang-undang sosial yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah ditubuhkan. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jawatankuasa ini telah memutuskan supaya disediakan suatu kertas bagi membincangkan isu perundangan berkaitan dengan kanak-kanak dan remaja sahaja.

Sebagai memenuhi kehendak tersebut, kertas yang disediakan menyentuh mengenai undang-undang sosial masa kini yang berkaitan dengan kanak-kanak dan remaja, kelemahan-kelemahan perundangan yang ada, falsafah dan pendekatan untuk menghasilkan undang-undang baru serta implikasinya.

Kertas kerja berkenaan mendedahkan bahawa undang-undang yang sedia ada kurang membantu dalam menangani gejala sosial atas alasan-alasan yang antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Terdapat terlalu banyak undang-undang yang khusus atau *piecemeal legislation* yang hanya tertumpu kepada sesuatu isu yang tertentu. Akibatnya rujukan perlu dibuat kepada beberapa akta berhubung dengan sesuatu isu;
- (ii) Undang-undang yang sedia ada kurang relevan dengan keadaan semasa kerana tidak mengambil kira keperluan baru yang timbul akibat daripada perubahan sosial;
- (iii) Undang-undang yang sedia ada kurang menekankan aspek pembangunan kanak-kanak dan remaja manakala aspek pencegahan yang menyeluruh kurang diberi penekanan;
- (iv) Undang-undang yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan seperti perkhidmatan kaunseling wajib kepada mangsa, pesalah, ibu dan bapa serta penilaian psikologi ke atas mangsa dan pesalah;
- (v) Undang-undang yang sedia ada kurang memberi penekanan terhadap tanggungjawab ibu dan bapa; dan
- (vi) Undang-undang yang sedia ada tidak merangkumi aspek persekitaran bagi perkembangan dan pembangunan kanak-kanak kerana tidak memberi keutamaan bagi mewajibkan pengwujudan persekitaran yang mesra kanak-kanak sedangkan persekitaran sedemikian penting kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh.

Berdasarkan kertas yang disediakan jawatankuasa khas mengkaji semula undang-undang sosial telah memutuskan agar digubal satu undang-undang baru yang lebih mantap dan mampu menangani masalah sosial yang melanda golongan kanak-kanak dan remaja masa kini.

Tiga akta utama iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang berkaitan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan remaja digabungkan dalam satu akta baru. Satu pasukan perunding tempatan telah diambil khidmat oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menyediakan draf awal Rang Undang-undang Kanak-kanak. Draft tersebut kemudian telah disemak, diteliti dan diseliakan semula oleh Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini terdapat perubahan ketara dalam kehidupan masyarakat Malaysia sama ada dari segi sosial, kebudayaan atau perhubungan *interpersonal* atau sesama sendiri. Pembangunan pesat ekonomi negara, proses industrialisasi, urbanisasi serta migrasi atau penghijrahan dari luar bandar ke pusat-pusat bandar merupakan faktor-faktor yang telah memberi kesan terhadap nilai, kepercayaan, sikap dan corak hidup yang sedia ada.

Perubahan-perubahan ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial yang juga memberi dimensi baru kepada masalah sosial yang sudah lama wujud di negara ini. Gejala-

gejala seperti penganiayaan kanak-kanak, pembuangan bayi, perkosaan atau rogol di kalangan kanak-kanak, jenayah kanak-kanak, kenakalan juvana, kehamilan remaja, fenomena lari dari rumah, bohsia, amalan lepak dan pelacuran yang dikaitkan dengan golongan kanak-kanak dan remaja menjadi petanda bahawa undang-undang sedia ada yang telah lama diterima pakai sebagai satu mekanisme untuk mengatasi masalah sosial kini dipersoalkan dan diragui keberkesanan.

Masyarakat umum mula menyuarakan kebimbangan terhadap penguatkuasaan dan peranan undang-undang sebagai satu mekanisme pengawalan, pengawasan dan perubahan. Penganalisaan secara imbasan peruntukan undang-undang yang sedia ada seolah-olah telah memenuhi semua keperluan dan hak kanak-kanak dan remaja tetapi penganalisaan secara dalam menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk diperbaiki dan dikemaskinikan.

Selaras dengan wawasan 2020 adalah wajar supaya digubal satu undang-undang baru yang mengambil kira tanggungjawab semua pihak, khususnya individu itu sendiri, ibu bapa dan keluarga serta ahli masyarakat keseluruhannya untuk menjamin kehidupan perlindungan dan pembangunan kanak-kanak.

Di samping itu, undang-undang ini perlu juga mempunyai elemen membimbing dan mendidik kanak-kanak dan remaja supaya bertanggungjawab terhadap diri sendiri, ibu dan bapa, keluarga, masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, keluarga merupakan unit asas sosialisasi, kanak-kanak dan remaja. Pembangunan institusi keluarga yang mantap merupakan satu keperluan untuk menangani penyakit sosial masa kini terutama yang melanda kanak-kanak dan remaja. Sistem kekeluargaan di negara ini telah terganggu dengan pelbagai cabaran terutamanya perubahan dalam struktur keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh media dan budaya asing.

Kewujudan keluarga yang tidak stabil atau keluarga yang diketuai oleh ibu atau bapa tunggal akan memberi implikasi ke atas corak dan cara gaya kehidupan kekeluargaan terutamanya dalam aspek penjagaan dan pendidikan anak. Bagi membolehkan seluruh keluarga terus memainkan peranan sebagai agen sosialisasi yang berkesan, penggubalan undang-undang baru perlu mengambil kira aspek perkhidmatan sokongan kepada keluarga terutamanya keluarga yang menghadapi pelbagai masalah.

Peruntukan yang mewajibkan kaunseling bagi keluarga serta anak yang didera atau yang melakukan salah laku akan dapat membantu keluarga berkenaan menghadapi dan menangani masalah-masalah yang dihadapi daripada diambil tindakan yang bercorak *punitive* atau hukuman semata-mata dari segi penguatkuasaan undang-undang.

Penggubalan Rang undang-undang Kanak-kanak bertujuan menyelaraskan apa-apa pertindihan yang terdapat dalam Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 bagi mengelakkan berulang masalah penguatkuasaan.

Turut diberi penekanan ialah aspek kehidupan, perlindungan, pembangunan, peranan dan tanggungjawab keluarga serta penyertaan masyarakat dalam pembangunan kanak-kanak. Pada masa yang sama undang-undang baru ini juga prihatin dan peka kepada perspektif kanak-kanak bertujuan untuk membentuk sahsiah kanak-kanak pada masa depan.

Sebagai sebuah negara yang maju dan berada di arena antarabangsa Malaysia turut terlibat untuk mengiktiraf ketetapan global. Kepentingan hak asasi kanak-kanak telah pun diberi keutamaan dalam Deklarasi Vienna dan rancangan tindakan mengenai hak asasi manusia yang menyatakan bahawa, dengan izin,

“In all actions, concerning children, nondiscrimination and the best interest of the child should be primary considerations and the views of the child given due weight. National and international mechanisms and programmes should be strengthened for the defence and protection of children, in particular, the girlchild, abandoned children, street children, economically and sexually exploited children, including through child pornography, child prostitution or sales of organ’s children victim of diseases including acquired immunodeficiency syndrome, refugee and displaced children, children in detention, children in armed conflict, as well as children victims of famine and drought and other emergencies.

The World Conference on Human Rights also stresses that the child for the full and harmonious development of his or her personality should grow up in a family environment which accordingly merits broader protection.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 merupakan satu usaha kerajaan untuk mengadakan peruntukan undang-undang yang lebih baik dan rapi bagi memelihara, melindungi dan memulihkan kanak-kanak demi untuk kesejahteraan mereka dan negara.

Mukadimah atau preamble rang undang-undang ini mengandungi falsafah dan prinsip-prinsip am yang memberi garis panduan mengenai semua aspek yang melibatkan kanak-kanak dengan merujuk terutamanya kepada konvensyen mengenai hak kanak-kanak. Mukadimah Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 mengiktiraf bahawa kanak-kanak merupakan kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran negara. Kanak-kanak juga berhak mendapatkan perlindungan dan bantuan dalam segala hal tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan seperti ras, asal-usul, budaya dan agama. Rang undang-undang ini juga mengakui dan mengiktiraf bahawa keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembesaran, penyaraan dan kebajikan kanak-kanak dan dengan itu keluarga juga wajar diberi bantuan yang perlu untuk membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab mereka sepenuhnya sebagai sumber pemeliharaan, penyaraan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak dalam masyarakat.

Rang undang-undang ini juga telah mengambil kira perbezaan dari segi umur yang terdapat antara tiga akta utama sedia ada yang telah menimbulkan kesulitan semasa menguatkuasakan undang-undang ini. Takrif kanak-kanak diberi erti seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun, walau bagaimanapun umur bagi tanggungjawab jenayah kekal pada umur 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 200 mengandungi 15 bahagian dan 135 fasal kesemuanya. Izinkan saya memberi huraian ringkas mengenai bahagian-bahagian berkenaan serta menyentuh dan menjelaskan beberapa peruntukan yang penting.

Bahagian I mengandungi penjelasan mengenai pemakaian dan tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang dan peruntukan mengenai tafsiran.

Bahagian II memperkatakan penubuhan fungsi keanggotaan mesyuarat dan perjalanan Majlis Penyelarasan bagi Perlindungan Kanak-kanak. Antara fungsi majlis ialah bertanggungjawab menasihati Menteri tentang segala aspek perlindungan kanak-kanak, mengesyorkan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan perkhidmatan kanak-kanak membangunkan program untuk mendidik orang ramai dalam pencegahan penganiayaan serta pengabaian kanak-kanak dan bertindak sebagai penasihat mengenai pengurusan operasi dan amalan pasukan pelindung kanak-

kanak di seluruh Malaysia. Majlis dalam hal ini boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi membantunya melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah rang undang-undang ini;

Bahagian III memperkatakan pelantikan dan kuasa pelindung, pendaftar besar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan pendaftar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pegawai akhlak.

Bahagian IV memperkatakan penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Semua perkara yang terjatuh di bawah rang undang-undang sepadu ini hendaklah diuruskan di hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ini. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak terdiri daripada Majistret Kelas Pertama yang hendaklah terkecuali di dalam hal yang diperuntukkan dalam fasal 2(2) dibantu oleh 2 orang penasihat. Seorang daripadanya mestilah seorang wanita dan fungsi penasihat adalah untuk menasihati Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat oleh mana-mana kanak-kanak yang dihadapkan ke mahkamah itu dan jika perlu untuk menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang terlibat.

Bahagian V mengandungi peruntukan berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Peruntukan sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukkan dalam Bahagian IV, V, VI dan VII Akta 468. Antara lainnya pelbagai hal keadaan yang mesti wujud sebelum seseorang kanak-kanak boleh digolongkan sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan diperihalkan dalam Fasal 17; jagaan sementara dan pemeriksaan dan rawatan perubatan masing-masing dalam Fasal 15 dan 21; kesalahan berhubung dengan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak yang diperihalkan dalam Bab 3; pemberitahuan apabila mengambil kanak-kanak dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan diperuntukkan dalam Bab 4.

Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kepada beberapa peruntukan baru yang dimasukkan dalam akta berhubung dengan bahagian ini seperti yang berikut:

Fasal 28 dan 29, bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas tiap-tiap anggota keluarga seseorang kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak untuk memberitahu seseorang pelindung, jika dia mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu telah dianiayai dan sebagainya. Akta 468, hanya meletakkan tanggungjawab kepada seorang pengamal perubatan atau pegawai perubatan untuk melaporkan kejadian penganiayaan. Peruntukan ini bertujuan memastikan bahawa anggota keluarga dan pengasuh kanak-kanak lebih bertanggungjawab dan mengambil berat mengenai keadaan kanak-kanak yang didera, terbiar dan sebagainya.

Apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam mana-mana perintah yang dibuat oleh mahkamah bagi kanak-kanak di bawah Fasal 30 tidak boleh melampaui tarikh kanak-kanak yang dimasukkan dalam perintah itu mencapai umur 18 tahun. Sesuatu perintah yang dikeluarkan di bawah Fasal 30(1)(e) untuk meletakkan seseorang kanak-kanak dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan seseorang ibu atau bapa, peliharaan atau *foster parent* perlu dilaksanakan dengan serta-merta.

Perintah-perintah yang dikeluarkan boleh ditambah dengan syarat-syarat tertentu seperti mewajibkan ibu atau bapa atau penjaga yang ditemani kanak-kanak itu menghadiri bengkel interaktif yang diaturkan oleh pihak berkuasa tertentu, menghendaki ibu atau bapa atau penjaga melawat kanak-kanak di tempat selamat dan sebagainya.

Bahagian VI mengandungi peruntukan berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan. Peruntukan sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukkan di dalam Bahagian III dan IV Akta 106.

Peruntukan-peruntukan yang sedia ada hanya memberi perlindungan kepada kaum wanita daripada dieksplotasi secara seksual tetapi di bawah rang undang-undang ini,

kanak-kanak lelaki juga termasuk dalam kategori yang memerlukan perlindungan dan pemulihan. Antara lain, pelbagai hal keadaan yang semestinya wujud sebelum seseorang kanak-kanak digolongkan sebagai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan diperihalkan dalam Fasal 38 dan pelbagai kesalahan di bawah bahagian ini diperihalkan dalam Bab 2.

Antara peruntukan-peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam akta berhubung dengan bahagian ini adalah seperti yang berikut:

- Apabila Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengeluarkan perintah meletakkan seorang kanak-kanak di suatu tempat perlindungan, Fasal 40(3)(a) atau membuat perintah meletakkan seseorang di bawah pengawasan seorang pegawai kebajikan, Fasal 40(3)(d) ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dikehendaki menyempurnakan suatu bon selama tempoh perintah itu dengan syarat-syarat seperti lawatan tetap ke tempat perlindungan, memastikan kanak-kanak tinggal di dalam rumah pada masa yang dinyatakan dan sebagainya. Peruntukan baru ini dimasukkan bagi tujuan ibu dan bapa atau penjaga kanak-kanak lebih bertanggungjawab ke atas kelakuan kanak-kanak itu.
- Mengenai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 41(2), termasuk kanak-kanak perempuan yang hamil luar nikah. Peruntukan baru ini bertujuan memperluas ruang lingkup perlindungan di bawah fasal ini dan membolehkan kanak-kanak yang sedang hamil bersalin di tempat yang selamat. Ini juga merupakan satu cara untuk menangani masalah bayi dibuang.
- Fasal 43(1)(j) mewujudkan suatu kesalahan baru terhadap para pelanggan yang mengambil kanak-kanak untuk memuaskan nafsunya bagi apa-apa balasan harga. Akta yang sedia ada tidak memperuntukkan hukuman pada mereka yang mengeksploitasi wanita dan gadis dan menimbulkan tanggapan masyarakat bahawa akta ini *gender bias* kerana tindakannya hanya diambil terhadap wanita sedangkan kaum lelaki yang menggunakan perkhidmatan wanita tersebut terlepas daripada sebarang tindakan.
- Fasal 43 juga memperuntukkan penalti yang lebih berat terhadap mereka yang disabitkan atas kesalahan-kesalahan dalam Bab 2, hukuman pemenjaraan dan sebatan adalah mandatori bagi mereka yang memperdagangkan atau hidup atas punca pencarian pelacuran, ibu dan bapa ayam dan mereka yang melanggan atau menyewa seseorang kanak-kanak untuk memberi perkhidmatan bagi nafsu seksnya.
- Hukuman ditambah daripada denda yang tidak melebihi RM10 ribu atau penjara tidak melebihi 5 tahun kepada denda tidak melebihi RM50 ribu, hukuman pemenjaraan mandatori yang tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak melebihi 15 tahun dan sebatan mandatori tidak lebih daripada 6 sebatan. Untuk kesalahan kedua dan berikutnya, selain hukuman pemenjaraan juga dikenakan sebatan mandatori tidak kurang daripada 6 kali sebatan dan tidak melebihi 10 kali.

Bahagian VII memperkatakan kanak-kanak yang tidak terkawal dan mengadakan peruntukan yang membolehkan ibu atau bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak meminta mahkamah bagi kanak-kanak menahan kanak-kanak itu di sesuatu sekolah yang diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak atau pusat atau meletakkan kanak-kanak tersebut di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak.

Bahagian VIII adalah berhubung dengan memperdagangkan dan membawa lari kanak-kanak. Peruntukan sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukkan dalam Bahagian VIII, Akta 468. Peruntukan baru yang terkandung dalam Fasal 52 bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan kerana membawa atau menghantar keluar seseorang kanak-kanak tanpa keizinan sewajarnya orang yang mempunyai jagaan yang sah kanak-kanak itu. Masalah membawa lari kanak-kanak secara paksa seharusnya diberi perhatian.

Bahagian IX memperkatakan pelbagai institusi di bawah rang undang-undang yang dicadangkan. Institusi yang dimaksudkan ialah tempat selamat atau tempat iaitu tempat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak, tempat perlindungan iaitu tempat bagi pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak, tempat tahanan, asrama akhlak, sekolah yang diluluskan oleh Sekolah Henry Gurney. Bahagian IX... kesepuluh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kesepuluh tadi kesembilan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Bahagian X memperkatakan tatacara jenayah di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Peruntukan-peruntukan ini pada asasnya sama dengan peruntukan yang pada masa sekarang diperuntukkan dalam Akta 90. Kanak-kanak yang dikatakan telah melakukan kesalahan jenayah tidak boleh ditangkap, ditahan atau dibicara kecuali mengikut rang undang-undang ini.

Bahagian ini juga menyatakan tatacara Mahkamah Bagi Kanak-Kanak apabila seseorang kanak-kanak di bawa ke hadapannya bagi apa-apa kesalahan.

Peruntukan baru yang dimasukkan dalam akta berhubung dengan bahagian ini adalah seperti berikut:

- Ibu atau bapa atau penjaga dikehendaki hadir pada semua peringkat prosiding di mahkamah melainkan jika dikecualikan oleh mahkamah seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 88: *"Ibu atau bapa atau penjaga itu boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun jika tidak hadir apabila dikehendaki berbuat demikian"*. Peruntukan baru ini bertujuan memastikan supaya ibu atau bapa atau penjaga, tampil ke hadapan dan bertanggungjawab terhadap kebajikan anak-anak mereka.
- Kepentingan anak-anak diberi keutamaan dan dijamin seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 90 yang membenarkan ibu, bapa, penjaga, mana-mana saudara atau orang lain yang bertanggungjawab membantu kanak-kanak membuat pembelaan sekiranya kanak-kanak itu tidak diwakili oleh peguam. Berbagai perintah yang dibuat oleh mahkamah bagi kanak-kanak dinyatakan dalam Fasal 91 termasuk perintah baru yang boleh dikeluarkan iaitu perintah sebatan ke atas kanak-kanak lelaki, cara melaksanakan perintah sebat diperihal dalam Fasal 92.

- Untuk menanam rasa lebih tanggungjawab kepada ibu bapa atau penjaga, Fasal 93 menghendaki ibu bapa atau penjaganya menyempurnakan satu bon bersyarat bagi kelakuan baik kanak-kanak yang terlibat sebagai tambahan kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah. Sekiranya ibu atau bapa atau penjaga melanggar mana-mana syarat bon, ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tidak melebihi RM5000 dan jamin jika ada boleh dilucutkan.
- Fasal 95(3) memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi hendaklah membuat keputusan muktamadnya berhubung dengan semua rayuan dalam tempoh 12 bulan selepas notis rayuan difailkan, hasrat peruntukan ini ialah supaya tidak timbul apa-apa kelengahan yang boleh menjejaskan kepentingan seseorang kanak-kanak. Bagi seseorang kanak-kanak, tempoh masa adalah penting kerana umur mereka kian meningkat.
- Fasal 97(4) membolehkan Lembaga Hakim Pelawat bagi sesuatu penjara membuat semakan terhadap kes pesalah kanak-kanak yang ditahan atas limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong atau Yang di-Pertua Negeri, tujuan peruntukan baru ini ialah supaya pesalah kanak-kanak yang sesuai boleh dipertimbangkan untuk pelepasan dari masa ke semasa.
- Hal-hal keadaan yang membenarkan mahkamah bagi kanak-kanak membuat sesuatu perintah percubaan dinyatakan dalam Fasal 98. Perintah percubaan tidak boleh dibuat dalam hal jenayah berat, kesalahan sengaja menyebabkan cedera parah, merogol, melakukan sumbang muhrim, mencabul kehormatan, kesalahan di bawah Seksyen 377B, 377C, 377D atau 377E, Kanun Keseksaan. Dengan perlakuan kesalahan berat dan kesalahan seksual yang berleluasa adalah tidak wajar untuk melepaskan terus pesalah-pesalah berkenaan dalam masyarakat walaupun dengan pengawasan.

Bahagian XI memperkatakan perkara-perkara yang berhubung dengan kanak-kanak yang diletakkan dalam pemeliharaan seorang yang layak dan sesuai termasuk mengenai kesalahan memindahkan atau menolong seseorang kanak-kanak melarikan diri daripada pemeliharaan seorang yang layak dan sesuai.

Bahagian XII memberi kuasa kepada mahkamah bagi kanak-kanak untuk membuat perintah menghendaki ibu atau bapa atau penjaga seorang kanak-kanak membuat sumbangan sebagai yang difikirkan patut oleh mahkamah itu setelah mengambil kira kemampuan ibu atau bapa atau penjaga.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 akan memansuhkan Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Saya yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 akan memudahkan lagi urusan penguatkuasaan, di samping mengelakkan kekeliruan pada semua pihak.

Peruntukan-peruntukan yang tertindih dalam ketiga-tiga akta yang sedia ada telah diselaraskan dan peruntukan-peruntukan lain yang tidak berkaitan dengan kanak-kanak telah digugur.

Di samping itu, peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan, menekankan kepentingan terbaik bagi kanak-kanak dan rang undang-undang ini yang turut memberi

penekanan kepada aspek pembangunan dan pencegahan dapat dilihat sebagai alat intervensi dan membendung gejala sosial. Rang undang-undang ini merupakan pelengkap kepada usaha-usaha menangani masalah sosial yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui pelan induk tindakan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sedar bahawa keberkesanan undang-undang yang berniat murni dan mempunyai cita-cita yang sejahtera hanya akan terhasil jika ianya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Maka, adalah penting jentera pelaksana diberi tumpuan dan dinilai keupayaan untuk bertindak dengan berkesan bagi menepati matlamat dan hasrat undang-undang ini. Undang-undang baru ini memerlukan satu sistem sokongan yang menyeluruh bagi melibatkan kepakaran seperti pakar psikologi kanak-kanak, pakar kanak-kanak dan pakar perubatan bagi membantu menilai dan menentukan langkah-langkah dan rawatan yang lebih profesional dan mantap terhadap kanak-kanak dan remaja.

Undang-undang ini memerlukan pendekatan yang berbentuk pelbagai disiplin di mana penguatkuasaan tidak terhad kepada suatu agensi pelaksanaan tetapi memerlukan permuafakatan agensi-agensi utama yang bertanggungjawab dalam membangunkan dan menyejahterakan kanak-kanak dan remaja. Dalam memenuhi anjakan paradigma ini, maka keperluan dan kemudahan fizikal serta kepakaran dan latihan yang khusus akan diberi perhatian oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pohon sokong.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin Zin]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu Akta Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya bagi Kelang.

11.45 pagi.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Kelang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mula komen saya berkenaan dengan rang undang-undang ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi pertimbangan ke atas pendapat-pendapat yang telah dilahirkan oleh Ahli-ahli Parlimen ke atas rang undang-undang ini apabila ia dibentangkan kali pertama sesi yang lalu. Kami perhatikan terdapat beberapa pindaan telah dilakukan ke atas draf baru sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira dan saya percaya semua kaum wanita juga akan merasa gembira kerana rang undang-undang yang dibentangkan ini dengan terangnya telah memperuntukkan hukuman ke atas sesiapa yang menggunakan wanita di bawah 18 tahun sebagai pelacur seperti yang tersurat dalam Fasal 43(1)(j) seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa mana-mana orang yang melanggan ataupun menyewa bagi apa-apa balasan berharga seseorang kanak-kanak untuk memberi perkhidmatan bagi nafsu seksnya melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu dan dipenjarakan selama tempoh yang tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi daripada 15 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat, tidak lebih daripada enam sebatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, Fasal 16(1) yang memberi peruntukan bahawa mana-mana orang yang mempunyai seks dengan niat dengan sesiapa sahaja orang wanita di bawah umur 16 tahun kecuali melalui perkahwinan akan dianggap bersalah melakukan kesalahan. Rang undang-undang yang baru ini bukan sahaja jelas dalam memperkatakan kesalahan terbabit tetapi ia juga meliputi umur yang lebih luas iaitu daripada 16 ke 18 tahun. Salah satu daripada jalan luar (loopholes) yang terdapat pada akta Perlindungan Wanita dan Gadis adalah terkandung dalam Fasal 16(3) di mana diperuntukkan bahawa yang akan menjadi pembelaan secukupnya ke atas sebarang caj di bawah subseksyen 1(1) sekiranya orang yang didakwa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa gadis berkenaan adalah berumur 16 tahun atau lebih.

Fasal ini telah menyebabkan ramai lelaki yang melanggan gadis di bawah umur terlepas bebas. Fasal ini telah dibuang di rang undang-undang yang baru ini. Dari segi hukuman juga, rang undang-undang ini telah memperuntukkan hukuman yang lebih keras umpamanya di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, kesalahan di atas jika disabit kesalahan akan menerima hukuman penjara tidak lebih daripada lima tahun atau didenda tidak lebih daripada RM10 ribu atau kedua-keduanya sekali. Manakala, mengikut rang undang-undang yang dibentangkan hari ini, hukuman penjaranya adalah sekurang-kurangnya lima tahun dan maksimumnya telah dinaikkan ke 15 tahun. Dendanya pula telah dinaikkan ke RM50 ribu dan ditambah pula dengan mandatori enam sebatan.

Kami mengalu-alukan kesemua pindaan ini. Setiap tahun beratus-ratus anak gadis yang datang ke bandar raya mencari kerja di goda untuk melakukan kerja-kerja maksiat. Apa bila mereka terperangkap di dalam jerat sindiket, sepanjang hayat mereka akan dikawal. Mereka akan dijadikan hamba seks dan dijual dari bandar raya ke bandar raya dan dari negeri ke negeri. Mereka yang membantah akan diseksa, diugut dan dibunuh juga. Siapakah yang menjadi dalang dalam penyakit sosial pelacuran gadis bawah umur ini? Jawabnya ialah orang lelaki yang menjadi pelanggan. Ini adalah kerana apabila terdapat permintaan, manusia akan mencari bekalannya dan bekalannya datang daripada pekerja-pekerja kilang, pelajar-pelajar, jiran, saudara mara dan kemungkinan juga anak-anak gadis kita.

Binatang-binatang yang bertopengkan manusia ini yang menganiayai gadis-gadis bawah umur untuk memuaskan nafsu mereka semestinya dihukum dengan sekeras-kerasnya. Sebenarnya, saya ingin mencadangkan agar gambar mereka disiarkan supaya rupa hodoh dan keinginan kotor mereka didedahkan. Hanya bila manusia haiwan ini berasa takut untuk memenuhi nafsu songsang mereka terhadap pelacur di bawah umur, barulah anak gadis kita dapat diselamatkan daripada menjadi mangsa dagangan seks.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang keras harus disertakan dengan penguatkuasaan undang-undang yang efektif supaya usaha kita dalam menghapuskan pelacuran gadis di bawah umur akan berjaya dan dengan itu, dapatlah kita memberi perlindungan kukuh kepada anak-anak gadis kita. Pada masa lampau, kita sering melihat betapa gadis-gadis di bawah umur ditahan ketika pihak polis membuat serbuan dan mereka kemudian dihantar ke pusat-pusat pemulihan akhlak tetapi di sebaliknya, jarang sekali kita melihat orang lelaki didakwa di mahkamah kerana telah melanggan pelacur-pelacur di bawah umur.

Dalam pada kita mengucapkan syabas kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat atas usaha mereka memperkenalkan Rang Undang-undang Perlindungan bagi Wanita dan Kanak-kanak, saya ingin menggesa agar mereka tidak hanya memastikan adalah undang-undang sahaja tetapi berusaha juga untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang tersebut. Adakah undang-undang ini efektif tatkala dilaksanakan? Dan kami ingin melihat haiwan yang bertopengkan manusia yang

menggunakan pelacur kanak-kanak ini didakwa di mahkamah sebaik sahaja rang undang-undang ini dilulus dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya percaya telah dikemukakan oleh Yang Berhormat yang lain semasa rang undang-undang ini dibentangkan kali yang pertama dan saya ingin menyatakan semula di sini ialah bahawa Akta Perlindungan Wanita dan Gadis adalah merangkumi wanita dewasa dan gadis di bawah umur 18 tahun, manakala rang undang-undang ini hanya memberi perlindungan kepada gadis di bawah 18 tahun. Oleh itu, apabila Akta Perlindungan Wanita dan Gadis dimansuhkan, maka tidak akan ada undang-undang yang akan mengawal perdagangan dan pelacuran secara paksa wanita yang berumur 18 tahun dan ke atas. Ini akan menggalakkan peningkatan aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh itu adalah terlalu penting diwujudkan undang-undang baru atau dipinda *Penal Code* bagi melindungi wanita tersebut sebelum Akta Perlindungan Wanita dan Gadis dimansuhkan.

Sekiranya pihak kementerian telah pun berfikir untuk meminda *Penal Code*, saya ingin tahu bilakah ianya akan siap untuk dibentangkan di Parlimen? Saya rasa penguatkuasaan undang-undang yang ada ini mestilah disertai bersama dengan penguatkuasaan pindaan *Penal Code* agar wanita sama ada yang berumur di bawah 18 tahun atau di atas 18 tahun, akan dilindungi setiap masa. Ini sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini ya. Saya bagi Bukit Mertajam.

11.45 pagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya menyambut baik mengenai pindaan rang undang-undang ini kerana ini memang telah lama dilobi oleh persatuan-persatuan atau kumpulan wanita dan juga kumpulan hak asasi manusia.

Saya percaya bahawa pindaan ini ialah untuk mengemaskan *inconsistency* yang terdapat dalam tiga akta yang terlibat, iaitu Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1951 dan Akta Mahkamah Juvenil. Tadi, Yang Berhormat Menteri sudah pun menerangkan *inconsistency* dalam aspek takrif umur dalam ketiga-tiga akta ini dan saya ingin tahu, adakah Yang Berhormat Menteri telah menerima satu memorandum mengenai pindaan ini daripada Pusat Krisis Wanita di Pulau Pinang. Saya telah baca memorandum ini ia telah menunjukkan beberapa *inconsistency* atau pun beberapa bahagian yang perlu diberi pertimbangan untuk membuat pindaan. Maka saya harap Yang Berhormat akan mengikut dengan action. Tetapi tadi, Yang Berhormat Menteri ada juga sentuh mengatakan bahawa situasi sosial sekarang telah berubah dan kita menghadapi sistem atau institusi keluarga menghadapi situasi yang berlainan, sosial yang berlainan maka kita perlu pendekatan yang berlainan untuk bersesuaian dengan keadaan sekarang.

Yang Berhormat Menteri juga sentuh aspek pencegahan. Apa yang kita buat hari ini dalam pindaan ini ialah untuk menangani kanak-kanak yang telah diabaikan ataupun di dalam keadaan yang bahaya dan perlu penjagaan dan juga perlindungan yang diletakkan di bawah undang-undang. Tetapi ramai kanak-kanak sebenarnya dalam kehidupan seharian pun didedahkan kepada situasi yang begitu bahaya.

Pada tempoh hari yang lalu, Yang Berhormat sendiri ada menyatakan bahawa dalam satu kenyataan, kita perlu meminda Akta Penjagaan Kanak-Kanak supaya kita memberi penjagaan kepada kanak-kanak yang berumur kecil kerana ada satu kes di mana kedua-dua ibu-bapa keluar bekerja dan akan kecilnya berumur enam dan empat tahun di *lock-up* di rumah dan berlakunya kebakaran dan kedua-duanya terkorban di dalam kebakaran itu dan ini bukan satu kes. Saya percaya ada ramai kanak-kanak yang terdedah

kepada risiko ini walaupun bukan - mungkin tidak se serius seperti kes ini tetapi ramai keluarga miskin di mana ibu-bapa terpaksa bekerja dan mereka tidak mampu mengupah penjaga anak-anak mereka dan anak-anak mereka ditinggalkan begitu sahaja.

Walaupun kita ada undang-undang yang mengatakan bahawa ini merupakan satu kesalahan jika ibu-bapa membiarkan kanak-kanak di bawah 12 tahun di rumah secara bersendirian tanpa jagaan orang dewasa tetapi dalam keadaan yang susah, ibu-bapa tidak mampu, apa hendak buat? Maka tanggungjawab menjaga kanak-kanak dalam masa sekarang bukan sahaja tanggungjawab ibu-bapa tetapi saya berpendapat bahawa kerajaan dan negara juga perlu memikul sama tanggungjawab ini kerana pada masa sekarang kerajaan juga menggalakkan supaya wanita keluar bekerja supaya kita mempunyai lebih sumber manusia untuk meningkatkan pengeluaran ekonomi tetapi kita tidak menyediakan kemudahan untuk menjaga anak-anak.

Begitu ramai wanita bekerja di kilang-kilang yang mendapat gaji yang rendah dan tidak mampu mengupah penjaga kanak-kanak. Walaupun sudah berdekad - kerajaan telah mengatakan kita menggalakkan pihak majikan menyediakan kemudahan menjaga kanak-kanak tetapi ini tidak efektif kerana ini hanya satu galakan dan bukan satu undang-undang yang mengatakan mereka mesti menyediakan. Pihak kerajaan sendiri tidak menyediakan kemudahan ini. Kalau pihak kerajaan pun tidak menjalankan - pihak kerajaan selalu mengatakan pihak swasta mesti menjalankan tanggungjawab sosial mereka tetapi kerajaan sendiri tidak membekalkan kemudahan-kemudahan sosial ini.

Maka saya harap bahawa kenyataan Yang Berhormat Menteri itu akan menjadi kenyataan secepat mungkin - mungkin ia dipinda di sesi Julai supaya kita memberi lebih perlindungan kepada kanak-kanak khususnya mereka yang datang daripada keluarga yang miskin kerana kita semua di sini mungkin kita lebih mampu. Tetapi ramai wanita di luar sana, mereka tidak mampu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam konteks ini, saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini yang mengatakan ibu-bapa yang mesti juga memikul tanggungjawab kepada sebahagian ibu-bapa bahawa ini merupakan *double exploitation* kepada ibu-bapa ini kerana memang masalah sosial timbul kerana kemiskinan. Ibu-bapa, mereka telah menjadi mangsa kerana mereka tidak mendapat menikmati *the fruit of* pembangunan dan mereka terus menjadi miskin walaupun negara telah membangun. Keadaan *society* telah berlain tetapi mereka masih dalam keadaan miskin dan kerana mereka miskin mereka mengabaikan anak-anak mereka dan kerana mengabaikan anak-anak, mereka mesti dihukum lagi. Ini merupakan hukuman dua kali.

Maka saya harap pertimbangan akan diberi kepada latar belakang ekonomi ibu-bapa dalam kes-kes juvenil ini dan saya berpendapat bahawa kemudahan penjagaan kanak-kanak itu mesti menjadi satu bahagian dalam polisi pembangunan negara. Dia mesti menjadi satu *part and parcel* dalam polisi pembangunan negara kerana kanak-kanak ini adalah harapan negara di masa hadapan, mereka akan menjadi sumber manusia, mereka akan menjadi pemimpin. Tetapi kalau mereka tidak diberi penjagaan yang baik maka mereka akan jatuh ke tangan yang bahaya ataupun situasi yang bahaya dan perlu diberi perlindungan dan kadang-kadang-kadang perlindungan itu pun datang terlalu lewat khususnya mereka yang diseksa ataupun menjadi mangsa keganasan seksual.

Di aspek ini, saya hendak mengatakan bahawa di dalam satu kajian yang dijalankan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang yang mengatakan bahawa 50% mangsa rogol adalah kanak-kanak yang di bawah 15 tahun. Ada mereka yang semuda 4 tahun, 6 tahun dan 7 tahun dan mereka belum lagi jadi wanita lagi. Mereka bukan.....[Disampuk].

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Puan Chong Eng: Mereka bukan berpakaian seksi tetapi mereka juga menjadi mangsa. Maka adalah penting kita semua faham bahawa[*Disampuk*]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Puan Chong Eng: Sekejap, sekejap, ya. Semua pihak mesti faham bahawa ini bukan kena-mengena dengan apa mangsa pakai. Saya sudah teka bahawa Yang Berhormat bagi Rompin akan tanya, "Adakah setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan?"

Beberapa Ahli:...[*Ketawa*]

Puan Chong Eng:..Itu saya sudah tekalah tetapi saya hendak jawab, ya. Saya hendak katakan ini - apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan adalah perspektifnya dan itu adalah perspektif yang begitu *stereotype* dari segi kaum wanita dan bukan sahaja kaum lelaki. Ada sesetengah kaum wanita pun ingat begitu juga. Saya hendak kata juga dalam perjumpaan.....[*Disampuk*]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Rompin adakah ini soalan Yang Berhormat ingin kemukakan?

Puan Chong Eng: Dia sudah kata, tadi dia sudah kata.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tidak. Dia pandai, mungkin jawapannya sudah 'pre-council' dengan PAS sebelum ini.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan. Dia kata bukan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak mengucapkan syabas kepada beliau...

Seorang Ahli: Pre-council itu besok.

Puan Chong Eng: Dia perlu.... [*Disampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bangun hendak mengucapkan syabas kepada beliau.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:...hendak bangun mengucapkan tahniah.

Puan Chong Eng: [*Duduk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat....

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, besok pre-council.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:...peka dan sensitif kepada hak wanita seperti juga dalam Barisan Nasional, MCA - ketua wanitanya semua sensitif dan perkara ini satu dorongan dan sokongan wanita DAP, saya yakin kita semua menghargai. Tetapi nampak tidak konsisten dengan pimpinan PAS. Pimpinan PAS lebih menyalahkan kepada wanita tentang pakaiannya. Sebab itu saya mengucapkan syabas

kepada Yang Berhormat DAP wanita tidak menyokong dan mengecam kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, adakah pada hari ini hendak terus berdiri atas kenyataan yang baik wanita DAP ataupun ada satu kompromi baru pula dengan DAP dengan PAS, hari ini tidak sanggup, tidak berani menegakkan kepentingan wanita.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berdiri di atas landasan saya, tidak kira siapa [*Tepuk*] dan ini untuk wanita dan saya harap semua faham. Saya hendak katakan...[*Disampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Termasuk sana tu...

Puan Chong Eng: Termasuk sana, sini dan sana.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebelah kanan.

Puan Chong Eng: Sini dan sana.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kananlah.

Puan Chong Eng: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Ketawa*]

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, bahawa[*Disampuk*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Nanti sampai hal TEN nanti tahulah....

Puan Chong Eng: Apa yang dikatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah....

Puan Chong Eng: Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan juga dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Dalam satu perjumpaan dengan wakil-wakil persatuan wanita pada bulan Julai baru-baru ini, Yang Amat Berhormat juga berkata bahawa gangguan seksual itu berkaitan dengan mini skirt yang dipakai oleh wanita. Mengapa pihak sana tidak buat apa-apa?

Seorang Ahli: Berani cakap orang

Puan Chong Eng: *Criticism*, tidak berani cakap.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Mohon penjelasan.

Puan Chong Eng: Saya akan habiskan satu. Di dalam sesi yang baru lepas, Ahli Yang Berhormat bagi Larut juga mengatakan kalau hendak mengelakkan gangguan seksual tutuplah aurat, bukankah ini semua sama dengan Tok Guru di Kelantan?

Beberapa Ahli: Sama jugalah.

Puan Chong Eng: Sama juga. [*Ketawa*]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Puan Chong Eng: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya amat berterima kasih di atas pandangan Yang Berhormat tadi berkaitan dengan masalah aurat yang nampak amat tidak disetujui oleh Yang Berhormat wakil daripada Barisan Nasional khususnya UMNO. Saya hendak menjelaskan dan saya hendak

pohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, adakah beliau sedar bahawa berbeza dengan pemimpin-pemimpin UMNO, pemimpin-pemimpin PAS termasuk Yang Amat Berhormat Tok Guru Nik Aziz, selain daripada menegur masalah pakaian wanita juga menegur pihak lelaki supaya berkelakuan baik dan tidak menghampiri perbuatan-perbuatan yang tidak baik seperti masalah rogol seperti yang disebut oleh kita sendiri.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, adalah penting semua pihak faham kerana mungkin kita bercakap berdasarkan pengalaman kita sendiri ataupun maklumat yang kita ada, ataupun pandangan agama kita sendiri tetapi dalam masalah keganasan seksual ini terdapat banyak kajian maka adalah lebih baik bahawa kita memberi komen berdasarkan kajian dan juga cuba faham apakah puncanya kerana kita mesti melalui kajian baru boleh kita tahu apakah punca masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau, bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya ada membaca berita akhbar yang dikeluarkan oleh kepimpinan wanita DAP. Saya berterima kasih kerana kepimpinan wanita DAP juga berani menyatakan pendirian mereka dan juga komen kepada apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, tetapi nampak gayanya bila sampai ke Dewan ini lain sikit *tone* percakapannya. Dalam apa Yang Berhormat sebut tadi, apabila kita mengadakan perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya sendiri pun ada juga di sana sama-sama, saya rasa ramai wanita yang ada di sana. Apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak memberikan penekanan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan. Apabila kita membuat sesuatu telahan ataupun membuat sesuatu kesimpulan, kita bukan sahaja melihat dan meneliti kenyataan yang dibuat itu pada ketika itu tetapi kita meneliti kenyataan-kenyataan yang sebelum itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa seorang pemimpin yang membuat dasar dan seorang pemimpin yang menentukan arah tuju perjalanan dalam negara kita terutamanya lelaki kalau bersikap dan berpandangan seperti mana pandangan Menteri Besar Kelantan itu adalah pandangan yang tidak luas dan juga yang tidak tepat mengenai isu rogol dan juga persepsi kepada wanita itu sendiri. Ini ternyata dengan apa yang berlaku baru-baru ini yang melibatkan seorang pelajar komputer yang baru saja balik daripada luar negara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir cuba ringkaskan, rujuk kepada soalan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, jadi saya hendak dengar pandangan daripada Yang Berhormat tadi. Bagi saya, saya rasa kita tidak dapat menerima. Sebagai wanita kita tidak dapat menerima bahawa tanggungjawab berlakunya kejadian itu cuma disebabkan pakaian yang seksi, tidak meletakkan keadilan kepada kedua-dua pihak, ia berpunca kepada pihak lelaki dan berpunca juga kepada nafsu yang tidak dikekang, sebab agama mana pun mengajar kita supaya kita dapat membendung diri kita, kita dapat membezakan antara manusia dan haiwan sebab dia ada nafsu dan akal....

Puan Chong Eng:Okay...sudah, sudah...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...kalau dia banyak nafsu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:...terima kasih.

Puan Chong Eng: Yang pertama saya ingin memberitahu semua pihak di sini *cut off the politics*, tidak payah cakap berani atau tidak berani. Kalau tidak berani kita tidak di

dalam DAP. Okay...[Ketawa]. Yang kedua, hendak dikatakan apa yang dibuat oleh Barisan Nasional. Kalau Barisan Nasional begitu peka kepada masalah wanita tentu lama sudah meminda akta mengenai rogol. Sudah berapa lama kumpulan wanita lobi sejak 1985 sampai sekarang, tidak buat apa-apa pindaan. Adakah Yang Berhormat tahu. Maka masalahnya ialah ada wakil wanita pun tidak faham isu wanita. Itulah yang dikatakan oleh - dalam tindakan Beijing juga mengatakan kita perlu lebih ramai perwakilan wanita dalam Parlimen, dalam state assembly tetapi mereka mesti merupakan wanita yang tahu isu wanita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka, Tampin bangun, yang mana satu?

Puan Chong Eng: Kota Melaka....

Tuan Kerk Kim Hock: [Ketawa]....Adakah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sedar bahawa dalam satu kes yang berlaku di Melaka yang mana seorang gadis di bawah umur telah dirogol oleh seorang bekas pemimpin yang berjawatan tinggi tetapi wanita UMNO dan wanita MCA langsung satu bunyi pun tidak ada. Tetapi hari ini di dalam Dewan ini berlagak seperti hero semua, bukankah ini satu sandiwara? Itu yang pertama.

Yang kedua, hakikat memang ada bahawa DAP dengan PAS adalah dua parti yang berlainan dan demokrasi memang wujud dalam gabungan BA di mana saya telah baca dalam *New Straits Times* dan *The Star* walaupun tidak percaya sangat kalau-kalau dengan berita yang disiarkan. Saya telah mengeluarkan pendapat DAP, dan saya difahamkan bahawa Tok Guru Nik Aziz telah membuat kenyataan itu semasa mengajar agama. Saya tidak faham banyak tentang agama Islam. Kalau UMNO yang begitu tentang dengan apa yang telah dikatakan oleh Tok Guru Nik Aziz, adakan satu *debate* dengan dia, bolehkah, *settle* masalah ini.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Tadi saya belum habis jawab dengan Arau lagi kerana kalau pandangan dari agama memang saya percaya bahawa Yang Berhormat bagi Arau bersetuju tutup aurat kerana Yang Berhormat pun ada pakai tudung, tutup aurat. Apa yang dikatakan oleh Dato' Nik Aziz itu bukankah itu selaras dengan pendiriannya dari segi agama?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Puan Chong Eng: Nanti. Maka apakah *hue and cry* yang dibuat oleh pemimpin UMNO kerana kalau itulah cara UMNO yang katakan kita juga adalah orang Islam dan ini adalah kepercayaan kita apa yang dikatakan oleh Tok Guru di Kelantan. Saya pun belum dapat teks yang beliau kata. Saya tidak percaya apa yang dikatakan oleh surat khabar kerana saya tidak tahu adakah itu cara dia kata. Tetapi saya percaya walaupun kita andaikan beliau membuat kenyataan begitu dalam satu ceramah agama dan itu merupakan pandangan beliau sebagai seorang guru agama, adakah itu salah dari segi agama?

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, penjelasan.

Puan Chong Eng: Tampin.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Yang pertama, saya hendak betulkan sedikit. Tadi seolah-olah dia mengatakan sebagaimana yang UMNO ini macam tidak benarkan ahli-ahli wanita ini pakai tudung, macam tidak galakkan. Ini satu kenyataan yang salah, tidak galakkan. Ini yang pertama. Yang kedua, tadi saya tertarik apabila dia kata dalam Parlimen ini Barisan Nasional ini tidak ramai di kalangan ahli Parlimen ini terdiri daripada kaum wanita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkan lebih elok mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tetapi saya hendak Yang Berhormat buka mata, hendak tanya sedikit, soalan saya berapa ramai pula pihak belah sana? Saya tidak kata Parti Alternatif, PAS sendiri yang meletakkan calon-calonnya dalam Parlimen ini. Ini sama ada Yang Berhormat telah melihat sebelum membuat kenyataan ini ataupun terburu-buru apabila buat kenyataan ini. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Di luar tajuk sikit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya sila, sila.

Puan Chong Eng: Maka yang saya hendak katakan ada satu kebaikan juga dari *hue and cry* daripada kenyataan Datuk Nik Aziz ini, kerana semua ahli poliik sekarang khususnya mereka pemimpin, menteri dan menteri-menteri telah mengeluarkan kenyataan bahawa pakaian wanita tidak boleh dikait dengan apa yang berlaku dalam rogol ataupun *social ills*. Ini pada pendapat saya ada satu *outcome* yang positif. Sekarang semua ahli politik yang hendak dalam *political correct*, ini adalah pandangannya bahawa pakaian bukan satu punca dalam kes rogol. Ini adalah satu *outcome* yang baik yang pada pendapat saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau bangun.

Puan Chong Eng: Kerana dulu ada berbagai-bagai dan lain-lain pendirian tetapi sekarang menjadi pendirian untuk mereka yang hendak di dalam *political correct* dan juga ini memang adalah mengikut kajian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak tahu, hendak berikah laluan?

Puan Chong Eng: Nanti ya, sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, jadi sila duduk, dan ini juga adalah simpulan. Mengikut kajian dan nampaknya kerana apa yang dikatakan oleh Dato' Nik Aziz sekarang semua orang bersetuju.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih. Cuma hendak betulkan dan hendak memberikan pandangan respons kepada apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Berkali-kali Yang Berhormat kata di Dewan ini bahawa apa yang wanita Barisan Nasional buat? Kami memperjuangkan hak-hak wanita. Mungkin Yang Berhormat bercakap dalam perspektif dan dalam penglibatan Yang Berhormat. Yang Berhormat mungkin tidak terlibat dengan kami, cuma dua tiga kali majlis kita adakan bersama, kita jemput tetapi setengah Yang Berhormat datang, dan setengah Yang Berhormat tidak datang.

Untuk makluman Yang Berhormat, wanita-wanita dalam Barisan Nasional selain daripada kita di dalam Dewan ini kebanyakan daripada kita juga adalah pengerusi-pengerusi hal ehwal wanita di peringkat negeri. Kita menanggung satu tanggungjawab yang tidak dibayar gaji dan elaun oleh kerajaan. Tetapi program-program di peringkat negeri untuk pembangunan wanita dijalankan oleh hal ehwal wanita.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sekejap lagi Yang Berhormat, satu lagi Yang Berhormat....dan saya hendak respons juga berkenaan dengan kenyataan yang disebut tadi. Saya tidak mahu salah angapan. Apa yang saya sebutkan tadi bagi kita orang-orang Islam terutamanya memang kita menerima hakikat bahawa kita perlu menutup aurat. Ini diterima, jangan anggap bahawa bila kita menyebut ataupun kita bagi komen kepada apa yang disebutkan oleh Menteri Besar Kelantan seolah-olah kita against apa yang dilaksanakan sekarang oleh wanita-wanita terutamanya wanita Islam. Apa yang saya

hendak sebutkan biarlah kita mempunyai satu fikiran yang luas, jangan sahaja kita melihat kepada wanita itu penyebab tetapi harus juga *diaddress* kepada kaum lelaki yang mana yang baru ini peristiwa yang berlaku jelas menunjukkan – Ini yang kita hendakkan ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau, saya ingat cukuplah, nanti Yang Berhormat boleh ambil bahagian [*Disampuk*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam, saya fikir kita sudah sangat jauh daripada tajuk yang kita.....jadi, cubalah tumpukan masa untuk akta inilah.

Puan Chong Eng: Tidak jauh, tidak jauh, dekat saja. Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini merupakan satu tajuk yang penting kerana perspektif ini akan memberi kesan kepada undang-undang di negara ini. Maka saya ambil sedikit masa lagi untuk memberi sedikit pandangan. Tadi, Yang Berhormat bagi Arau mengatakan bahawa wanita Barisan Nasional juga terlibat dalam hal ehwal wanita dan sebagainya. Ini saya hendak memberitahu di Dewan ini, kalau Arau tak sebut saya pun tidak kata. Dulu saya di dalam Dewan Negeri Pulau Pinang saya terima sepucuk surat daripada Kementerian untuk melantik saya sebagai seorang ahli dalam hal ehwal wanita dalam negeri Pulau Pinang. Selepas itu saya tunggu tetapi tidak ada notis mesyuarat, tetapi mesyuarat sudah berjalan, maka saya pun menelefon bertanya mengapa tidak jemput saya, saya telah dilantik sebagai seorang ahli. Maka saya diberitahu bahawa itu adalah silap kerana saya pembangkang, saya tidak boleh dilantik, walaupun dilantik dibatalkan. Bukan kita tidak mahu sumbang, itu Barisan Nasional, tidak mahu pihak pembangkang menyumbang walaupun kita sedia berbuat demikian. Maka semua pihak mesti berfikir luas sikit termasuk Barisan Nasional...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: [*Bangun*]

Puan Chong Eng: Tidak perlu, tidak perlu.....terima kasih....sudah banyak chance...kerana kalau mahu dilihat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak beri laluan.

Puan Chong Eng: Kalau Barisan Nasional mahu dilihatkan bahawa mereka sangat peka kepada isu wanita adalah baiknya menjalankan tugasnya. Yang pertama, memindahkan semua undang-undang yang *gender bias*, itu yang pertama. Yang kedua, menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menyokong keluarga supaya wanita dapat keluar bekerja dengan selamat, mereka mesti berasa selamat di tempat kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, seorang lagi bangun, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ala...bolehlah, lama tidak jumpa [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam, kepada orang UMNO yang menjadi teras kepada Barisan Nasional, apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan ialah satu pengutaraan yang sama senada dengan UMNO kerana UMNO juga orang Islam, menutup aurat menjadi kewajipan orang Islam, cuma Tok Guru kita ini hendak politikkan sahaja. UMNO tidak hendak politikkan aurat wanita ini kerana menjadi hukum dan hari ini Yang Berhormat Bukit Mertajam pula hendak menjadi pengimbangtara pula. Sebenarnya berhentikan sahajalah politik aurat wanita ini oleh parti pembangkang.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya ini, beri peluang, sedar tak Yang Berhormat Bukit Mertajam semua kemajuan dan pencapaian wanita di Malaysia ini sebenarnya semuanya kerana program kerajaan yang diterajui oleh Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Untuk makluman atau pengetahuan Yang Berhormat Sri Gading bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak ada program wanita sehingga Malaysia Plan Keenam, maka itu bukan kerana Barisan Nasional, itu adalah kerana kegigihan wanita sendiri. [*Tepuk*]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, terima kasih. Yang Berhormat, apa yang diperkatakan terutamanya tentang kenyataan Tok Guru itu, sebagaimana yang disebut tadi ianya telah dipolitikkan. Sebenarnya pemimpin-pemimpin UMNO yang mempolitikkan kenyataan Tuan Guru sebab itulah saya menerima apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka supaya pemimpin-pemimpin UMNO tampil ke hadapan kerana *in verbatim*, saya ada kaset [*menunjukkan kaset*] apa yang dikatakan oleh Tuan Guru dalam ceramahnya di Kota Bharu kepada orang-orang kampung di Kota Bharu dan saya mencabar pemimpin-pemimpin UMNO dengan kenyataan-kenyataan yang mereka menyatakan bahawa Tok Guru seolah-olah mendiskriminasikan kaum wanita di Malaysia ini. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tuju kepada soalan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, terima kasih.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, maka ini adalah antara UMNO dan PAS dan juga orang Islam. Saya bukan orang Islam, saya tidak tahu tetapi mereka kalau hendak buat buatlah tetapi kita untuk wanita secara amnya dan keseluruhan bahawa pendirian wanita adalah sangat jelas bahawa apa yang berlaku ataupun masalah sosial tidak boleh dikaitkan dengan pakaian wanita. Ini adalah bukan sahaja pendirian wanita di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Ini adalah satu *world's view* dan juga disokong dengan kajian dan mereka.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau bangun

Puan Chong Eng: Sorry, Yang Berhormat Arau. Mereka menjadi mangsa kepada keganasan fizikal ataupun keganasan sosial.....

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beliau tidak memberikan laluan.

Puan Chong Eng: Sorry, tidak diberi peluang lagi ya. Mereka yang menjadi mangsa kepada keganasan fizikal dan keganasan rumah tangga, keganasan seksual adalah mereka yang lemah, mereka yang *vulnerable*, mereka yang senang menjadi mangsa kerana mereka tidak boleh mempertahankan diri seperti budak kecil. Sekarang sekolah pun tidak selamat kerana ada kes-kes rogol juga berlaku di sekolah, sekolah rendah. Ini menunjukkan bahawa ini tidak berkaitan dengan apa yang dipakai oleh mangsa itu. Sekiranya apa yang dipakai itu boleh menjadi satu faktor *correlation* maka kes rogol sepatutnya berlaku di swimming pool di mana sepatutnya banyak berlaku dekat swimming pool kerana pakaian di swimming pool itu lebih mendedahkan.

Tetapi ini tidak boleh menjadi, sesiapa yang membuat kesalahan dia mesti bertanggungjawab ke atas tingkah laku sendiri, seperti orang kaya yang terkena rompak, kita pun tidak boleh katakan mengapa awak pakai kereta yang besar, mengapa awak duduk di rumah yang besar. Awak menunjukkan kekayaan maka sekarang dirompak adalah awak mesti bertanggungjawab juga, itu bukan keadaannya. Kita tidak pernah bercakap begitu. Kita katakan semua orang berhak kepada keselamatan harta dan juga nyawa. Begitu juga wanita bagaimana dia berpakaian. Walaupun kita bukan menggalakkan wanita berpakaian menjolok mata, bukan itu maksudnya tetapi kita tidak mahu berpakaian semacam itu, itu tidak bermaksud orang tidak boleh pakai ataupun orang lain yang pakai. Kita tidak ada hak untuk merogol mereka, itu bukan maksudnya.

Semua orang mesti bertanggungjawab di atas tingkah laku sendiri, perompak atau perogol. Mereka mesti bertanggungjawab dan dihukum kerana tingkah laku mereka dan mangsanya tidak boleh dipersalahkan. Maka adalah penting kita hendak memberi satu suasana, satu masyarakat yang baik kepada kanak-kanak untuk menjamin keselamatan mereka, untuk menjamin mereka dijaga, untuk menjamin bahawa prestasi mereka direalisasikan maka mereka mesti mempunyai keadaan yang baik.

Di sini saya hendak juga mencadangkan bahawa untuk memastikan bahawa semua kanak-kanak diberi peluang yang sama tidak kira social status mereka, pendapatan ibu bapa mereka. Maka kanak-kanak daripada keluarga yang miskin mereka mesti diberi bantuan. Sekarang mungkin ada diberi bantuan untuk keluarga yang termiskin. Kanak-kanak seorang diberi RM25.00. Kalau ini adalah kadar pada tahun 80-an, saya tidak tahu. adakah ia telah ditingkatkan, RM25.00 satu bulan untuk seorang budak ini memang tidak mencukupi. Saya harap Kerajaan Barisan Nasional kalau betul-betul peka dan hendak menjaga generasi yang muda ini dengan lebih baik lagi kita patut memberi bantuan kepada kanak-kanak ini. Kita boleh memberi bantuan, memberi saham khas kepada mereka yang sudah berjaya, mengapa tidak boleh memberi bantuan bulanan yang lebih banyak kepada kanak-kanak yang miskin ini. After all ini merupakan asas polisi negara ini, Dasar Ekonomi Baru untuk menjaga mereka yang miskin.

Saya berpendapat selain daripada meminda undang-undang ini dan juga mengadakan penguatkuasaan yang baik, kita juga mesti mengadakan pendidikan untuk ibu bapa dan juga untuk di sekolah supaya diberi pengetahuan. Tidak ada orang atau semua orang mesti menghormati badan orang yang lain. Banyak bahan lucah yang tidak menghormati langsung badan wanita, yang menggunakan badan wanita sebagai satu produk yang boleh dibeli dan dijual. Itulah kerajaan mesti menangani dan kita tidak mahu tengok, kita sekarang memperkatakan slot mesin menjadi masalah, kita 'banned'kan slot mesin ini. Kita katakan bahan-bahan lucah ini tidak boleh dibenarkan tetapi di mana-mana ia boleh didapati dengan begitu mudah.

Kalau menteri-menteri atau kakitangannya ada keluar tengok betul-betul di dalam masyarakat di mana-mana VCD di pasar malam, di market yang mobile, di kedai-kedai, di shopping complex, di mana-mana boleh didapati begitu senang. Apa sebabnya? Bukankah kita katakan ini kita negara Islam dan kita hendak satu masyarakat yang bersih dan kita pun bersetuju juga di dalam aspek ini. Maka dia mesti menjalankan tugas dengan lebih baik, dengan lebih gigih lagi kerana ini adalah puncanya, punca keganasan seksual ke atas wanita dan juga ke atas lelaki juga sekarang.

Dalam kajian Consumer's Association of Penang dalam 1985 bahawa 10% mangsanya adalah terdiri daripada budak lelaki, bukan sahaja wanita yang boleh menjadi mangsa tetapi lelaki juga. Maka ini bukan kerana lelaki atau wanita tetapi sebahagiannya adalah kerana power perhubungan di antara jantina yang tidak saksama, power relationship between man and woman kerana di dalam masyarakat yang kaum lelaki yang selalu, bukan semua, sekarang ada lelaki memberi hormat kepada isterinya, kepada wanita yang lain tetapi ada sebahagian lelaki yang masih berpendapat bahawa mereka lebih superior

kepada wanita dan mereka berhak 'berganas' kepada wanita ataupun 'berganas' kepada kanak-kanak.

Maka ini mesti menjadi satu ajaran bukan sahaja di dalam ajaran agama tetapi juga di dalam sekolah. Dia mesti menjadi satu atau sebahagian kurikulum di dalam mata pelajaran sekolah untuk memberi fikiran yang baru bahawa semua manusia adalah saksama tidak kira bangsa, tidak kira agama, tidak kira jantina. Semua manusia adalah saksama dan kita mesti menghormati bukan sahaja agama orang lain, budaya orang lain tetapi tubuh badan orang lain. Ini untuk menghasilkan satu generasi yang baru supaya lelaki dan perempuan boleh saling menghormati antara satu sama lain dan tidak mengganas kepada wanita.

Saya juga hendak mencadangkan untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa keganasan seksual ataupun menjadi mangsa seksual, mereka perlu diberi ajaran untuk membezakan sentuhan yang berniat jahat kerana pada masa sekarang saya percaya ramai ibu bapa tidak mengajar anak-anaknya supaya membezakan apakah sentuhan yang berniat jahat. Kita hanya mengajar anak-anak kita mesti menghormati orang tua, menghormati orang yang lebih tua daripada kita tetapi telah banyak kes keganasan kes seksual atau rogol menunjukkan bahawa orang yang merogol anak-anak ini adalah orang-orang yang lebih tua daripada mereka, orang yang mereka kenal, orang yang mereka hormati termasuk bapa sendiri.

Mereka kalau tidak diberi ajaran mereka tidak faham apakah tingkah laku ini dan mereka tidak dapat menyuarakan ataupun menyuarakan kepada orang dewasa yang lain ataupun tidak tahu bagaimana hendak mendapatkan bantuan untuk tidak seterusnya diseksa lagi. Keadaan adalah penting, sekarang pun sudah ada kumpulan NGO yang telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini, seperti Pusat Krisis Wanita telah menjalankan aktiviti pendidikan di setengah-setengah sekolah tetapi sebagai satu pertubuhan bukan kerajaan, research mereka adalah terhad maka mereka tidak boleh menjalankan program ini secara skel yang besar tetapi kerajaan boleh.

Mereka juga ada satu program yang dipanggil 'Respect' yang mana itu memberi didikan kepada penuntut-penuntut menengah di bawah umur 15 tahun yang mengenalkan bahagian tubuh badan yang mereka mesti tahu apa yang mereka akan menjadi perubahan apabila umur mereka meningkat dan bagaimana hendak mengadakan satu perhubungan yang sihat di antara lelaki dan perempuan, jangan mengadakan eksploitasi melalui perhubungan ini.

Maka ini semua yang perlu kalau kita hendak melindungi kanak-kanak dan juga remaja kita. Dan saya harap kita bukan sahaja khasnya kerajaan kerana program-program ini hanya boleh dijalankan oleh kerajaan. Dan kerajaan perlu menjalankan tanggung-jawabnya kepada golongan remaja dan juga kanak-kanak. Apakah masalah yang kita hadapi hari ini merupakan kegagalan polisi kerajaan dan kita mesti, ahli politik mesti dengan jujur mengkaji balik apakah polisi kita. Adakah polisi kita telah memberi perlindungan kepada remaja dan juga kanak-kanak. Adakah polisi kita betul-betul membantu keluarga supaya institusi keluarga boleh kekal sebagai satu institusi yang berfungsi. Adakah polisi kita memberi hak kepada kanak-kanak supaya mereka mendapat kemudahan-kemudahan asas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Puan Chong Eng: Tidak, akan habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak. Okay, baik.

Puan Chong Eng: Maka saya harap ini hanya kita di sebelah sini dan juga NGO hanya boleh memberi cadangan dengan ikhlas. Dan saya harap jangan berpolitik. Kita

boleh berpolitik tetapi jangan berpolitik dengan isu-isu yang penting seperti ini dan sebuah kerajaan hanya dengan polisinya, dengan tindakannya, dengan actionnya boleh menunjukkan bahawa kerajaan ini adalah peka kepada isu-isu wanita dan kanak-kanak. Kita tidak boleh memberi *lip service* sahaja, kata sahaja. Kata boleh tetapi pada halnya tidak buat. *Justice must be seen*. Dan begitu juga kalau kerajaan Barisan Nasional hendak menjadi sebuah kerajaan yang katakan peka kepada masalah wanita, dia mesti dinampak oleh wanita sendiri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kluang.

12.42 tgh.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri apabila membentangkan Rang Undang-undang ini tadi yang mengatakan bahawa Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 adalah gabungan tiga akta utama dan selepas ini akan dimansuhkan. Ini disebabkan ketiga-tiga akta yang sedia ada sudah menjadi kurang relevan dengan keadaan semasa kerana akibat daripada perubahan sosial dan ia juga kurang memberikan penekanan kepada peranan dan tanggungjawab ibu bapa serta ia tidak merangkumi aspek persekitaran bagi pengamanan dan perlindungan kanak-kanak. Maka penggubalan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini adalah hasil kajian semula aspek-aspek yang saya sebut tadi dan kajian semula undang-undang yang ada perkaitan dengan aspek sosial. Jadi dalam konteks ini saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 15 Bahagian dan 135 Fasal. Dan untuk menjimatkan masa, daripada 15 bahagian ini saya cuma ingin menyentuh beberapa perkara yang khusus yang melibatkan 5 bahagian dalam Rang Undang-undang ini untuk perhatian dan pertimbangan pihak kementerian.

Di Bahagian II mengenai Keanggotaan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak. Dalam Fasal 4 Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak dibuka kepada Jabatan Penjara yang mana tidak ada dalam akta yang lama. Jadi dalam hal ini saya setuju dan menyokong keputusan ini. Dan di Fasal 4, subfasal (n), Yang Berhormat Menteri boleh melantik tidak lebih dari 7 orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kebajikan dan perkembangan kanak-kanak. Jadi dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada kementerian khususnya kepada Yang Berhormat Menteri sendiri apabila melantik tujuh orang ini supaya dapat mempertimbangkan wakil-wakil seperti wakil dari NACIWID sebab banyak ahli Parlimen wanita yang memperjuangkan tentang hak wanita juga. Jadi NACIWID ataupun *National Advisory Council for the Integration of Women in Development*, salah seorang daripadanya. Dan seorang lagi mungkin boleh difikirkan ialah wakil daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia supaya kedua-dua pihak ini juga boleh memainkan peranan mereka dalam Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Bahagian III, Pelantikan Pendaftar Besar dan Pendaftar serta pelantikan pegawai akhlak. Dalam Fasal 9, subfasal (1), pegawai kebajikan masyarakat boleh dilantik oleh Yang Berhormat Menteri menjadi Pendaftar Besar Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan juga pegawai awam sebagai pendaftar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Dalam pelantikan ini saya setuju. Cuma pelantikan pegawai akhlak ini dikatakan bahawa pelantikan pegawai kebajikan masyarakat termasuk pembantu kebajikan masyarakat boleh dilantik sebagai pegawai akhlak. Jadi dalam konteks ini saya ingin menarik perhatian Pegawai Kebajikan Masyarakat adalah kategori, tidak salah saya S3. Dan di dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat ada Penolong Pegawai Kebajikan, itu mungkin dalam kategori S5. Pembantu Kebajikan Masyarakat adalah S7,

kalau tidak salah saya. Jadi saya ingin menarik perhatian kementerian kalau melantik seorang sebagai pegawai akhlak ini perlulah pegawai kebajikan masyarakat dan penolong sahaja, sama ada pembantu kebajikan masyarakat sesuai atau tidak, saya rasa kementerian dapat menimbang semula jawatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV iaitu Fasal 15, sekatan ke atas laporan dan penyiaran media. Dalam hal ini ada dikatakan bahawa ia memang tidak boleh mendedahkan nama, alamat atau institusi pendidikan termasuk gambar-gambar kanak-kanak tersebut. Jadi saya setuju atas dasar ini cuma di Fasal 15, subfasal (3) ini yang mengatakan boleh dipertimbangkan jika difikirkan suaimanfaat oleh mahkamah. Saya ingin membangkitkan perkara ini ialah tentang penyiaran media ataupun liputan akhbar dalam sesuatu kes yang terlibat dalam akta ini. Pada pandangan saya liputan berita sebagai satu insiden yang boleh menjadikan satu pengajaran kepada orang awam ataupun ia akan mewujudkan satu kesedaran kepada masyarakat. Saya rasa dari segi sudut ini mungkin mahkamah dapat memberi pertimbangan supaya kita tidak menyebutkan nama, alamat dan mendedahkan gambar-gambar. Cuma dari segi insiden ini. Saya harap pihak kementerian dapat memikirkan kalau kes ini dapat kita memberi kesedaran kepada masyarakat dan juga memberi satu pengajaran kepada orang awam saya rasa itu akan dapat dipertimbangkan untuk media ataupun surat khabar untuk mendedahkan keadaan demikian yang berlaku dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Bahagian V, atas kuasa mahkamah bagi kanak-kanak. Dalam Fasal 30, subfasal (8)(a) ini mahkamah boleh mengenakan syarat tambahan atas perintah yang dikeluarkan supaya bapa, penjaga kanak-kanak itu ditemani oleh kanak-kanak ini menghadiri bengkel interaktif dan juga kaunseling yang dianjurkan di pusat-pusat yang ditetapkan. Jadi saya cuma bimbang dari segi jumlah kaunselor yang ada di negara kita dan sekiranya ia dilaksanakan mungkin masalah yang akan timbul adalah tenaga kaunselor yang tidak mencukupi bagi tujuan tersebut. Jadi dalam konteks ini saya harap juga kementerian dapat melihat perkara ini secara mendalam.

Satu lagi dalam Bahagian V ialah kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan. Jadi dalam hal ini saya kurang jelas iaitu ibu bapa atau penjaga yang meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan atau pemeliharaan yang berpatutan dalam satu tempoh ataupun keadaan yang tidak berpatutan adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Jadi saya kurang jelas tentang apa yang dikatakan tempoh dan keadaan yang tidak berpatutan sebab saya lihat denda yang dikenakan RM5,000. Denda RM2,000 sahaja sudah hilang kelayakan menjadi wakil rakyat. Jadi definisi, tempoh dan keadaan yang tidak berpatutan ini saya harap dapat diberi penjelasan yang lebih jelas demi pengetahuan orang awam.

Dan di Bahagian XIII, di bawah Fasal 109 iaitu kuasa untuk siasat dan Fasal 110 kuasa untuk menangkap tanpa waran. Jadi dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kementerian supaya apabila ada satu tangkapan ataupun menjalankan satu siasatan, diharap akta ini dia membenarkan pihak polis ataupun pelindung untuk menjalankan tugas dan memberi kuasa untuk menyiasat dan menangkap tanpa waran ini. Jadi pada pandangan sayalah untuk mengadakan check and balance ini saya harap apabila ada satu tangkapan, pelindung iaitu wakil daripada kebajikan masyarakat bersama-sama dengan pihak polis supaya dapat bersama-sama dalam satu tangkapan ini kerana ini melibatkan masalah kanak-kanak. Jadi ada mewujudkan check and balance ini saya harap pihak kementerian dapat juga melihat perkara ini dengan mendalam.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perkara yang saya dapat sampaikan dan diharap segala permintaan ini dapat pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak kementerian demi kebaikan masyarakat dan juga dengan faedah kanak-kanak yang sedia

ada di negara kita. Akhir sekali, saya ucapkan tahniah dan syabas atas Rang Undang-undang ini yang dapat dibentangkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Petaling Jaya Utara.

12.52 tgh.

Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rang undang-undang yang mengandungi 15 Bahagian dan 135 Fasal ini pernah dibentangkan ke Dewan Rakyat yang mulia ini pada 20 Oktober 1999 dan telah dibahaskan oleh 18 orang ahli Parlimen dan perlu dibentangkan semula dalam sesi Parlimen kali ini kerana ia tidak dapat dibentangkan ke Dewan Rakyat sebelum Parlimen dibubarkan. Namun begitu, pihak kementerian juga telah ambil kesempatan itu untuk membuat beberapa pindaan selepas meneliti cadangan dan pendapat daripada ahli-ahli Parlimen. Ini jelas menunjukkan institusi perwakilan rakyat dipandang berat dan kerajaan telah menunjukkan semangat yang bertanggungjawab kepada rakyat. Justeru itu, pujian harus diberikan pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengemukakan beberapa pandangan mengenai perkara-perkara berikut. Pertama, Fasal 32(a) yang menyebut bahawa kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis dan sebagainya. Di bawah fasal ini mana-mana orang yang menyebabkan atau mengakibatkan mana-mana kanak-kanak atau sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak membenarkan kanak-kanak itu berada di mana-mana premis atau tempat bagi maksud mengemis, menerima sedekah sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua untuk jualan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua ketahui zaman kanak-kanak dan zaman remaja merupakan zaman keemasan bagi seseorang manusia. Ianya juga merupakan zaman pembelajaran di mana kelakuan dan sifat seseorang manusia dibentuk. Jika zaman kegembiraan mereka ini dirampas keadaannya sama juga dengan hak asasi mereka dirampas. Walaupun kes menggunakan kanak-kanak untuk mengemis tidak serius sangat tetapi penggunaan kanak-kanak sebagai penyanyi untuk mencari pendapatan semakin berleluasa terutamanya di kalangan masyarakat kaum Cina. Di majlis-majlis yang ada menjemput rombongan pertunjukan nyanyian kita sering nampak kanak-kanak terutamanya budak-budak perempuan dalam lingkungan umur belasan tahun malah ada yang berumur kurang daripada sepuluh tahun membuat pertunjukan nyanyian dan tarian. Kebanyakan mereka ini bersolek seperti orang dewasa dan berpakaian seksi semasa menyanyi lagu dan tidak sedikit pun nampak sifat kebudak-budakan yang suci di atas wajah mereka. Kanak-kanak ini biasanya mengikut rombongan nyanyian untuk merantau di seluruh negara dan lokasi pertunjukan berbeza pada setiap malam. Kadangkala pada hari ini mereka berada di Kuala Lumpur, esok di Petaling Jaya dan hari lusa pula di Ipoh. Mereka senang terdedah kepada pelbagai bahaya atau gejala negatif masyarakat dan peluang untuk terjerumus dalam kegiatan pelacuran adalah lebih tinggi. Keadaan ini amat menyedihkan dan keselamatan mereka amat membimbangkan kami. Di manakah ibu bapa atau penjaga bagi kanak-kanak ini. Bagaimanakah keadaan pembelajaran mereka. Di manakah masa depan mereka?

Untuk memperbetulkan budaya negatif masyarakat dan menjamin hak asasi kanak-kanak, saya ingin menyeru kerajaan memandang berat keadaan ini. Selepas Rang Undang-undang ini diluluskan mengambil tindakan penguatkuasaan yang menyeluruh

terhadap aktiviti-aktiviti yang memeralatkan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun sebagai punca pencarian pendapatan. Amaran harus diberikan kepada mereka yang pertama kali melakukan kesalahan sebegini dan sekiranya melakukan kesalahan yang sama pada kali kedua maka mereka harus didakwa. Pada masa yang sama kita juga harus menyalurkan bantuan kewangan dan bimbingan pelajaran kepada kanak-kanak yang terpaksa menjualkan bakat nyanyian dan tarian mereka akibat daripada keadaan keluarga yang miskin. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan penyelewengan dan kesilapan dari segi penguatkuasaan rang undang-undang ini juga mestilah dihuraikan dengan jelas pertunjukan amal yang tidak bertujuan untuk mengaut keuntungan individu seperti pertunjukan nyanyian amal yang sihat untuk sekolah atau persatuan-persatuan.

Kedua, Fasal 15 rang undang-undang ini yang mengenakan sekatan ke atas laporan dan penyiaran seseorang kanak-kanak yang terlibat atau berupa sebagai terlibat dalam apa-apa perbuatan atau peninggalan jenayah. Fasal 62 yang menyebut kanak-kanak di bawah umur 10 tahun tidak boleh dihantar ke rumah akhlak dan Fasal 74 dan 75 yang menyebut kanak-kanak di bawah umur 14 tahun tidak boleh dihantar ke Sekolah Henry Gurney kecuali dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan, sebenarnya jelas menunjukkan betapa rang undang-undang ini mengambil berat tentang keadaan persekitaran di mana seseorang kanak-kanak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Puan Chew Mei Fun: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara sila sambung.

2.30 ptg.

Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]: Saya sambung ucapan saya. Mengenai Fasal 15 rang undang-undang ini yang mengenakan sekatan ke atas laporan dan penjara seseorang kanak-kanak yang terlibat atau berupa sebagai terlibat dalam apa-apa perbuatan atau peninggalan jenayah. Fasal 62 yang menyebut kanak-kanak di bawah umur 10 tahun tidak boleh dihantar ke rumah akhlak dan Fasal 74 dan 75 yang menyebut kanak-kanak di bawah umur 14 tahun tidak boleh dihantar ke Sekolah Henry Gurney, kecuali dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan sebenarnya jelas menunjukkan betapa rang undang-undang ini mengambil berat tentang keadaan persekitaran di mana seseorang kanak-kanak ini membesar dan tidak bertolak ansur dalam melindungi maruah dan pembangunan psikologi kanak-kanak.

Akan tetapi laporan akhbar pada 23 September 2000 telah memberitahu kita bahawa dalam usaha mengendalikan masalah kanak-kanak kerajaan mungkin terlupa mengenai kanak-kanak yang berada dalam proses perbicaraan. Menurut laporan akhbar tersebut, Dato' Dr. Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberitahu terdapat 1,800 orang tahanan kanak-kanak di antara umur 13 ke 20 tahun sedang berada di dalam penjara termasuk 261 orang di Penjara Sungai Buloh. Walaupun tahanan kanak-kanak ini dipisahkan daripada banduan dewasa yang lain, namun mereka tidak diberikan bimbingan atau kaunseling kerohanian yang sesuai. Ini menunjukkan walaupun kita telah mengatitkan program bimbingan yang sesuai kepada banduan kanak-kanak yang telah ditetapkan

hukuman tetapi masih mengabaikan mereka yang sedang berada dalam proses perbicaraan. Keadaan ini merupakan satu ketidaksempurnaan bagi rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahanan yang disyaki adalah mereka yang belum dijatuhkan hukuman. Selepas proses perbicaraan tamat mereka mungkin dijatuhkan hukuman atau dilepaskan. Pada kebiasaannya keadaan psikologi kanak-kanak yang masih lemah ini memerlukan lebih banyak bimbingan dan kasih sayang. Tambahan pula prosedur dan tempoh perbicaraan kadangkala memakan masa yang agak lama. Cuba kita bayangkan apakah kesan negatif yang akan terjadi kepada psikologi kanak-kanak jika dalam tempoh ini tiada program bimbingan diberikan kepada mereka. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana 1,800 orang tahanan kanak-kanak ini dapat sedar dan insaf terhadap kelakuan mereka tanpa diberi bimbingan yang sesuai. Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini saya menggesa pihak kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dalam beberapa aspek yang berlainan.

Pertama, memandangkan kesan negatif yang boleh terjadi terhadap psikologi kanak-kanak, penjara bukanlah satu tempat yang sesuai untuk menahan kanak-kanak walaupun mereka tidak ditempatkan satu bilik dengan banduan dewasa. Justeru itu, kerajaan harus dengan serta merta memindahkan tahanan kanak-kanak di dalam penjara ini ke satu tempat atau pusat yang lebih sesuai dan membina lebih banyak pusat pemulihan serta memastikan perkara ini dimaktubkan dengan jelas dalam rang undang-undang.

Kedua, menghantar pegawai bimbingan psikologi membuat bimbingan dan kaunseling terhadap kanak-kanak yang ditahan dalam penjara dan bukannya menunggu sehingga proses perbicaraan habis.

Ketiga, walaupun rang undang-undang ini telah membuat beberapa pindaan untuk mempercepatkan proses perbicaraan mahkamah termasuk Fasal 11 yang menyentuh tentang pembinaan mahkamah kanak-kanak dan proses perbicaraan boleh diletakkan di bawah seseorang majistret bagi mengelakkan kelewatan. Tetapi kelewatan akibat daripada faktor kemanusiaan juga boleh berlaku. Bagi mengelakkan masalah ini, saya mencadangkan supaya kerajaan menetapkan tempoh perbicaraan yang maksimum. Misalnya, kes yang boleh diselesaikan dalam masa satu minggu tidak boleh dipanjangkan melebihi tempoh satu bulan. Jika proses perbicaraan boleh diselesaikan dalam setengah tahun, maka tempohnya pula tidak boleh melebihi satu tahun. Tempoh perbicaraan yang sesuai harus dikaji oleh pakar-pakar perundangan bagi mengatasi masalah kelewatan perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rang undang-undang ini masih mempunyai sedikit kekurangan tetapi kita masih perlu mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana telah membentangkan satu rang undang-undang yang hampir sempurna dan saya berharap rang undang-undang ini selepas diluluskan kerjasama yang sepenuhnya daripada pihak penguatkuasaan dapat diperolehi untuk mengelakkan daripada menjadi rang undang-undang yang wujud dari segi teori sahaja.

Dengan cadangan-cadangan dan hujah-hujah di atas, saya bercadang menyokong Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seputeh.

2.36 ptg.

Puan Teresa Koh Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang paling nyata dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini adalah dari segi definisi dan layanan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dalam Bahagian V dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan dalam Bahagian VI. Bahagian V kelihatan dimasukkan daripada Juvenile Courts Act 1947 dan Child Protection Act 1991, manakala Bahagian VI adalah berasal daripada Women dan

Girls Protection Act 1973, iaitu kanak-kanak yang terlibat dalam pelacuran dan aktiviti seksual yang lain. Sebenarnya, kanak-kanak yang jatuh dalam Bahagian V dan Bahagian VI memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, mereka harus dilayan dengan sama dari segi persepsi ataupun rujukan: Misalnya, sekiranya seseorang kanak-kanak yang berumur 10 tahun diupah sebagai pelacur, dia tidak perlu menjalani proses pemulihan tetapi dia hanya perlu dihantar ke tempat selamat untuk pemeliharaan dan perlindungan sahaja.

Masalah dari segi definisi di bawah kedua-dua bahagian tersebut menyebabkan kanak-kanak yang melakukan aktiviti seksual mendapat layanan yang tidak sama. Misalnya, kanak-kanak yang dianiayai secara seksual di bawah Seksyen 17(1)(a) akan dihantar ke tempat selamat untuk pemeliharaan dan perlindungan, manakala seseorang kanak-kanak yang didorong untuk melakukan perbuatan seksual dalam Seksyen 38(a) akan dihantar ke tempat perlindungan untuk perlindungan dan pemulihan.

Kerajaan harus menerangkan apakah perbezaan di antara tempat selamat (*place of safety*) dan tempat perlindungan (*place of refuge*). Bukankah kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti seksual ini harus diberi layanan yang sama dari segi undang-undang, iaitu tempat selamat untuk pemeliharaan dan perlindungan dan bukannya tempat perlindungan kerana kes mereka sama. Jadi, adalah dicadangkan bahawa definisi dan layanan dalam kedua-dua bahagian ini haruslah disatukan untuk mengelakkan perbezaan dari segi layanan persepsi dan juga rujukan.

Masalah yang lain dalam rang undang-undang ini adalah juga berkenaan dengan umur kanak-kanak. Rang undang-undang ini menetapkan definisi kanak-kanak sebagai seseorang di bawah umur 18 tahun. Ini adalah bercanggah dengan umur yang termaktub dalam jenayah rogol dalam Penal Code, di mana umur seseorang kanak-kanak yang ditetapkan adalah di bawah 16 tahun. Ini bermaksud seseorang yang berumur 17 yang dianiayai secara seksual adalah merupakan mangsa dalam rang undang-undang ini, tetapi dia tidak dilindungi dalam Penal Code dan tidak dilihat sebagai *statutory rape*, dengan izin. Jadi, kerajaan haruslah membetulkan *inconsistency* tersebut kerana ia akan mengakibatkan kekeliruan dari segi undang-undang.

Dalam Seksyen 43(1)(f) dan (g), berkenaan dengan "orang yang menahan seseorang kanak-kanak di dalam sesuatu rumah pelacuran bertentangan dengan kemahuan kanak-kanak itu"; dan (g) "menahan seseorang kanak-kanak di mana-mana tempat bertentangan dengan kemahuan kanak-kanak itu dengan niat supaya kanak-kanak itu akan diambil bekerja atau digunakan bagi maksud pelacuran atau bagi apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang yang lucuh." Sebenarnya, ayat "bertentangan dengan kemahuan dengan kanak-kanak itu" haruslah dipotong. Ini adalah kerana persetujuan daripada seseorang kanak-kanak itu adalah tidak relevan apabila mahkamah mengambil kira kesalahan untuk menahan seorang kanak-kanak dalam satu rumah pelacuran ataupun berkenaan seseorang kanak-kanak diupah untuk tujuan pelacuran ataupun tujuan yang tidak bermoral.

Dalam Seksyen 43(aa) dan (bb) berkenaan dengan hukuman pesalah. Seksyen 43(aa) menetapkan pesalah yang mencabuli Seksyen 43(a) hingga (h) atau (k) boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya. Sebenarnya, sekiranya kesalahan itu serius kenapakah perkataan "atau" diperlukan. RM50,000 adalah angka yang kecil bagi seorang tauke rumah pelacur ataupun kumpulan pelacuran. Sekiranya mahkamah hanya menjatuhkan hukuman denda RM50,000 terhadap seorang peniaga rumah pelacuran, ini adalah tidak sejajar dengan tahap keseriusan kesalahan tersebut. Jadi, ayat mengenai denda ini harus dipotong daripada rang undang-undang tersebut.

Mengenai prosedur dan pengamalan di mahkamah untuk kanak-kanak, rang undang-undang ini menetapkan dengan jelasnya mengenai prosedur berkenaan dengan

jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak, tetapi bukan jenayah yang membahayakan kanak-kanak. Rang undang-undang ini tidak mempunyai peruntukan yang memudahkan dan mengamalkan peraturan berkenaan dengan memberi bukti di mahkamah. Seseorang kanak-kanak yang dianiaya yang hadir di mahkamah serupa dengan seorang mangsa rogol. Prosedur dan suasana mahkamah yang rigid dan juga dingin selalu menjadikan mereka seolah-olah melalui rogol dan penganiayaan kali kedua sehingga mangsa tersebut merasa tidak selesa dan malah takut. Jadi, rang undang-undang ini sepatutnya mengambil kira tentang psikologi dan kanak-kanak tersebut dengan mengadakan peruntukan prosedur pendengaran kes mereka di mahkamah. Mangsa kanak-kanak ini haruslah dielakkan daripada menghadapi penganiayaannya. Misalnya, mereka mungkin boleh dibenarkan untuk memberikan testimoni ataupun bukti melalui video dan bukannya di mahkamah di hadapan penganiayanya.

Selain itu, seorang mangsa kanak-kanak haruslah diberi seorang peguam yang dilantik oleh mahkamah sekiranya dia tidak diwakili oleh sesiapa. Mangsa kanak-kanak mungkin tidak sesuai untuk diwakili oleh ibu bapanya ataupun penjaganya kerana ia mungkin akan menghasilkan percanggahan kepentingan. Adalah dicadangkan bahawa mahkamah haruslah memberi lebih penekanan terhadap bukti dan testimoni yang diberi oleh seorang mangsa kanak-kanak dalam kes penganiayaan rumah tangga demi memastikan pendakwaan terhadap penganiayaan kanak-kanak itu boleh dijalankan dengan lancarnya.

Dari segi sekatan terhadap laporan dan penyiaran media yang termaktub dalam rang undang-undang ini, Seksyen 15(1) dalam rang undang-undang ini hanya mengenakan sekatan terhadap kanak-kanak yang berkenaan dengannya jagaan diambil di bawah Bahagian V dan mana-mana prosiding di bawah Bahagian VI tetapi tidak termasuk prosiding yang terlibat dengan kanak-kanak yang tidak terkawal dalam Bahagian VII dan perintah yang meletakkan kanak-kanak dengan mana-mana institusi dalam Bahagian IV. Jadi, adalah dicadangkan Seksyen 15(1) dipinda agar merangkumi prosiding di bawah Bahagian VII dan IX.

Seksyen 30(8)(a) dan (c) dan Seksyen 34(1)(b)(c) dan (d) dalam rang undang-undang ini menyentuh tentang institusi penjaga dan ibu bapa angkat dan juga program bengkel interaktif yang dirangkumi dalam Seksyen 30(8)(a). Adalah penting bahawa kerajaan harus memberi peruntukan yang cukup dan memberi pengawasan yang tetap terhadap apa yang termaktub dalam rang undang-undang ini. Haruslah diperhatikan bahawa banyak institusi dan rumah kebajikan berkenaan hanya membekalkan tempat duduk dan makanan kepada mangsa kanak-kanak sahaja tetapi mereka tidak memberi perhatian yang cukup untuk mengubati perasaan emosi yang terluka dan kelemahan tubuh badan mereka.

Banyak rumah kebajikan yang sedia ada adalah terlalu sesak di samping kekurangan kakitangan yang pakar dalam bidang tersebut seperti pakar kaunseling dan cara pembangunan kanak-kanak. Misalnya, rumah kebajikan di Kepala Batas yang sepatutnya menerima lebih kurang 70 orang kanak-kanak terpaksa menanggung lebih daripada 100 kanak-kanak sekarang. Rumah perlindungan seperti ini selalunya mempunyai ruang yang kurang dan tanpa peralatan rekreasi.

Mereka juga tidak diberi keprihatinan yang cukup dalam tempat-tempat tersebut, ini pun menyebabkan kanak-kanak dianiayai lagi dalam tempat tersebut dan lebih melukakan emosi dan kehormatan mereka di tempat berkenaan.

Adalah dicadangkan bahawa rang undang-undang ini termasuk peruntukan bagi kerajaan untuk mengiktiraf dan malah gazet institusi yang ditaja oleh pihak swasta sebagai tempat selamat dan tempat perlindungan kerana rumah kebajikan yang ditaja oleh kerajaan adalah tidak mencukupi.

Walau bagaimanapun, sekiranya ini disetujui oleh kerajaan, maka kerajaan harus menetapkan garis panduan untuk menguruskan rumah kebajikan tersebut dan menetapkan prosedur pendaftaran yang menghendaki rumah kebajikan swasta memenuhi keperluan minimum.

Akhir sekali adalah tentang peranan pelindung. Pelindung memainkan peranan yang penting dan banyak dalam rang undang-undang ini. Tugas mereka seperti mengendalikan semua kes di mana memerlukan perlindungan termasuk tanggungjawab untuk membuat laporan yang terperinci, memutuskan pendekatan campur tangan dan memujuk mangsa kanak-kanak ke tempat selamat ataupun kepada pegawai perubatan dan lain-lain. Memandangkan kes yang terlibat dengan kanak-kanak semakin meningkat di masyarakat kita, jadi adalah penting bagi kerajaan untuk memberikan bantuan dan sumber yang munasabah kepada pelindung tersebut seperti mengadakan beberapa pegawai Kementerian Kebajikan di sesuatu kawasan tertentu demi mengurangkan beban kerja mereka.

Selain dari itu, adalah penting untuk memberi latihan dan sumber yang cukup kepada pelindung yang menjalankan tugas supaya mereka boleh menjalankan tugas yang termaktub dalam rang undang-undang ini dengan lebih berkesan.

Seksyen 8(a) mendedah pelindung daripada ditanya ataupun dicabar atas keputusan yang dibuat oleh beliau berkenaan dengan kanak-kanak yang terlibat. Seksyen tersebut haruslah dipotong kerana mangsa kanak-kanak haruslah diberi hak untuk menyuarakan pandangan dan malah keputusan yang dibuat oleh pelindungnya seperti berkenaan dengan laporan yang ditulis oleh pelindung ataupun sesetengah keputusan yang mungkin akan menghasilkan impak yang besar terhadapnya dan lain-lain.

Selain itu, Seksyen 8(3) yang menyatakan setiap perintah dan saman yang dikeluarkan oleh pelindung hendaklah diterima sebagai keterangan di mana-mana mahkamah tanpa bukti lanjut dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie*, haruslah dipotong sama sekali. Ini adalah kerana seksyen ini akan menyusahkan kanak-kanak yang terlibat untuk mencabar perintah pelindungnya yang mana mungkin bertentangan dengan kepentingan kanak-kanak yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.

2.53 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang untuk membahas Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak merupakan pelapis kepada perjuangan bangsa dan negara. Dukacitanya kemajuan yang kita kecapai hari ini juga turut mewujudkan satu suasana persekitaran yang begitu kompleks yang mendedahkan kanak-kanak kepada pelbagai bentuk pengaruh yang negatif. Di samping itu, tekanan hidup yang melampau yang merupakan kesan sampingan pembangunan juga menyebabkan bertambahnya kes-kes keganasan dalam keluarga di mana kanak-kanak sering menjadi mangsa. Memanglah sudah tiba masanya bagi kita menyatukan serta meminda undang-undang berhubung dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak yang sedia ada sejajar dengan persekitaran masyarakat yang semakin mencabar.

Oleh yang demikian, saya menyokong usaha kerajaan menggubal Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini dengan tujuan mengemas kini dan menyempurnakan undang-undang berkaitan dengan kanak-kanak agar mereka dapat membesar dengan sihat dan normal, baik dari segi jasmani, rohani mahupun emosi.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat perhatikan bahawa banyak masalah yang dilabelkan sebagai gejala sosial di kalangan pemuda pemudi melibatkan kanak-kanak, iaitu

mereka yang di bawah umur 18 tahun seperti mana yang ditafsirkan dalam Fasal 2 rang undang-undang ini. Kita mesti mengakui bahawa kanak-kanak oleh sebab ketidakmatangannya mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang negatif dan mereka ini memerlukan bantuan khas untuk membesar menjadi seorang warganegara yang berguna pada masa depan. Pada pendapat saya, rang undang-undang ini boleh dikatakan telah merangkumi peruntukan-peruntukan yang agak sempurna berhubung dengan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mengiktiraf ketidakmatangan kanak-kanak dari segi fizikal, mental dan emosi, adalah wajar bagi undang-undang kita memberikan pertimbangan khas kepada kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah. Seksyen 2 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa kanak-kanak yang terlalu muda tidak akan dikenakan tanggungjawab jenayah.

Fasal 97 rang undang-undang ini juga mencadangkan bahawa hukuman mati tidak boleh dijatuhkan kepada kanak-kanak. Kesemua ini adalah bertujuan memberi peluang kepada kanak-kanak yang terlibat dengan kegiatan jenayah menjalani kehidupan yang baru di bawah bimbingan yang sesuai. Ini adalah satu tanda atau sifat yang perlu pada sebuah masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita perlu berjaga-jaga agar toleransi masyarakat atau undang-undang terhadap kesalahan jenayah kanak-kanak tidak dieksploitasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kita mesti mengelakkan mana-mana pihak daripada menggunakan kanak-kanak untuk melakukan perbuatan jenayah bagi pihak mereka, misalnya menggunakan kanak-kanak sebagai alat pengedar dadah atau pemasar pil-pil ecstasy. Kita juga perlu mengelakkan kanak-kanak daripada dihasut supaya membenci kerajaan atau dihasut menyertai tunjuk perasaan.

Dalam soal ini, kerjasama daripada para ibu bapa adalah lebih penting daripada peruntukan undang-undang. Adalah perlu bagi para ibu bapa mengawasi tingkah laku anak-anak masing-masing serta memberikan mereka pendidikan agama dan moral yang sewajarnya..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Gelang Patah. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat kata tadi penyalahgunaan kanak-kanak hingga ada kanak-kanak digunakan untuk memburuk-burukkan kerajaan. Parti mana yang suka memburuk-burukkan kerajaan menggunakan kanak-kanak ini. Boleh tolong jelaskan?

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, tentang hal ini, kita sedia maklum siapakah mereka, tidak wajarlah saya di sini untuk menunjuk kepada siapa yang terlibat tetapi kerana hal ini memang ada berlaku dan kita pun tidak siapa yang bertanggungjawab. Ini yang penting kita mesti sentiasa teliti dan adalah lebih penting para ibu bapa mesti mengawasi tingkah laku anak-anak masing-masing serta memberikan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kalau Gelang Patah rasa keberatan menjawab secara teranglah, setuju atau tidak Gelang Patah bahawa yang menggunakan kanak-kanak memburuk-burukkan kerajaan ini ialah parti-parti pembangkang, setuju? Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Ini ada bukti tetapi bukan semua pembangkang, ada beberapa anggota pembangkang yang memang ada melibatkan diri dalam hal-hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, para ibu bapa perlu sedar bahawa sebaik manapun undang-undang digubal untuk melindungi dan memulihkan kanak-kanak, tanggungjawab para ibu bapa sebagai penjaga

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya habiskan ini dahulu. Penjaga dan pengasuh yang utama tidak boleh dilepaskan kepada kerajaan. Ya, saya beri laluan, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih. Gelang Patah telah bersetuju dengan tuduhan Sri Gading bahawa ada parti-parti pembangkang yang menghasut murid-murid atau pelajar-pelajar atau orang muda. Saya fikir adalah adil jika tuduhan itu disokong dengan contoh-contoh atau kes-kes yang khusus supaya kita dapat faham dan dibincang secara keluarga sesuai dengan semangat Rang Undang-undang Kanak-kanak ini yang ingin mewujudkan keluarga yang kuat dan sihat. Boleh beri contoh, penjelasan atau bukti-bukti di atas pengesahan tuduhan itu.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak pembangkang yang boleh tunjukkan bukti-bukti yang boleh menafikan bahawa mereka tidak melibatkan kanak-kanak [*Tepuk*] supaya membenci kerajaan dalam tunjuk peragaan yang menggunakan kanak-kanak. Kalau boleh tunjukkan bukti.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya bersedia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, okay.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tunjuk buktilah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh berucap sekejap lagi ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okay.

Tuan Chang See Ten: Okay, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengambil masalah pusat-pusat permainan video sebagai contoh, apabila semakin hari semakin ramai kanak-kanak menghabiskan masa lapang dan wang belanja di pusat-pusat permainan video, kalau kita pergi ke pusat permainan video sama ada haram atau tidak haram atau berlesen, kita nampak pemuda pemudi buang masa mereka dalam pusat-pusat ini. Oleh yang demikian, saya amat menyokong pihak kerajaan terutama pihak Jemaah Kabinet pada 4 Oktober ini yang telah memutuskan bahawa akan mengharamkan pusat-pusat video di negara kita ini mulai awal tahun hadapan iaitu tahun 2001 dan saya harap pihak

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Gelang Patah. Saya juga bersetuju dengan Gelang Patah sebagaimana yang dinyatakan tadi, Jemaah Kabinet meminta semua arked video ini ditutup, tetapi dalam masa yang sama bagaimana pandangan Gelang Patah, apabila ditutup arked-arked ini, ke mana hendak kita halakan generasi muda ini, patutkah kerajaan ataupun kerajaan tempatan menyediakan lebih banyak tempat-tempat bersukan, tempat-tempat beriadah yang lebih selesa supaya anak-anak muda ini nanti tidak melakukan perkara-perkara yang lebih sumbang, nanti pergi ke lorong-lorong gelapkah, nanti banyak kegiatan yang tidak baik berlaku kalau tidak diberikan alternatif yang lebih baik untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tampin. Yang pertama, saya harap dengan keputusan Jemaah Kabinet untuk memberhentikan semua pusat-pusat video game ini, kita berharap pihak berkuasa yang berkenaan mesti benar-benar menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang dengan konsisten iaitu sebelum akhir tahun ini, mereka yang berlesen masih boleh berniaga tetapi untuk pusat-

pusat video game yang haram perlu tindakan serta merta daripada pihak penguatkuasa supaya pusat-pusat video game yang haram diberhentikan.

Dan untuk menangani masalah ini yang mana oleh kerana bila pusat-pusat video game ini diberhentikan mesti ada tempat untuk kanak-kanak atau pemuda pemudi mengadakan aktiviti-aktiviti yang berguna.

Oleh yang demikian, saya cadangkan pihak kerajaan

Tuan Mohd. Amar bin Haji Abdullah: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya jawab dahulu, nanti sekejap. Mesti mewujudkan peluang-peluang untuk kanak-kanak dan pemuda pemudi supaya mereka akan menggunakan masa mereka dengan berguna iaitu kita mesti mengadakan usaha bersama antara jabatan, mewujudkan cukup kemudahan-kemudahan sukan untuk kanak-kanak dan pemuda pemudi dan kita mesti mengadakan aktiviti-aktiviti seperti pertandingan melukis, pertandingan karaoke, pertandingan bersukan, pertandingan essay writing dan lain-lain dan memberikan hadiah yang lebih lumayan, supaya kita boleh menggalakkan kanak-kanak dan pemuda pemudi menggunakan masa mereka untuk ini dan ini akan dapat mewujudkan budaya suka membaca antara mereka kerana bila ada peluang ada essay writing, dengan izin, dan lain-lain, mereka akan menggunakan masa mereka untuk lebih berguna dan mesti mengadakan cukup tempat riadah untuk kanak-kanak supaya para ibu bapa ada tempat boleh membawa anak-anak mereka pergi ke kawasan-kawasan riadah ini dan ini akan dapat menolong pihak kerajaan mengurangkan masalah gejala sosial yang negatif yang melanda di masyarakat kita ini, supaya mereka tidak akan terjerumus dalam gejala sosial, salah guna dadah, pil ecstasy dan lain-lain. Sila, sila.

Tuan Mohd. Amar bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat dari Gelang Patah. Bolehkah kalau saya mengatakan ataupun mereka bersetuju dengan pendapat saya yang mengatakan Kerajaan Persekutuan telah ketinggalan sepuluh tahun lebih kebelakang kalau dibandingkan dengan Kerajaan Kelantan dalam mengatasi masalah gejala sosial terutama sekali sekarang baru sedar untuk mengharamkan semua video game yang berlaku di seluruh negara.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan tuduhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin lanjutkan perbincangan saya. Para ibu bapa tidak boleh hanya menyalahkan pihak berkuasa kononnya tidak bertindak tegas terhadap pengoperasi-pengoperasi pusat permainan video. Sebaliknya para ibu bapa perlu bertanya kepada diri sendiri apakah usaha yang dilakukan oleh mereka sebagai ibu bapa untuk membimbing anak-anak masing-masing untuk mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Para ibu bapa perlu bertanya kepada diri sendiri, adakah mereka pernah menjelaskan kepada anak masing-masing tentang keburukan menjadikan permainan video sebagai satu hobi. Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang berdiri di belakang ya.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Gelang Patah. Tadi, Yang Berhormat dari Gelang Patah ada menyebutkan tentang tanggungjawab kerajaan tetapi dalam masa yang sama, saya juga ingin meminta pandangan Yang Berhormat, di samping itu tanggungjawab khasnya pemaju-pemaju perumahan yang kadang-kadang mengadakan kawasan perumahan yang begitu besar tetapi tidak memberi keutamaan ataupun memberi tempat-tempat yang membolehkan anak-anak muda ini supaya mereka dapat mengadakan aktiviti-aktiviti yang sihat.

Jadi, bagaimana, kadang-kadang pemaju-pemaju perumahan ini sekadar mengadakan kawasan lapang, lepas itu biarkan macam itu sahaja, tetapi tidak ada yang teratur, kalau boleh Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah ini beri pandangan Yang Berhormat sendiri macam mana caranya pemaju perumahan pula dapat membantu kerajaan untuk membanteras masalah-masalah gejala sosial khususnya kepada golongan remaja di masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tampin. Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kerajaan dapat mengadakan rancangan yang lebih sempurna dengan mengadakan polisi-polisi yang mana boleh melibatkan pihak pemaju supaya dalam rancangan mereka mesti mewujudkan kemudahan sukan yang secukupnya seperti jangan biarkan tanah lapang bersemak samun tetapi mesti dibina gelanggang badminton ataupun gelanggang bola keranjang, gelanggang bola sepak dan lain-lain dengan memberikan syarat kepada pihak pemaju supaya mereka akan mengadakan cukup kawasan untuk tempat riadah, sekurang-kurangnya seperti yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional Negeri Johor Darul Takzim iaitu 10% [*Tepuk*] dari keluasan tapak projek perumahan mesti dirizabkan untuk kegunaan tempat bersukan dan riadah dan mesti dibina tempat-tempat bersukan itu. Ini adalah satu tanda yang cukup baik. Saya bimbang pihak Kerajaan Kelantan tidak berbuat begini, tetapi negeri Johor dan lain-lain negeri yang diterajui oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa peka dengan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, permainan video cuma merupakan salah satu daripada kegiatan tidak berfaedah yang digemari kanak-kanak. Walaupun

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Gelang Patah yang berkata yang negeri-negeri di bawah Barisan Nasional ini buat perkara-perkara macam itu, buat gelanggang takraw, gelanggang badminton dan sebagainya tetapi pada masa yang sama mungkin saya tidak berapa faham, mungkin Kelantan belum mampu lagi. Terengganu mungkin dia tunggu wang ehsan baru hendak buat perkara macam ini, kot. Itu saya tengok kalau Yang Berhormat bagi Gelang Patah boleh memberi pandangan atau macam mana. Belum mampu lagi.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri contoh. Seperti di kawasan Parlimen Gelang Patah, pemaju Pelangi Berhad, dia tolong pihak Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Negeri Johor membina pusat aktiviti-aktiviti sukan tenis dengan mengadakan sebelas gelanggang tenis dan ada rizab untuk Badminton Association of Malaysia untuk mengadakan pusat latihan di sana- satu tempat yang luas. Di Taman Mutiara ini diadakan tapak untuk pusat aktiviti-aktiviti kriket. Ini adalah contoh yang memang ada dijalankan. Ini bukan perkara yang tidak betul. Ini adalah satu cara yang mana kita dapat mewujudkan kemudahan sukan yang cukup untuk pemuda-pemudi dan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, permainan video cuma merupakan salah satu daripada kegiatan tidak berfaedah yang digemari kanak-kanak. Walaupun baru-baru ini tindakan tegas telah diambil oleh pihak berkuasa, ketidakwujudan atau berkurangnya pusat-pusat permainan video tidak semestinya bererti kanak-kanak akan menghabiskan masa lapang mengulang kaji pelajaran di rumah. Mereka mungkin akan mencari satu bentuk kegiatan yang lain sebagai ganti dan kegiatan ini juga mungkin merupakan kegiatan yang tidak berfaedah. Oleh yang demikian, apa yang penting ialah membantu kanak-kanak memupuk hobi yang berfaedah seperti hobi suka membaca dan suka melukis dan para ibu bapa adalah pihak yang paling sesuai memikul tanggungjawab ini di samping pihak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyentuh sedikit tentang Fasal 97 rang undang-undang ini di mana hukuman mati digantikan dengan penahanan di penjara selama yang diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri. Fasal 97 sub-fasal (2) ini nampaknya

mencadangkan bahawa kanak-kanak yang dipenjarakan menurut fasal ini mesti ditahan di penjara dan Menteri tidak boleh memindahkannya ke sekolah diluluskan atau ke Sekolah Henry Gurney. Ini bermakna kanak-kanak yang dihukum penjara menurut Fasal 97 tidak diberi peluang menikmati pendidikan formal. Saya tidak dapat membayangkan apakah yang dapat kanak-kanak itu lakukan sekiranya beliau dibebaskan satu hari nanti, setelah dipenjarakan, katakan sepuluh tahun, atau untuk satu jangka masa yang lebih panjang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu objektif rang undang-undang ini ialah untuk menawarkan bantuan khas kepada kanak-kanak tertentu bagi membolehkan mereka turut serta dan menyumbang secara positif ke arah membentuk satu masyarakat Malaysia yang madani dan unggul. Saya tidak mendapati sebarang peruntukan dalam rang undang-undang ini yang menyentuh tentang latihan atau pendidikan yang harus diberikan kepada kanak-kanak yang dipenjarakan menurut Fasal 97. Bagaimanakah mereka boleh menyesuaikan diri dengan dunia luar dan menjadi insan yang berguna setelah meninggalkan penjara tanpa pendidikan dan bimbingan yang wajar. Mungkin ada pihak yang berpendapat kanak-kanak yang sedemikian tidak ramai bilangannya. Namun bukankah kita mengiktiraf bahawa setiap kanak-kanak berhak untuk mendapatkan perlindungan dan bantuan dalam segala hal keadaan.

Walaupun Fasal 97 subfasal (4) memperuntukkan bahawa Lembaga Hakim Pelawat boleh mengkaji semula kes kanak-kanak sedemikian sekurang-kurangnya satu kali setahun, tiada kriteria atau garis panduan disediakan untuk membantu Lembaga Hakim Pelawat membuat cadangan tentang pelepasan awal atau penahanan lanjut kanak-kanak sedemikian. Oleh itu saya berharap pihak kerajaan dapat memberi perhatian terhadap kebajikan kanak-kanak yang akan dipenjarakan menurut Fasal 97 atau mereka yang kini sedang ditahan di penjara menurut undang-undang sedia ada yang mirip kepada Fasal 97.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya memang saya menyokong perwujudan rang undang-undang ini dan saya harap apa yang saya bahas tadi, apa yang ada kelemahan dalam rang undang-undang ini saya harap dapat diambil kira dan saya pohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekejap ya. Ada satu usul, sila kemukakan usul ya.

USUL

MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(2)

3.17 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 14(2) saya ingin mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat hendaklah membahaskan Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000 terlebih dahulu selepas daripada Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000 dan Rang Undang-undang Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000 akan dijadualkan sebagai nombor 4 pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul iaitu selepas daripada ini hendak dibahaskan Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka dahulu daripada Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000 hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Permatang Pauh, sila.

3.19 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana berpeluang membicarakan Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000. Rang undang-undang ini akan menggantikan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis. Jadi, ini bermakna Akta Perlindungan Wanita dan Gadis akan dimansuhkan.

Bagaimanapun, persoalan yang ingin saya sentuh di sini ialah jurang yang akan wujud apabila akta baru ini dikuatkuasakan di mana remaja-remaja terutama gadis-gadis yang berusia antara 18 hingga 21 tahun tidak akan memperolehi perlindungan yang sewajarnya daripada penderaan dan sindiket-sindiket pelacuran.

Remaja-remaja terutamanya gadis-gadis yang berusia dalam lingkungan ini, di antara perantaraan kanak-kanak dan dewasa, biasanya terdedah kepada ancaman-ancaman dan tipu daya sindiket. Mereka mudah terjebak di dalam kes pelacuran dan penderaan sekiranya perlindungan yang setimpal tidak dirangka oleh pihak penguat kuasa. Oleh yang demikian, langkah-langkah penguatkuasaan yang diambil oleh kerajaan amat penting di dalam memastikan jurang ini tidak berlaku apabila akta baru ini berkuat kuasa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, definisi perlindungan ke atas kanak-kanak dan remaja ini haruslah jelas dan diperjelaskan agar rakyat faham bahawa nasib dan masa depan golongan wanita dan kanak-kanak mendapat perlindungan sepenuhnya. Sekiranya akta ini dikaitkan dengan Kanun Keseksaan, bagaimanakah cara-cara pelaksanaannya yang akan dilakukan. Ini kerana di bawah Kanun Keseksaan tindakan undang-undang hanya boleh dilaksanakan jika ada kesan-kesan penderaan ke atas kanak-kanak ataupun kaum wanita.

Seperkara lagi ialah perlindungan dan pemulihan yang bagaimanakah yang akan diberi kepada mangsa-mangsa deraan dan mangsa-mangsa sindiket ini. Akta ini juga tidak memberi penekanan ke atas kewajipan pendidikan kepada kanak-kanak. Sewajarnya rang undang-undang ini turut memuatkan perkara mengenai kewajipan ke atas pendidikan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

Kita berpendapat remaja di Malaysia sekurang-kurangnya perlulah memperolehi pendidikan asas wajib sehingga tamat sekolah menengah. Rang Undang-undang ini juga tidak menyentuh tentang tenaga buruh kanak-kanak yang begitu penting dalam penjagaan hak asasi kanak-kanak untuk hidup dan berkembang sebagai kanak-kanak bagi menghidupkan potensi mereka sepenuhnya. Setakat itulah sahaja saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Bachok.

3.22 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya kementerian yang bertanggungjawab dalam menggubal Akta Kanak-kanak Tahun 2000 ini kerana di sebalik akta ini misinya untuk membawa suatu penyelesaian aspek sosial ataupun gejala kerosakan sosial yang berlaku dalam negara kita, meskipun sebelum ini telah diakui adanya tiga akta yang cuba untuk menangani isu-isu yang berbangkit, khususnya berhubung dengan kanak-kanak, wanita dan gadis.

Sebagaimana yang telah pun dibuat pengulasan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan hasil daripada kehendak suatu pelan tindakan ataupun Pelan Induk Tindakan

Sosial (PINTAS) pihak kerajaan telah mengemukakan rang undang-undang ini ke Parlimen, di Parlimen hari ini semata-mata untuk melihat kewujudan undang-undang hari ini ataupun selepas ini yang dikatakan Akta Kanak-kanak Tahun 2000 yang sekali gus telah pun membatalkan kewujudan Akta Juvana Tahun 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991.

Senario yang menjurus dan mendorong kerajaan kita akui dan kita terima sebagai suatu perkara yang perlu diutamakan, namun agak kelewatan setelah memasuki alaf baru tahun 2000 ini baru direncanakan oleh pihak kerajaan. Sebagaimana yang telah pun dihuraikan tujuan perwujudan akta ini dari sudut rasionalnya untuk pemeliharaan kanak-kanak. Yang kedua, untuk perlindungan kanak-kanak itu sendiri. Yang ketiga, pemulihan kanak-kanak.

Selain daripada itu, ia bertujuan untuk memasukkan peruntukan-peruntukan yang baru dan lebih baik supaya kanak-kanak diberi perlindungan dan bantuan yang diperlukan oleh mereka, betapa kanak-kanak adalah satu biji benih ataupun satu pelaburan negara dari sudut sosiologi dan psikologinya serta dari sudut ekonomi negara itu sendiri. Jadi, kanak-kanak adalah insan yang teristimewa yang perlu kepada kasih sayang, pemerhatian, pendidikan, keselamatan dan pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi kalau kita memerhatikan dan bila kita melihat kefahaman bahawa kanak-kanak itu sendiri dari sudut pendekatan Islamnya adalah suatu insan yang sebersih-bersihnya, sebagaimana satu maksud hadis Nabi s.a.w yang diumpamakan 'Sehelai Kain Putih' yang akan mencorakkan ataupun yang mewarnai jiwa, hati nurani, perasaan dan pembesaran kanak-kanak dalam menghadapi cabaran masa depan ialah persekitaran iaitu ibu bapa dan persekitaran sosialnya sendiri.

Oleh kerana itulah penggubalan undang-undang ini khas untuk memastikan generasi kanak-kanak masa depan akan menjadi suatu generasi pewaris, generasi gemilang yang boleh membawa suatu kemajuan dalam konteks negara itu sendiri. Oleh kerana itulah bagi memastikan tanggungjawab semua lapisan masyarakat terhadap kanak-kanak ataupun isu-isu berkait kepada kepentingan masa depan kanak-kanak ini seharusnya dibuat beberapa pertimbangan yang menjurus kepada sempurnanya pelaksanaan akta ini sendiri.

Suatu pandangan yang harus kita ambil perhatian dalam usaha pelaksanaan akta ini nanti ialah sebagaimana pandangan Imam Ghazali sendiri yang telah menyebut mengenai suatu tabii kanak-kanak yang menganggap sebagai suatu 'tabularasa' iaitu pada peringkat akal kanak-kanak itu sendiri mudah terpengaruh dengan kesan-kesan negatif, hasil daripada beberapa perkara yang mereka lalui. Lebih-lebih lagi sekiranya mereka dibesarkan dalam persekitaran yang tidak sihat, khususnya ibu bapa mereka sendiri yang dianggapkan guru tetapi kesedaran di sebalik isu-isu *parenting* ataupun keibubapaan tidak dibekalkan secukupnya kepada keluarga berkenaan. Sudah pasti akta ini sedikit-sebanyak boleh membantu untuk tujuan pemulihan isu-isu *parenting* dalam keluarga-keluarga bagi ibu bapa yang tidak sempurna dari sudut tersebut.

Pada pandangan saya, asas tabii harus dititikberatkan dalam memastikan pelaksanaan undang-undang kanak-kanak tahun 2000 ini agar mampu untuk memastikan tugas pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak berlaku dengan sebaiknya. Pandangan Al-Ghazali juga ialah untuk melahirkan keperibadian yang baik, asas keagamaan dimasukkan di dalam kurikulum pendidikan sebagai suatu isu.

Bagi saya, oleh kerana undang-undang kanak-kanak ini sebenarnya bukan suatu kurikulum pendidikan tetapi ia adalah satu garis panduan untuk bertindak bagi mengatasi segala isu-isu berbangkit hal-hal kanak-kanak. Namun, tujuan akta ini adalah jelas untuk pemeliharaan dan melindungi serta menjaga kepentingan kanak-kanak, maka undang-undang ini nanti sebenarnya mengandungi falsafah mendidik, terutama kepada masyarakat

dalam konteks masyarakat kanak-kanak itu sendiri atau sosialisasi kanak-kanak yang perlu kepada *social life* yang bersifat penyayang ataupun *caring social life*.

Justeru itulah, Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar Islam ataupun agama perlu diterap secara langsung ataupun tidak langsung oleh pihak kerajaan dalam usaha pelaksanaan akta ini nanti kerana ianya adalah selari dengan dasar Islam sebagai agama teras dalam negara kita. Oleh kerana itulah saya tidak bersetuju sekiranya ada pihak terutamanya pihak-pihak kementerian ataupun Jabatan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sendiri ataupun Kementerian Pendidikan dan seumpamanya yang cuba mengambil kesempatan untuk membuat suatu penilai yang tidak tepat berhubung dengan adanya institusi ataupun kelas-kelas pendidikan dan taman bimbingan kanak-kanak yang dituding secara tidak tepat dianggap sebagai menghasut ataupun sebagai pangkalan untuk menyemaikan elemen-elemen negatif kepada kanak-kanak. Dan sebagaimana isu yang dibangkitkan oleh pihak daripada Barisan Nasional tadi, daripada Gelang Patah dibangkitkan soal ada bukti bahawa kelas pendidikan kanak-kanak ini dituduh untuk menyemaikan unsur-unsur negatif. Itu bagi saya tidak tepat sama sekali sekiranya ianya tidak boleh dibuktikan secara lebih konkrit.

Sekarang ini kita tahu ada isu-isu yang telah berbangkit, misalnya kelas pendidikan tunas Islam, ianya untuk membina kesedaran agama dalam konteks Islam kepada generasi kanak-kanak seawal ataupun di peringkat prasekolah yang telah pun disuntik asas-asas kesedaran agama dan untuk menghayati nilai-nilai moral yang murni dalam kehidupan pada peringkat awal kanak-kanak. Oleh kerana itu, seharusnya pihak-pihak yang berkenaan khususnya kementerian berkaitan tidak seharusnya mengambil satu jalan pintas untuk menghukum kelas-kelas pendidikan ataupun kelas-kelas bimbingan kanak-kanak yang berorientasikan keagamaan dan moral ini demi untuk pembinaan generasi yang bermaruah pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang seharusnya menjadi hasrat dalam perbincangan rang undang-undang ini adalah sepatutnya boleh menyelesaikan ataupun boleh menjelaskan segala kekeliruan dalam perkara-perkara yang berkait dengan kanak-kanak. Lebih penting lagi setiap kanak-kanak mempunyai masa depan tersendiri dan seharusnya dicorakkan masa depannya menjadi penyumbang, bukannya pembeban kepada masyarakat. Kanak-kanak ini dari sudut masa depannya seharusnya menjadi penyumbang kepada negara, bukannya pembeban kepada kemajuan negara sebab ada isu-isu yang berkaitan kewujudan seseorang itu dalam sesebuah negara dianggap liabiliti ataupun beban kepada negara.

Berhubung dengan tujuan baik pihak kerajaan ketika menggubal Akta Kanak-kanak adalah rasionaliti menerima asas umur 18 tahun sebagai suatu titik tolak ataupun pemisah yang satu peringkat bukan kanak-kanak, selepas dianggap melebihi 18 tahun dan ke bawah daripada 18 tahun dianggap masih kanak-kanak.

Meskipun dalam setengah keadaan ataupun setengah suasana kemajuan yang melanda dunia sekarang secara globalnya, kita lihat masa kini terlalu ramai insan ataupun individu-individu yang berumur pada tahap bawah 18 tahun telah mempunyai keupayaan, pemikiran yang matang yang memang tidak boleh dikumpulkan di dalam kategori kanak-kanak. Misalnya, di Barat dan beberapa negara telah diiktiraf mereka yang berumur 18 tahun sebagai pengundi dalam menentukan hala tuju kepimpinan negara dalam mengamalkan prinsip demokrasi, tetapi negara kita belum lagi menerima asas kematangan pada peringkat 18 tahun, maka kita dapati pengiktirafan itu tidak berlaku.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Meskipun demikian, dari sudut persepsi masyarakat secara umum, dari sudut pendekatan sosiologi khususnya mereka melihat kematangan kanak-kanak sebenarnya berlaku hasil daripada pendidikan yang melingkungi kehidupan mereka oleh kerana itulah bukan semua mereka yang berumur dalam kategori belasan tahun ini dianggap sebagai bertaraf pemikiran kanak-kanak atau perilakunya adalah kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, tadi 'Tun' Yang di-Pertua sekarang ini 'Dato' pula. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya belum 'Tun' lagi. [Ketawa]

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Meskipun begitu saya ingin menarik perhatian bahawa kebelakangan ini banyak tindakan *deviant* ataupun *deviation* dilakukan oleh kumpulan-kumpulan individu ataupun insan ataupun secara *grouping* mereka yang berumur di bawah 18 tahun, sampai ke satu peringkat *deviation* ataupun perbuatan-perbuatan yang dianggap bersalahan dengan nilai dan norma masyarakat sejagat. Misalnya perbuatan yang berorientasi jenayah, dari seringan-ringan jenayah, seperti mencuri, kadangkala mencuri itu barang yang pelik-pelik, ada juga budak-budak kita ini maklum sendirilah umurnya begitu muda, sampailah kepada sebesar-besar jenayah dilakukan oleh kumpulan kanak-kanak dalam belasan tahun ini ataupun sampai kepada peringkat jenayah berat seperti menyamun, merompak dan membunuh.

Saban waktu pula media ada melaporkan kejadian jenayah yang dilakukan oleh kumpulan insan yang dilaporkan sebagai remaja di bawah umur. Media menggunakan perkataan 'remaja di bawah umur' sebagai suatu *escapism* daripada asas supaya tidak melihat pelaku jenayah ini sebenarnya masih kanak-kanak. Dari segi implikasi perundangan, memang benar cara laporan media yang menjelaskan konsepsi umur dan sebagai suatu tanda bahawa adanya undang-undang khas untuk individu ataupun kanak-kanak di bawah umur ini.

Jadi, mengikut undang-undang yang ada sebelum ini ada Akta Mahkamah Juvana 1947. Juvana dalam konsep sosiologi adalah insan remaja yang di dalam belasan dan belum memasuki umur dewasa. Namun, perkataan 'juvana' tidak dipakai secara *direct* ataupun secara langsung di dalam akta ini. Kita bimbang sekiranya asas umur sebagai pertimbangan utama dalam menangani permasalahan kanak-kanak yang diambang remaja ataupun belasan ini akan memberikan satu kesan yang membimbangkan khususnya dalam membimbing remaja terlibat dengan kesalahan-kesalahan *deviant* ataupun unsur-unsur criminal atau jenayah.

Misalnya, di dalam kes pengedaran dadah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tadi disebutkan ada sindiket-sindiket dadah menggunakan remaja sebagai suatu ejen pengedaran mereka. Oleh kerana sindiket ini telah menggunakan taktik pengedaran yang paling licik, maka ianya tidak mampu dikesan dengan secepatnya ataupun tidak mampu dikesan langsung oleh pihak berkuasa, maka yang terkesan adalah alat-alat mereka iaitu kanak-kanak itu sendiri.

Jadi, betapa kesalahan sebenarnya terlalu berat untuk kes-kes pengedaran dadah. Bagaimana boleh kita percaya bahawa sekiranya kanak-kanak itu dianggap pengedar dadah, sedangkan dari sudut umur dan usianya belum sampai kepada peringkat pemikiran mereka untuk merancang mendapatkan wang untung daripada penjualan dadah yang begitu lumayan. Pada lazimnya, kanak-kanak tidak bisa melakukan kesalahan yang berat, asas pemikiran kanak-kanak di sudut pertimbangan psikologinya memang kanak-kanak tidak mampu untuk melaksanakan sesuatu kerja yang berat lebih-lebih lagi yang bercanggah dengan undang-undang kerana kanak-kanak ini dibayangi dengan unsur ketakutan dan seumpamanya. Oleh kerana itulah persepsi dan penerimaan umum masyarakat sedemikian harus dibuat pertimbangan dalam usaha melaksanakan akta ini nanti.

Oleh itu, saya mencadangkan agar dibuat pertimbangan di peringkat untuk menjatuhkan sesuatu hukuman ataupun penalti atau apa-apa pertimbangan sebagaimana diperuntukkan di dalam akta ini, faktor umur sebagai suatu asas sahaja tetapi senario ataupun perkembangan sebenar kanak-kanak itu harus diberi perhatian serius. Jika ada yang melakukan kesalahan-kesalahan yang dianggap berat seperti disabitkan dengan kesalahan serius, sewajarnya kanak-kanak tersebut tidaklah dibuat sesuatu pertimbangan yang bersifat belas kasihan tetapi mestilah berlandas kepada realiti kesalahan dalam konteks individu kanak-kanak tersebut.

Sewajarnya juga disebut sebagai penjenayah sebenarnya tidak tepat dalam konteks kanak-kanak yang belum matang ataupun kanak-kanak yang memang diperalatkan oleh ejen-ejen seperti sindiket dadah tersebut.

Satu daripada pendedahan yang berlaku di sebalik akta kanak-kanak ini ialah dicadangkan untuk menitikberatkan tujuan pembentukan akhlak di kalangan kanak-kanak itu sendiri iaitu dari sudut mewujudkan kanak-kanak yang berakhlak di sebalik adanya kanak-kanak yang tidak berakhlak sebagaimana yang dijelaskan di dalam Bahagian III, di bawah Fasal 10, disebutkan, "Suatu kuasa bagi perlantikan pegawai akhlak daripada kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat". Kebimbangan saya dari sudut asas kuasa yang ada di sebalik akta ini ataupun di dalam Fasal 10 ini adalah kriteria sebenar Pegawai Kebajikan Masyarakat yang selayaknya diberi tanggungjawab sebagai pegawai akhlak bagi tujuan-tujuan ini.

Pada pandangan saya, asas ini harus dibuat pertimbangan sebenarnya berdasar kepada kebolehan sebenar pegawai berkenaan tidak semestinya mereka yang mempunyai kedudukan sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat. Oleh kerana itulah mereka yang boleh dianggap pegawai akhlak sepatutnya mereka itu dari sudut latar belakangnya telah sempurna akhlaknya untuk dijadikan teladan ataupun pembimbing kepada kanak-kanak. Sekiranya mereka itu tidak mempunyai kelayakan dari sudut itu, kita boleh melihat suatu asas keupayaan obligasi pegawai akhlak tersebut dalam memastikan proses membimbing kanak-kanak yang tidak berakhlak, tidak berlaku secara berkesan mengikut hasrat di sebalik akta ini.

Demikian juga dalam Fasal 10, di bahagian ini telah menyebutkan di bawah (3) "Pegawai Kebajikan Masyarakat di sini adalah termasuk Pembantu Kebajikan Masyarakat". Pada penglihatan saya dan pengamatan saya di bawah tajuk tafsiran dalam Fasal 2, ada sedikit kekeliruan kerana di sini "Pegawai Kebajikan Masyarakat" termasuk sama adalah "Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat", tetapi di bawah Fasal ini disebutkan dalam (3) tidak disebut "Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat" tetapi ialah "Pembantu Kebajikan Masyarakat." Mungkin perkara ini dari sudut teknikalnya ada kesilapan ataupun ada cara untuk kita perbetulkan secara tafsiran.

Tuan Yang di-Pertua, suatu isu yang saya sebutkan tadi ialah persoalan untuk membentuk akhlak baik di kalangan kanak-kanak. Inilah suatu perkara yang harus kita akui kerana kebelakangan ini jelas gejala kerosakan akhlak di kalangan remaja khususnya kanak-kanak di bawah umur 18 tahun ini memang ramai yang terlibat dengan gejala dadah, gejala bohsia, bohjan, pelacuran kanak-kanak dan sebagainya yang memang tidak diingini oleh kita sendiri, masyarakat amnya. Apa yang cuba saya sentuhkan sedikit ialah kes-kes yang berlaku gejala kerosakan akhlak di kawasan tanah rancangan ataupun Rancangan Kemajuan Tanah FELDA di Pahang, kawasan Tuan Yang di-Pertua, sendiri saya yakin begitu arif dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:.....isu-isu gejala sosial di kawasan FELDA ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu pun sama.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya Bachok, tidak ada FELDA. Ya, Bachok.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah itu, teruskan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Pemikiran yang cuba saya bawa untuk direnung bersama, bagi menilai dari sudut kewujudan Akta Kanak-kanak 2000 ialah kerosakan akhlak yang berlaku begitu ketara kebelakangan ini sehingga sebagaimana yang disebut, saya tidak mahu mengulangi lagi, perkara-perkara yang paling negatif telah pun membawa kepada persoalan maruah, persoalan bangsa dan persoalan agama. Lebih-lebih lagi yang telah pun dilanggari begitu rupa oleh remaja-remaja masa kini sehingga mana mereka ini sanggup meninggalkan bangku sekolah di awal usia, maka sudah pasti generasi yang bertenaga, yang kuat untuk membina kekuatan kepada pembangunan negara tidak akan terwujud generasi FELDA itu sendiri terus dibiarkan dengan keadaan yang berlaku sekarang.

Inilah cita-cita yang tidak mungkin untuk kita hayati untuk masa hadapan dan akta ini sebenarnya sedikit penyelesaian sekiranya penguatkuasaan mengambil kira asas-asas ini. Oleh kerana itulah tadi dibangkitkan mengenai dasar kerajaan negeri dalam usaha untuk menangani gejala sosial ini. Kononnya Johor telah mendahului dari negeri-negeri lain untuk memperuntukkan syarat 10% daripada zon perumahan yang dibangunkan oleh pemaju untuk kawasan rekreasi.

Dalam menangani isu seumpama ini sebenarnya Kelantan lebih dahulu lagi untuk menguatkuasakan peraturan ini bukan setakat kawasan rekreasi, mesti ada surau dan juga mesti ada tempat-tempat untuk memastikan kanak-kanak ataupun remaja di dalam zon rumah mereka bila tidak selesai dengan kehidupan mereka, mereka boleh duduk untuk bersenam-senam untuk melepaskan fikiran ataupun untuk menyelesaikan pemikiran mereka di taman-taman dalam kawasan perumahan. Dan kerajaan negeri Kelantan telah awal-awal lagi telah meletakkan syarat, setiap rumah yang hendak dibina mestilah mengambil kira keselesaan iaitu syaratnya mesti ada 3 bilik, dengan tidak termasuk bilik dapur dan bilik air. Maksudnya 3 bilik adalah - satu untuk suami-isteri atau ibu bapa, satu untuk anak lelaki dan satu untuk anak perempuan.

Ini asas pertimbangan dari sudut moral dan menangani kemungkinan-kemungkinan akhlak tidak berlaku tidak baik dalam keluarga. Kerana kita dapati daripada kajian yang dibuat oleh ahli akademik tempatan asas budaya lepak di kalangan remaja khususnya kanak-kanak di bawah 18 tahun ini, satu daripada faktor penolak atau faktor yang menggalak mereka ini menjadi rosak akhlak kerana suasana bilik dalam rumahnya tidak selesai untuk mereka tinggal, untuk membaca, untuk membuat kerehatan yang sempurna.

Satu perkara yang perlu juga pertimbangan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, beri laluan?

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Ya, sila.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Bachok. Saya amati ucapan daripada Yang Berhormat, juga kita lihat Kelantan mendahului daripada semua aspek, dari segi agama dan juga aspek tempat tinggal dan kekeluargaan. Apa pendapat, komen Yang Berhormat kerana taklimat baru-baru ini diberitahu bahawa masalah dadah, penyalahgunaan dadah antara negeri yang terbesar

penyalahgunaan dadah ini di kalangan anak-anak muda adalah Kelantan dan jika kita lihat ini merupakan satu masalah sosial yang besar sekali masalahnya di negeri Kelantan. Jadi, kalau kita lihat soal kekeluargaan, soal agama yang dipraktikkan di Kelantan, mengapa masalah sosial ini berlaku begitu besar sekali di Kelantan? Terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Terima kasih di atas soalan untuk mendapatkan penjelasan daripada isu yang saya bangkitkan berhubung dengan dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan. Kerajaan negeri Kelantan telah bertegak selama 10 tahun ataupun 2 penggal pilihan raya, sekarang ini masuk ke penggal ketiga, ia telah mewarisi generasi dan dasar-dasar yang sebelum ini kesan daripada peninggalan kerajaan Barisan Nasional yang telah melaksana, buat kerja-kerja yang semuanya itu bukan sehari dua untuk kita nilai. Inilah asas yang perlu kita terima secara rasional, bukannya terima secara isu. Dan berhubung dengan masalah penagihan dadah, saya ingat saya tidak hendak kembangkan maklumat itu kerana saya sendiri mempunyai maklumat bahawa peningkatan kadar penagihan dadah di kalangan kanak-kanak atau kalangan remaja sebenarnya menyeluruh mengalami peningkatan, tidak terfokus kepada negeri Kelantan sahaja. Terima kasih.

Satu perkara lagi yang suka saya sebutkan di sini ialah keupayaan dari sudut akta ini sendiri dan ketulusan dari sudut pelaksanaannya apabila kita menilai dari asas program pemulihan akhlak yang disebutkan di sini, di antaranya mana-mana kanak-kanak yang disabit dengan satu-satu kes itu akan ditunjuk untuk dimasukkan ke suatu sekolah yang diluluskan. Apa yang saya ingin perkatakan di sini ialah apabila memilih sebuah sekolah yang diluluskan pada penilaiannya ialah mestilah sekolah itu terbaik untuk memberi satu pendidikan kepada anak-anak sendiri. Kerana dari sudut asas untuk pemulihan akhlak mestilah di sekolah tersebut berlakunya suatu proses pendidikan yang berkesan, adanya suatu latihan yang serasi dengan jiwa nurani kanak-kanak dan juga ada suatu pemahaman yang serasi dengan mentaliti kanak-kanak.

Oleh kerana itu tindakan untuk menghantar kanak-kanak yang diputuskan oleh mana-mana mahkamah kanak-kanak itu sendiri adalah suatu pertimbangan yang berdasar kepada syor daripada perkara akhlak. Oleh kerana itulah saya rangkumkan kefahaman atas asas melantik pegawai akhlak itu mestilah seorang yang benar-benar boleh memahami perkara ini dan lebih sesuai lagi pegawai akhlak itu mestilah mempunyai latar belakang keagamaan yang mantap dan moral yang sempurna.

Jadi, perintah untuk penahanan kanak-kanak di sekolah-sekolah ataupun untuk dimasukkan ke sekolah yang diluluskan itu sebagaimana yang dimaksud di bawah Fasal 69 Bab 4, Bahagian IX telah dengan jelas memperuntukkan suatu tempoh 3 tahun dari tarikh perintah. Soalnya ialah apakah jaminan 3 tahun ini boleh kita memastikan kanak-kanak tersebut akan keluar nanti baik akhlaknya ataupun terjamin akhlaknya, tidak boleh ataupun tidak lagi untuk mewujudkan suatu unsur negatif dalam masyarakat.

Kemudian diperuntukkan pula ialah kuasa-kuasa boleh melanjutkan tempoh, sampai kepada tempoh 6 bulan dan dengan syarat tidak bolehlah ianya melebihi daripada 18 tahun. Semuanya asas pertimbangan dari sudut kesan sekiranya tempoh yang diperuntukkan itu telah berkesan adalah sesuatu tetapi dari sudut pelaksanaan sekiranya tidak berkesan mestilah ada suatu tindakan ataupun langkah-langkah sampingan yang boleh memperkukuhkan lagi tindakan tersebut.

Kemudian suka saya sebutkan di sini ialah asas untuk mewujudkan suatu kanak-kanak yang dianggap pewaris generasi gemilang ini sendiri seharusnya tidak kita pinggirkan mana-mana kanak-kanak yang melalui proses penghukuman ataupun proses penahanan ataupun mereka dipenjarakan kerana kesalahan-kesalahan mengikut akta ini. Kita tidak ingin juga untuk mendengar isu sebagaimana pernah dilaporkan oleh sebuah akhbar Inggeris betapa kanak-kanak yang berumur 10 tahun ada ditahan di penjara dan

dipergauli dengan orang-orang dewasa ataupun kumpulan umur yang lebih tua daripada mereka sedangkan mereka ini masih dalam kanak-kanak.

Daripada laporan yang diterima, perakuan daripada Penjara Sungai Buluh misalnya dikatakan terdapat 200 remaja dalam kumpulan umur 14-21 tahun telah ditempatkan di Penjara Sungai Buluh. Daripada jumlah tersebut, didapati 18% telah pun menjalani hukuman, 82% masih lagi dalam keadaan tahanan kerana reman.

Jadi, kita percaya dengan ramainya daripada 200 itu, 80% dalam keadaan tahanan reman ini membuktikan pelaksanaan sekarang dalam menangani isu-isu yang melibatkan kes-kes jenayah ataupun perkara-perkara yang disabitkan terhadap kanak-kanak ditahan di Penjara Sungai Buluh itu, kita nampak penyelesaian dari sudut perjalanan mahkamah dan juga proses penghakimannya begitu mengambil masa. Ini membuktikan bahawa suatu langkah penguatkuasaan akta kanak-kanak ini adalah seharusnya diimbangi dengan peralatan-peralatan lain bagi menyokong pelaksanaan akta ini terutamanya dari sudut perjalanan mahkamah itu sendiri.

Kita yakin dan percaya kesalahan-kesalahan remaja berlaku kerana mereka ini masih pada peringkat umur yang belum matang. Oleh kerana itulah didedahkan betapa remaja ramai yang terlibat dengan isu-isu dadah dan ada juga kes-kes yang ditahan di Penjara Sungai Buluh terdiri daripada mereka adalah pekerja-pekerja asing yang didatang khas untuk bekerja sedangkan mereka itu masih lagi di bawah umur ataupun kurang 18 tahun. Demikian juga kita dapati ada remaja yang ditahan di penjara kerana mereka ini terlibat dengan lumba haram dan kemudian mereka juga memandu dengan tidak ada lesen ataupun mabuk dan seumpamanya.

Ini membuktikan bahawa sistem sosialisasi dalam kehidupan negara kita di hari ini yang terlalu serius untuk ditangani dan akta ini diharap boleh mengatasi sedikit sebanyak asas-asas sosialisasi kanak-kanak itu sendiri. Yang penting untuk kita beri perhatian sebagaimana yang dibangkitkan oleh seorang daripada Yang Berhormat Barisan Nasional tadi iaitu isu menyasarkan tindakan-tindakan di sebalik akta ini dengan aspek psikologi dan sosial kanak-kanak itu sendiri ataupun mengambil kira environment sebenar kanak-kanak supaya penghukuman yang dikenakan ke atas kanak-kanak yang bersalah dianggap setimpal dengan proses kematangan pemikiran dan persekitarannya akan membentuk mereka menjadi generasi gemilang selepas ianya menjalani hukuman.

Oleh kerana itulah di dalam peruntukan undang-undang yang ada atau di bawah peruntukan akta ini, saya melihat perlunya wakil penjara itu duduk di dalam Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak dan perkara ini telah pun disebut di dalam akta ini dan saya menyokong usaha ini sebagai suatu asas bagi memastikan persekitaran penjara untuk kanak-kanak ini sendiri mengambil kira aspek-aspek psikologi dan sosiologi kanak-kanak. Adalah tepat pada pertimbangan pihak yang menggubal akta ini, pihak kementerian dalam menilai kes ini, cuma saya tidak melihat suatu peranan khusus ataupun suatu perwakilan khusus daripada mana-mana pihak yang mewakili badan agama.

Misalnya melalui seorang wakil tetap daripada JAKIM tidak dimasukkan di dalam keanggotaan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak sedangkan dalam isu-isu yang sebegini saya anggap kepakaran ataupun pemikiran-pemikiran agama seharusnya diterap sama dalam merumus asas-asas perlindungan kanak-kanak. Perkara ini saya anggap pihak kementerian perlu memberi perhatian dari sudut pelaksanaan kerana di bawah Fasal 4 di dalam Bahagian I ini disebutkan di bawah (1) dan (n) disebutkan, "*mana-mana orang yang layak untuk memberi nasihat tentang faktor-faktor peribumi, etnik, kebudayaan atau agama*". Jadi, menampakkan di sini, dari sudut keseriusan dalam menganggotai jawatankuasa Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak ini tidak sangat memberat isu-isu keagamaan.

Demikian lagi satu perkara yang saya cuba sentuhkan di sini ialah di bawah kewujudan ataupun di bawah akta ini ada suatu ruang diwujudkan – di bawah Fasal 7 (2), satu pasukan perlindungan kanak-kanak yang terdiri daripada anggota-anggota yang tidak terangkum juga latar belakang mereka daripada yang berpendidikan agama. Sedangkan mereka berpendidikan agama, lebih-lebih lagi mereka telah mempunyai kemahiran di bidang kaunselor adalah penting dalam usaha menganggotai pasukan perlindungan kanak-kanak ini kerana di bawah tujuan kewujudan pasukan perlindungan kanak-kanak ini sendiri adalah di antara lain memberikan nasihat tentang asas-asas bagi membentuk nilai murni atau nilai baik khususnya pembentukan akhlak di kalangan kanak-kanak itu sendiri.

Satu perkara lagi saya sebutkan mengikut Fasal 75 dalam Bab 5 Bahagian IX iaitu Sekolah Henry Gurney. Sebenarnya Sekolah Henry Gurney ini telah pun lama diwujudkan sebagai satu sekolah untuk pembentukan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan. Kanak-kanak yang berumur 14 tahun ke atas yang disabitkan dengan mana-mana kesalahan mengikut pertimbangan akta ini akan dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney dan tidak lebih umurnya daripada 21 tahun tetapi apabila pemantauan dibuat kepada kanak-kanak yang dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney ini apabila didapati masih tidak berpuas hati oleh pihak yang berwajib maka boleh dilanjutkan lagi tempoh kepada 3 tahun dengan syarat tidak melebihi 21 tahun.

Persoalannya ialah kurikulum yang digunakan di sekolah ini dari sudut asasnya perlu dibuat kajian-kajian teliti kerana tidak ada jaminan sepenuhnya bahawa mereka yang melalui proses di Sekolah Henry Gurney ini akan menjadi ahli masyarakat yang baik dan tidak menjamin dari sudut akhlaknya. Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya pendekatan keagamaan lebih-lebih lagi kepada pelajar Henry Gurney yang daripada latar belakang Islam seharusnya diterapkan unsur-unsur keagamaan Islam itu sendiri sebagai suatu nilai bagi pembentukan rohani yang mantap dalam jiwa mereka supaya setiap kesalahan serius yang mereka buat yang menyebabkan mereka dihadap atau dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney ini tidak mereka ulangi lagi kerana mereka mempunyai persiapan rohani yang begitu baik dalam kehidupan masyarakat selepas keluar daripada situ.

Oleh kerana itu, keseluruhan daripada akta ini memang saya mempunyai satu pandangan yang positif kerana ianya mempunyai beberapa langkah-langkah pendekatan, Walaupun unsur-unsur yang saya sebutkan tadi belum diterap secara nyata di dalam usaha pelaksanaan akta ini, namun saya yakin dan percaya dengan kebijaksanaan peringkat-peringkat pelaksana ianya boleh mengambil perhatian di atas apa yang saya sebutkan dan saya bangkitkan dalam sesi perbincangan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lupar.

Seorang ahli: Batang Lupar habislah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya janji Tuan Yang di-Pertua, tidak cakap panjang. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

3.57 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun cakap sikit sahaja sebenarnya sebab undang-undang ini sudah dibahas di Parlimen dahulu dan saya ucapkan tahniah dan terima kasihlah kepada pihak kementerian kerana banyak cadangan-cadangan dan hujah-hujah kita dalam Parlimen yang lepas di mana undang-undang ini telah dibawa, telah dimasukkan dalam undang-undang ini. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya tidak panjang sangatlah bercakap, mungkin satu jam, dua jam macam tu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kanak-kanak ini kalau dia lahir daripada rahim ibunya dia macam kain putih, dia tidak mempunyai dosa, tidak mempunyai kesalahan, tidak boleh membuat apa-apa pun, tetapi kesalahan ini dibuat oleh ibu bapa dan masyarakat sekelilingnya. Jadi, dalam keadaan sedemikian kalau ibu bapa itu menjadi ibu bapa yang sempurna namun anak ini tidak akan menjadi anak yang tidak sempurna. Jadi, dalam keadaan sedemikian kita banyak menegur kerajaan, dan menegur kementerian, banyak menegur siapa sahaja tetapi kita tidak pernah tanya orang yang menjadi ibu bapa ini, kahwin cari keriang, kegembiraan, keseronokan sendiri tetapi bila anak itu sudah lahir, dia tidak tahu macam mana hendak jadi bapa dan tidak tahu macam mana hendak jadi ibu.

Jadi, inilah soalan pokok yang perlu kita fikirkan bagaimana hendak jadi ibu bapa. Jadi, apabila anak ini telah menjadi besar sedikit, belum menjadi belia, jadi ibu bapa ini masih menunjukkan iaitu keperibadian, contoh dan sebagainya yang tidak sempurna, jadi lahir anak yang tidak sempurna. Dan, anak-anak daripada seorang ibu bapa beratus beribu, keluarlah anak berpuluh ribu, oleh kerana seorang ibu bapa boleh melahirkan 3, 4 orang anak. Jadi, kalau sepuluh ribu ibu bapa, boleh melahirkan 40 ribu anak. Anak yang tidak sempurna ini akan menjadi anak yang menjadi masalah.

Jadi, yang sebenarnya yang menjadi masalah ini ialah ibu bapa. Sepatutnya kerajaan menumpu juga, melihat juga sebelum seseorang itu dibenar berkahwin lihatlah – jangan diajar sembahyang sahaja, jangan diajar membaca Quran sahaja – mengetahui apa dibaca, apa yang diajarkan itu. Kadang-kadang kita mengajar orang sembahyang tetapi apa tujuan sembahyang itu kita tidak beritahu. Jadi, pengajaran di sebalik agama, kadang-kadang kita lupakan kepada ibu bapa ini.

Tugas dan tanggungjawab sebagai ibu bapa tidak pernah kita pentingkan, tetapi apa yang kita pentingkan ialah dari segi amalannya tapi apa hikmah di sebaliknya kadang-kadang kita terlupa. Jadi, inilah masalah yang berbangkit di kalangan masyarakat kita, dan ada juga kita melihat ibu bapa ini yang penting rasanya benda-benda kebendaan, mencari kekayaan, mencari kemewahan, mencari kedudukan dan sebagainya.

Dalam mengejarkan kemajuan masyarakat dan menjadikan diri dia seorang yang maju, seorang yang mungkin berkedudukan di tempat yang tinggi, menjadi Menteri ataupun menjadi orang korporat yang kaya raya dan menjadi orang politik yang canggih dan sebagainya, dia lupa di rumah itu ada lagi anak-anak mereka yang tidak dibimbing dengan begitu baik. Tetapi ada juga memang orang politik itu sudah menunjukkan diri dia tidak baik, menyumpah, memaki-hamun orang lain, jadi kalau anak dia dengar, dia memang memaki-hamun orang lain pula.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kerana saya banyak bercampur dengan anak-anak. Kebanyakan anak-anak yang menjadi masalah ini adalah daripada ibu bapa yang bermasalah. Kalau ibu bapa itu bermasalah, jarang sekali anak dia menjadi anak yang warak ataupun yang baik. Tetapi ada juga di kalangan ibu bapa yang baik, anak-anak yang kurang baik. Tetapi kalau yang banyak yang tidak baik itu memang keluar dia semua yang tidak baik. Jadi, saya berharaplah masyarakat keseluruhannya melihat supaya jangan cari kesalahan orang dengan cara menyalahkan kementerian, pegawai kerajaan dan sebagainya. Yang salah itu mungkin, lihatlah diri sendiri. Apabila bangun pagi, sembahyang selepas itu lihat di cermin apa kesalahan yang mungkin akan dilakukan pada hari ini terutama sekali kepada anak-anak kita di rumah. Apa kecuai dan kegagalan kita, mintalah diperbaiki sebelum kita mengatakan anak ini anak yang tidak boleh dibimbing.

Jadi, sebagai ibu bapa umpamanya, kadang-kadang kita melihat ada undang-undang umpamanya undang-undang mengatakan anak tidak boleh beli minuman keras, tidak boleh beli rokok tetapi anak-anak yang umur 10 tahun, 5 tahun, 7 tahun, 8 tahun, dia suruh pergi kedai beli rokok. Tetapi ini sudah menyalahi undang-undang. Jadi, di mana letaknya tanggungjawab sebagai ibu bapa? Sepatutnya kalau hendak beli rokok ataupun

yang bukan Islam hendak beli arak ataupun bir dan sebagainya, belilah sendiri, jangan suruh anak. Tetapi anak ini telah digalakkan untuk membelikan benda yang tidak boleh dia buat. Jadi, ini mungkin satu contoh sahaja.

Mungkin banyak lagi perkara-perkara yang salah dan tidak betul yang kita galak anak kita buat. Umpamanya, kalau kita dalam kereta, kalau ada benda-benda makanan lebihan – kulit kacang, kulit pisang dan sebagainya, kita buang keluar dari kereta. Ini kita galakan anak kita buat kerana takut mengotorkan kereta. Jadi, yang sebenarnya, dari segi undang-undang sudah menyalahi. Anak kita tahu perkara ini tetapi bapa yang suruh ataupun bapa tidak larang ataupun ibu tidak larang. Jadi, di mana letaknya kesalahan, kita kah ataupun anak yang salah?

Begitu juga masyarakat. Kalau kita melihat masyarakat, orang yang berdagang menjual arak dan sebagainya, apabila melihat anak yang di bawah 18 tahun, walaupun dilarang oleh undang-undang membeli rokok dan arak dan sebagainya tetapi bila dia tengok duit itu datang, duit merah, hijau dan biru itu datang, dia lupa dengan undang-undang ini. Yang penting ialah wang, duit banyak. Jadi, itulah keseluruhan yang kita pandang. Pentingkan kebendaan, kedudukan, kewangan yang kita lihat secara nyata ini tetapi secara halus-halus, kita telah mendidik anak kita menjadi manusia yang tidak sempurna. Tetapi apabila anak ini salah nanti, kita kata anak yang kurang ajar tetapi sebenarnya kita sendiri yang kurang ajar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara kita sebagai ibu bapa perlu melihat sendiri, perlu melihat apakah kesalahan kita sendiri jika mahu menjadi ibu bapa yang sempurna dan masyarakat begitu juga, jangan harapkan wang dan ringgit sahaja. Kalau kita hendak lihat wang dan ringgit, tengok duit, kejar sahaja, lupakan anak. Tinggal 24 jam di rumah, isteri dan anak dibiarkan dan sebagainya, pendekatan tidak ada. Apa orang kata, *quality time* itu jauh-jauh sekali. Kalau anak-anak jumpa bapa dan ibu, buat *appointment*, hantar surat sebab anak yang keluar pukul lima pagi, pergi sekolah, balik pukul tujuh, bapa masih di padang golf, ibu masih di meja mesyuarat.

Katalah ibu ini orang yang aktif dalam politik dan *social work – social work* untuk siapa, politik untuk siapa? Adakah politik ini untuk masa depan anak-anak kita ataupun untuk orang lain? Kita mengajar orang lain tetapi anak kita di rumah tidak diajar. Jadi, kita mesti melihat sebenarnya. Sekali-sekala kita main golf, boleh bawa anak main golf bersama kalau hendak bawa anak. Kalau kita berkelah, bawalah anak berkelah, tidak payah bawa *girlfriend* [Ketawa]. Bawa isteri berkelah. Isteri pergi mesyuarat, sekali-sekala pergilah. Ingatlah *social work* sini, ingatlah badan amal ini, ingatlah semua benda di sana tetapi anak-anak di rumah itu kena jaga juga.

Jangan tunggu polis, jangan tunggu guru yang jaga. Nanti salah, guru dimarah. Nanti salah, pendidikan dia kata tidak betul. Kementerian yang tidak buat kerja. Tetapi sebenarnya pokok pangkal kalau saya boleh jaga tiga orang dengan baik, insya-Allah, guru yang 30 itu boleh jaga 30 orang daripada 30 ribu bapa yang baik tadi. Kita jadi guru itu membela anak-anak yang sempurna. Undang-undang ini adalah satu asas ataupun infrastruktur yang kerajaan wujudkan. Ada juga di kalangan manusia ini, walaupun bagaimana baik, bagaimana sempurna manusia ini, memang dalam masyarakatnya, dalam keluarganya memang ada yang tidak sempurna juga berlaku iaitu syurga dia buat, neraka juga dia buat. Kalau tidak perkataan-perkataan ini, sempurna dan tidak sempurna tidak wujud.

Jadi, memang berlaku tetapi kita sebagai pendidik, ibu bapa yang bertanggungjawab terhadap anak-anak kita, kita kena jaga sepenuhnya. Jangan cari kesalahan pada orang lain. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang ini banyak orang terlibat. Para hakim, polis, pegawai-pegawai kebajikan, kementerian dan banyak lagi orang terlibat. Jadi, pegawai-pegawai ini, umpamanya pihak hakim, apabila lihat orang yang melakukan

kesalahan pertama, mungkin dia boleh berlagak sebagai hakim dengan menghakimi kanak-kanak tetapi apabila sudah banyak sangat satu hari itu anak-anak yang jumpa di hadapan dia, dia sudah naik marah, dia jadi manusia biasa.

Apabila dia sudah menjadi manusia biasa, hilanglah tatacara sebagai hakim yang melihat ataupun mengendalikan kes kanak-kanak. Begitu juga polis. Polis biasanya apabila menangkap orang jenayah, orang dadah, orang yang melakukan kesalahan-kesalahan tetapi apabila berlaku masalah yang mana anak-anak di bawah umur 18 tahun melakukan kesalahan, pihak polis ini *react* ataupun bertindak sebagaimana bertindak atas kesalahan-kesalahan biasa. Dia tangkap, dia gari dan sebagainya anak-anak ini. Pegawai kebajikan juga begitu, dia menjadi seorang yang profesional

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, profesional hakim, profesional polis, profesional pegawai-pegawai yang terlibat dalam mengendalikan kes-kes kanak-kanak, sudahkah diberi latihan supaya tidak, anak-anak yang baru cuba menjadi orang salah ini menjadi *hardcore criminal* pada masa yang akan datang. Tetapi, memang banyak Ahli-ahli Yang Berhormat sudah sebut tadi, jangan simpan dalam jel yang biasa, jangan simpan dalam *police station* yang biasa, jangan simpan bercampur dengan pihak penjenayah-penjenayah yang biasa tetapi ini memang betul, saya bersetuju. Tempat-tempat di mana kanak-kanak yang melakukan kesalahan ini memang diasingkan. Tidak boleh disamakan dengan penjenayah-penjenayah yang lain kerana kita tidak hendak anak-anak ini yang baru mungkin mereka menampakkan benda yang mereka lakukan itu satu kenakalan bukan jenayah.

Umpamanya, di kawasan saya. Tiga orang anak yang baru berumur 12 tahun. saya pernah sebut ini, Tuan Yang di-Pertua. Budak ini masuk ke rumah guru. Apabila masuk ke rumah guru, dia bukan curi apa benda. Kalau hendak curi, bolehlah curi duit, curi emas, curi benda-benda lain guru punya itu – tidak tetapi dia naik ke rumah guru itu, masuk ke dapur, dia terus makan nasi, ikan dan semua gulai yang dihidang di dapur itu. Selepas itu, dilapor kepada polis. Polis kata ini satu kes pecah rumah. Jenayah yang serius. Ditangkap budak ini dan dibawa 100 kilometer daripada sekolah ini, dimasukkan ke dalam sel di *police station*. Bapa dia masih di laut menangkap ikan. Ibu dia masih di kebun. Tidak tahu apa-apa.

Jadi, pernah saya sebut dahulu, ini tidak patut berlaku. Sepatutnya apabila anak-anak ini dijumpai, dibawa ke hadapan guru, guru janganlah apabila lepas tengok kesalahan yang makan ikan, makan nasi sedikit di dapur dia itu, dia lapor pecah rumah, mencero boh rumah dan sebagainya. Jadi, kita mesti melihat macam mana pemikiran kanak-kanak ini apabila melakukan perkara ini. Adakah fikiran ini adalah fikiran si penjenayah, hendak mencuri ataupun hendak mencero boh rumah guru ini ataupun sengaja dia buat nakal sahaja. Mungkin guru itu marah di kelas, dia kata, makan nasi supaya dia tidak makan tengah hari ini. Tetapi apa yang berlaku selepas itu, dia dimasukkan ke jel. Lima hari tidak boleh keluar.

Selepas itu, satu lagi jikalau kita lihat dalam undang-undang ini ada dikatakan hakim mestilah memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada anak-anak ini. Apa yang berlaku sebagai *reality case*. Budak-budak ini telah tidak diberi penjelasan yang sepenuhnya oleh hakim kerana hakim melihat kalau dia tanya, kamu mengaku salah atau tidak. Dia kata, saya mengaku salah. Betullah saya makan nasi. Memang mengaku salah tetapi adakah hakim telah memberi penjelasan kepada anak yang baru 12 tahun ini? Tahukah anak ini apakah kesan kepada pengakuannya?

Bahkan tiga minggu lepas, Tuan Yang di-Pertua, ada seorang yang berumur 30 tahun daripada kampung. Orang kampung ini ditangkap kerana membalak tidak ada lesen. Apabila ditangkap, di bawa ke mahkamah – tuduh di mahkamah. Bila dituduh di mahkamah, kamu mengaku salah atau tidak. "Saya tidak ada lesen buat *sawmill*" katanya,

memang salah. Terus tangkap, beri hukum. Dia punya enjin *sawmill* yang harga RM100 ribu, 20 tahun menyimpan duit, beli RM100 ribu ini, terus kena rampas. Apabila kena rampas, jumpa YB. Saya tanya, "You faham tidak apabila ditanya oleh hakim?". "Saya duduk berdiri atas, saya macam ini, saya dengar pun tidak boleh" kata dia. *[Menunjukkan gaya menggigil]* "Bila dia kata, salah atau tidak salah, saya kata salah sahaja tetapi saya tidak dengar" kata dia. "Saya takut, saya bimbang".

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, ada kanak-kanak yang di bawah 18 tahun ini akan memahami hakim kalau ditanya oleh pihak hakim, "Faham atau tidak tuduhan, faham atau tidak kesan apa yang berlaku, kalau you mengaku salah, apa yang akan berlaku dan apa sebenarnya yang berlaku?". Jadi perkara ini mestilah dilihat. Para hakim, polis, pegawai-pegawai yang terlibat dengan kes-kes di bawah undang-undang ini mestilah mempunyai satu latihan yang khusus, macam mana hendak mengendalikan kes kanak-kanak di mahkamah.

Saya tahu pegawai diberi untuk menolong hakim dan sebagainya, tetapi kadangkadangkang pegawai kita ini pun dia duduk di sana, dia ingat dia lebih cerdik daripada hakim pula. Perangai dia pun lebih garang daripada polis. Jadi, ini kita kena faham supaya kita tidak menubuhkan ini nanti jadi satu gejala besar. Banyak Yang Berhormat sebut tadi, kalau anak-anak ini dimasukkan jel selama lima tahun dan sebagainya, kalau umur dia beberapa tahun masuk sekolah, makna hilang lima tahun masa persekolahannya. Apa akan berlaku pada anak ini selepas keluar nanti? Kenapa pula kalau tidak kita wujudkan sekolah memang untuk orang ini, satu tempat untuk anak-anak yang tidak baik ini dimestikan bersekolah walaupun melakukan kesalahan-kesalahan jenayah.

Pada satu ketika nanti, sama ada mungkin disebabkan baik perangnya, sudah habis, tamat tempoh penghukumannya di penjara, dia akan keluar dan masuk ke dalam masyarakat. Kalau dia tidak mempunyai pendidikan, mungkin dia akan menjadi penjenayah berterusan sehingga dia mati, ke akhir hayatnya. Jadi, dalam keadaan sedemikian, pendidikan semasa dalam penjara mestilah ditekankan juga dan semasa sebelum memasukkan orang ke dalam penjara, anak-anak ini sebelum digari dan ditangkap dimasukkan dalam sel dan jel, mestilah dengan pendekatan yang begitu baik sekali kerana tujuan undang-undang ini bukanlah untuk menghukum tetapi ialah untuk memperbaiki, *reformatory*, bukan *punitive*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi hakikat ini mesti difahami dan diketahui para hakim, pegawai polis dan siapa sahaja yang terlibat dengan undang-undang ini. Kalau tidak memahami hakikatnya undang-undang ini semangatnya akan berkecai dan akan gagal. Walaupun ramai anak-anak yang masuk jel, ramai yang ditangkap, ramai yang dihukum tetapi ini bukan bermakna telah berjaya. Kejayaan ialah untuk mengatasi masalah sosial di kalangan anak-anak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berjanji tidak boleh cakap panjang, saya cakap pendek sahaja. Saya hendak sebut sedikit tentang ibu bapa, polis, masyarakat, peniaga dan sebagainya, saya sebut kerajaan. Ramai juga kawan-kawan yang menyebut kita kena ada tempat-tempat rekreasi, mesti ada menyediakan tapak, jangan dibiarkan tempat dan tapak ini macam itu sahaja tidak dibina, tidak dibuat apa-apa benda dan sebagainya, saya bersetuju. Saya melihat banyak, sudah disediakan tempat tapak dan dibangunkan tempat itu tetapi selepas itu 20 tahun atau 10 tahun selepas itu pemaju yang sama akan buat satu permohonan kepada pihak kerajaan, saya hendak maju tempat ini - tempat rumah kedai kerana dapat banyak lagi duit. Jadi, tapak yang sebenarnya untuk dibangunkan sebagai tempat rekreasi tidak dibangunkan, bahkan tapak surau pun tidak jadi surau, hendak dibuat rumah kedai. Ini memang banyak berlaku.

Jadi, kerajaan mesti bertegas persoalan ini. Kalau dalam satu tempat pembangunan itu sudah dikhaskan untuk surau, dewan masyarakat, tempat rekreasi, tidak ada satu permohonan lagi boleh diluluskan melainkan untuk tujuan yang sedemikian.

Tempat itu mesti dibangunkan sebagai "pre-condition" dengan izin, untuk meluluskan di sini dikatakan Certificate of Fitness (CF), di Sarawak kata Occupation Permit (OP) boleh diluluskan, kalau tidak jangan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sebut juga soalan-soalan rekreasi ini. Kadang-kadang kita tidak melihat apa yang belia hendak, apa yang kanak-kanak hendak, jadi kita buat sesuka hati kita, "you want to plan according to what you want" tetapi "you don't plan for what the children wants", ini salah. Saya pernah membaca satu yang saya sebut dahulu, sekarang tidak usah sebut lagilah kerana sudah lama lagi cerita ini. Di satu universiti di Amerika, ia buat jalan sekeliling padang yang beautiful "green", dengan izin, jadi ia buat padang jalan hendak mengelilingi itu dengan harapan semua budak-budak universiti itu mengikut pavement sekeliling ini untuk berjalan kaki pergi ke asrama, pergi ke bilik darjah, pergi ke kedai dan sebagainya. Tetapi pelajar-pelajar itu masih ikut jalan ini sahaja. Ia beritahu, "jangan jalan atas "green", jangan jalan atas grass - bagi hukuman \$5.00 bila melangkah ke "green" ini. Masih pelajar-pelajar di universiti masih berjalan di situ. Jadi, tidak ada cara, sampailah seorang Profesor kata, "kita hendak bentukkan budak-budak ini ikut apa kita mahu, kenapa kita tidak ikut apa yang budak ini mahu?" Jadi, Profesor cadangkan buat jalan mengikut arah yang dipakai budak ini - dibuatlah track dengan pavementnya sendiri. Lepas itu tidak ada lagi orang jalan atas "green", ia terus semua ikut track inilah kerana ikut apa yang budak-budak ini hendak.

Jadi, macam itulah kehendak kita. Kalau kita hendak buat satu benda rekreasi umpamanya, kalau kita lihat di pekan, di pasar dan di mana-mana sahaja kita lihat budak-budak main roller skate, main skate board, macam-macam lagi permainan tetapi dataran arena di mana tempatnya. Budak-budak bermain supreme game, x-game dan sebagainya, arenanya di mana tempat?

Saya baru balik daripada Stockholm, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat di tengah-tengah bandar di Stockholm, tanah yang begitu mahal sekali diadakan satu padang rekreasi main x-game. Jadi, padang itu dikatakan serbaguna. Budak-budak pada petang hari - saya duduk di sana saya melihat beratus-ratus budak main. Ia tidak main atas jalan lagi, ia tidak main tempat lain, ia terus pergi ke sana. Bila saya bertanya dengan orang bandar itu kenapa tempat ini dibuat, kenapa tidak di tempat lain. Dia kata mula-mula budak-budak ini ramai, dahulu "green" katanya. Dahulu budak-budak ini suka main football - sepak "green" sini, jadi, ia biar "green". Selepas itu budak-budak berhenti main, ia gunakan roller skate dan sekarang ia gunakan scooter yang menggunakan dua kaki, yang banyak sekarang - scooter itu.

Jadi, kita tengok perubahan dalam pandangan budak-budak oleh kerana pengaruh TV dan pengaruh macam-macam lagi, Dia kata bandaraya itu mengubahsuaikan tempat itu, ia tukar menjadi arena untuk x-game. Sekarang semua orang main x-game. Pada suatu ketika nanti kalau orang tidak mahu main x-game lagi, orang main lain, akan ditukar oleh bandar raya itu mengikut kehendak anak-anak di sana. Jadi, barulah kita ada tarikan. Kalau kita tidak hendak dengar anak-anak berfikir, dia tidak berfikir beritahu dengan menteri, beritahu dengan gabenor atau siapa sahaja kita hendak buat macam ini, kita lihat what the children wants di bandar kita, di pekan kita dan di daerah kita. Ini yang kita buat untuk kemahuan mereka.

Jadi, kalau kita tidak dengar cerita ini, kita tidak dengar imbasan daripada mereka, mesej daripada mereka, mereka akan pergi ke tempat-tempat yang tidak sesuai, umpamanya pergilah main computer game dan sebagainya, gamblinglah semua sekali. Jadi, inilah sebab alternatif mereka hendak buat ini tidak ada tempat, orang tidak lihat apa kemahuan, rintihan hati nurani mereka tidak didengar - kita tidak memahami kanak-kanak.

Saya berharap ini mesti dilihat daripada segi apa yang dikehendaki. Kerajaan mesti sentiasa peka. Kita perlu berubah setiap masa. Jadi, pelaburan untuk memperbaiki

tempat kanak-kanak ini lebih bernilai daripada segi masa hadapannya, dipandang daripada apa yang kita hendak. Jangan kita pandu oleh kerana orang hendak jadi Sidek brothers pasang padang badminton. Tetapi kebanyakan orang tidak mahu oleh kerana mahal, shuttle cocks mahal, badmintonnya mahal, mungkin ia hendak main benda lain, ia hendak main gasing umpamanya. Kalau pekan itu main gasing, pasanglah tempat main gasing. Kita pegawai-pegawai kerajaan, siapa sahaja termasuklah Yang Berhormat tetapi dengan harapan kementerian boleh menyokong kalau ada secara demikian dibuat kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentuh undang-undang kerana undang-undang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi, Yang Berhormat daripada sini juga ada menyentuh soalan undang-undang - cukup baik, cukup bagus. Komen-komennya saya terima kasihlah semua nampaknya menyokong undang-undang ini kerana untuk kebaikan anak-anak kita pada masa hadapan tetapi yang penting sekali ibu bapa itu dahulu mesti manusia yang sempurna. Kalau dia boleh menjadi manusia yang sempurna barulah anaknya menjadi manusia yang sempurna - sistem pendidikan, sistem pentadbiran negara dan sebagainya itu tetapi yang lain itu janganlah diajar hendak menyumpah orang, serang orang, maki orang dan sebagainya - jangan diajar benda-benda yang tidak senonoh.

Tadi, kawan-kawan ada menyebut mengajar hal politik dan sebagainya, merusuh - ini culture bukan kita yang punya. Kalau hendak jadi politik biarlah kemudian ia pilih politiknya sendiri. Tetapi masa zaman kita, anak kita yang bawah 18 tahun, tolonglah! jangan ajar politik dahulu, biarlah dia menilai sendiri. Kadang-kadang anak-anak ini ia lebih cerdik menilai sendiri politiknya sendiri, tidak payahlah diajar macam guru-guru yang di sekolah ajar soalan-soalan yang antikerajaan, anti leaders kerajaan, pemimpin kerajaan dan sebagainya, yang ini adalah tidak betul dan tidak baik. Sebenarnya kita telah mengajar benda-benda yang salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Tumpat hendak penjelasan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Mohon penjelasan. Yang Berhormat bagi Batang Lupar menyebut tentang kes guru yang menghasut pelajar dengan soalan-soalan politik, boleh kita tahu apakah soalan dan apakah unsur politik yang ada dalam apa yang dilakukan oleh guru tersebut?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memang bersedihlah, Yang Berhormat. Jangan hendak ajar komputer, surat khabar pun tidak baca. Kalau tidak baca surat khabar jangan tanya sayalah.

Yang Berhormat sendiri patut faham. Saya di Sarawak jauh lagi pun baca surat khabar. Orang sini kena baca. Lain kali baca surat khabar tentang soalan yang keluar dalam surat khabar ini sebab saya harap semua orang sudah baca surat khabar. Saya tiap-tiap pagi Yang Berhormat, sekurang-kurangnya selepas Subuh satu jam saya baca surat khabar. Selepas itu buat sesuatu kerja. Jadi, jangan tanya saya perkara yang.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir amat tidak adil komen yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar itu. Saya bukan sahaja surat khabar saya sanggup baca, internet saya sanggup tengok, ucapan yang boring oleh Yang Berhormat lebih sejam saya sanggup tunggu untuk dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, saya tanya satu soalan pun untuk penjelasan ia tidak sanggup jawab. Ini saya fikir seorang yang tidak begitu berani terbuka dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tahu Yang Berhormat, cukup, cukup. Yang Berhormat hendak jawab, jawablah, dia tanya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa hendak jawab Yang Berhormat, semua orang tahu soalan dalam surat khabar itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak ada, diam.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terpapar dalam surat khabar ditanda kuning lagi mengatakan apa soalan-soalan yang dikeluarkan di sekolah itu. Jadi, ini memang benda yang tidak betul, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak sebut Yang Berhormat buat ini tadi, saya cakap siapa sahaja yang terlibat, yang ada anak, ibu bapa, jadi guru, pegawai kerajaan dan sebagainya*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan layan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tolonglah jangan bawa soalan anak-anak ini terlibat dalam soalan politik. Ajar mereka dalam segi agama, ajar dalam segi pendidikan. Kita sekarang di pertengahan jalan di mana letaknya kita pada masa hadapan. Tetapi sekarang kita hendak ajar anak kita yang baru 12 tahun, 10 tahun, 15 tahun, politik pula - membenci orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baik, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya berpandangan bahawa tuduhan terhadap guru berkenaan adalah tidak tepat, tidak adil dan salah. Jadi, sebab itu saya ingin tuduhan itu diulang di sini supaya saya dapat menjelaskan bagi pihak seorang guru yang saya pun tidak kenal dia tetapi saya fikir sudah dizalimi dan dianiayai oleh akhbar Barisan Nasional dan diulangi di sini oleh seorang Ahli Yang Berhormat. Saya amat sedih di atas ketidaksanggupan dan ketidakmampuan Yang Berhormat untuk mengulangi kes itu supaya dapat saya beri sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawab Yang Berhormat, jawab. Kalau tidak, tidak payah. Cakap lain.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat tidak kenal orang itu macam mana hendak menunjukkan yang jelas - penjelasan nanti. Jadi, Yang Berhormat tunggulah Kementerian Pendidikan - sebenarnya saya difahamkan telah membuat penyiasatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, kalau saya membuat penjelasan berlandaskan faktor yang keluar dalam surat khabar, Yang Berhormat sendiri sedia maklum yang telah diketahui umum - mungkin berlainan sedikit daripada pendapat pihak Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan nanti, jadi ini kurang tepat Yang Berhormat. Jadi, sebaiknya saya sebut perkara ini, perkara ini jangan dibuat. Jadi, kalau ia ada berlaku Yang Berhormat, saya kata jangan dibuat. Kalau tidak berlaku biarlah Jabatan atau Kementerian Pendidikan yang menetapkan atau beritahu kepada Dewan ini perkara ini tidak pernah berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya rasa cukup setakat ini sahaja, Yang Berhormat. Yang lainlah Yang Berhormat, cakap yang lainlah, cukuplah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, soalan kanak-kanak di sekolah umpamanya. Saya percaya pada masa sekarang anak-anak kita kalau anak-anak Islam diajar bersembahyang, diajar membaca Al-Quran dan sebagainya. Ini memang baik dan murni selaras dengan kehendak agama kita dan yang beragama bukan Islam itu akan diajarkan ilmu moral tetapi dalam Bahasa Malaysia. Yang Islam ini akan diajar sembahyang, diajar membaca Fatimah dan bermacam-macam lagi - membaca Al-Quran, mengaji dan sebagainya tetapi ini di dalam Bahasa Arab, orang kita tidak faham.

Kebanyakan pengajian ini adalah berlandaskan amalan begitu sahaja dan hikmah-hikmahnya tidak pernah dibuat penjelasan supaya murid-murid ini mengetahui sebenarnya apakah hikmah di sebalik amalan yang dibuat sebagai seorang Islam. Apakah kebaikan, apakah ajaran, apakah yang boleh dibuat dan tidak boleh dibuat. Tetapi yang sini satu diajar kepada anak-anak yang bukan Islam dalam bahasa yang difahami. Ini mencuri salah, buang sampahkan, jalan raya begitu salah dan sebagainya, jadi ini senang difaham.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat anak-anak kita orang Islam, orang Melayu banyak terlibat dengan masalah-masalah gejala ini, mereka tidak faham. Jadi, banyak lagi perkara-perkara yang kadang-kadang pendekatan kepada anak-anak ini, perkara yang kita perelaskan kepada mereka mesti difahami daripada segi moral, praktikal dan sebagainya. Kalau tidak, kita akan menghadapi masalah yang anak-anak ini mendapat pengajaran umpamanya ia pakai tudung ini. Ramai pakai tudung ini tetapi di hadapan ini ia pakai "plunging neckline", maknanya setengah. Yang depan ini nampak tetapi tudung juga. Tudung juga sini tetapi yang sini pakai macam ketat, pakai "skin tight"- tudung juga, tutup semua juga tetapi semua 'landscape' nampak semua sekali, kemudian pakai "leotard" dan sebagainya - keluar juga. Jadi, kadang-kadang kita sudah paradox kepada teaching - amalan kita itu kadang-kadang ia tidak sesuai, tidak difahami. Jadi, sebagai ibu bapa inilah tumpuan yang utama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Jeli berdiri.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Batang Lupar. Saya lihat Yang Berhormat Batang Lupar cukup prihatin dengan masalah kanak-kanak dan remaja yang berlaku di tanah air kita sekarang ini. Bersetujukah Yang Berhormat kalau sekiranya saya mengatakan bahawa pendedahan yang paling besar kepada kanak-kanak dan remaja ialah televisyen dan kita perhatikan bahawa program-program televisyen sampai kepada cerita kartun hanya, dengan izin, most of the characters is wearing similar to bikini. Tengok cerita-cerita kartun hatta cerita-cerita kartun sekalipun yang disiarkan pada petang hari. Bersetujukah Yang Berhormat bahawa untuk supaya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup Yang Berhormat, macam hendak bersyarah nampaknya [*Ketawa*], yang ditanya setuju atau tidak setuju TV yang bawa program kartun itu.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Bagaimana Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya program-program di TV itu sama ada semua saluran TV yang ada supaya difokuskan kepada pembinaan akhlak kanak-kanak dan remaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kadang-kadang jadi kerajaan Yang Berhormat, saya bukan Menteri. Menjadi kerajaan adalah balancing act, Yang Berhormat, amat susah sekali. Mungkin pemimpin daripada Kelantan dan Terengganu sudah merasa bagaimana susah hendak membuatkan balancing act ini - yang satu ini oleh kerana keadaan, yang satu ini oleh kerana kehendak yang perlu untuk membimbing masyarakat bukan belia sahaja, bukan anak-anak sahaja, masyarakat kita. Jadi di sebalik ini kita hendak maju macam negara Barat. Kita hendak terima produk-produk yang kita terima

daripada Barat, kita hendak terima apa benda saja yang kita hadapi sekarang in the name of modernization, dengan izin, dengan atas nama kemajuan, atas nama kemodenan, atas nama kecanggihan, atas nama apa saja, dengan keadaan yang sedemikian keluarlah kita dalam TV kita, dalam Astro kita, magazine kita, surat kita, bahasa kita, perangai kita, pakaian kita pun, semua atas nama mengikutkan arus kemodenan ini berlaku. Jadi sebagai benteng, Yang Berhormat, saya berbalik semula ialah ibu bapa mesti mengajar. Kalau televisyen dibeli di rumah, kalau kita tidak beli televisyen mungkin anak kita pergi seberang sebuah rumah lagi hendak tengok televisyen.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi kita sendiri sebagai ibu bapa, ada televisyen di rumah kita tahu berapa channel televisyen menunjukkan cerita-cerita kartun. Saya bersetuju Yang Berhormat cerita kartun ni. Saya sebelum Yang Berhormat datang sini saya 6, 7 tahun dulu saya sudah sebut, saya kata dalam cerita Wood Pecker, berapa ratus violence yang dibuat oleh Wood Pecker, dalam cerita Tom and Jerry berapa ratus violence in one single minute, Yang Berhormat. Saya sudah sebut semua benda ini dalam Dewan ini, fakta-fakta penyelidikan daripada bijak pandai di Barat ada menyebut, saya sebut benda ini di sini tetapi Yang Berhormat ini adalah satu kenyataan kerana ada orang mempunyai ketahanan diri, ada yang tidak mempunyai ketahanan diri. Jadi orang macam kita semua sebagai ibu bapa ini kita mesti belajar macam mana untuk mempertahankan anak kita ini oleh kerana laluan ombak yang begitu deras sekali untuk membawa mereka ke arus yang tidak sempurna, kita sebagai ibu bapa memberi sokongan, memberi bimbingan kepada anak-anak kita ini supaya tidak tercicir.

Saya percaya Yang Berhormat kalau kita mempunyai satu bimbingan yang baik di rumah kita, Insya-Allah, anak-anak kita tidak akan lari, tidak akan tercicir walaupun Wood Pecker begitu violence, walaupun Tom and Jerry begitu violence, walaupun kartun-kartun kita Yang Berhormat sebut tadi begitu jahat, kadang-kadang dia pun ada yang lucu dan sebagainya, menggunakan perkataan-perkataan yang back street, di Chicago dan New York dan sebagainya. Anak-anak kita tidak akan mengikut kalau kita tiap kali dia buka mulut cakap macam itu kita kata salah ni. Anak-anak saya tidak pernah guna perkataan 'boss' tetapi dalam TV menunjukkan TV Malaysia orang Melayu bercakap, 'ini my boss'. Bapak dia cakap boss suruh bakar lemak di luar, musim hari raya. Boss dia suruh, mesti kena ikut kata dia. Saya kata tidak boleh ini, perkataan 'boss' ini gengster punya perkataan tetapi masih ada juga orang pangkat besar pun panggil orang dia boss. Ha, ini tidak boleh Yang Berhormat. Ini asal sejarah boss, saya sudah selidik. Date back to 1900 orang gunakan 'boss' di Amerika sampai abad Mafia tahun 25, 26 sampai ke tahun 50 dan lepas itu perkataan 'boss' ini sudah hilang di Amerika tetapi kita baru mula hendak guna perkataan 'boss'.

Jadi Yang Berhormat memang banyak pengaruh daripada televisyen ini boleh mempengaruhi anak-anak kita bahkan minda orang tua menggunakan perkataan Mr. Rocky dengan Mr. Tatoo dalam cerita *Fantasy Island*, boss-boss sana sini. Sebenarnya boss ini ialah gengster iaitu penipu, kita ikut juga, tidak faham. Jadi Yang Berhormat kalau saya hendak bercakap panjang Datuk sudah tunggu, minta maaflah Datuk, saya minta maaf....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okay boss! [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, ini apa 'okay boss'!. [Ketawa] Jadi saya minta maaf Datuk saya cakap ada lebih sikit. Jadi Yang Berhormat kalau ada [Disampuk] teruskan? Datuk hendak cakap. Jadi Datuk, persoalannya kita kena lihat soalan belia, soalan kanak-kanak ini kita mesti melihat secara total bahkan di Amerika sekarang sudah ada pergerakan-pergerakan ke arah itu. Saya minta maaf kerana hendak menyebut Europe. Pihak Eropah telah melihat masalah jenayah berlaku di Eropah semenjak tahun 1995 dan rancangan telah diwujudkan iaitu digelar Rancangan Lima Tahun di negara

Eropah Bersatu anggapan mereka semenjak tahun 1995 dan berakhir tahun 2000 dan perancangan yang kedua akan dilakukan, dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah belia, masalah kanak-kanak, pendidikan, mobilisation dan semua lagi, banyak lagi cerita.

Jadi ini bukan forum untuk saya bercakap cerita ini, saya akan bincang dalam forum-forum di masa-masa yang lain mengenai soalan ini. Maknanya Eropah telah melihat masalah berlaku di kalangan mereka. Saya baru balik daripada Warsaw dan saya lihat belia di Warsaw adalah belia-belia yang begitu baik sekali, terlibat banyak dalam persatuan-persatuan, terlibat banyak dalam badan-badan amal, orang kata disiplin masa komunis masih dijalankan tetapi soalan jenayah, soalan itu menurun di negara. Sebenarnya *pronunciationnya* Datuk bukan 'Wasore', tetapi 'Warsaw' (Warsaw), salah kalau sebut 'Wasore'. Jadi saya diajar oleh Presiden Poland macam mana pronounce perkataan itu. [Tepuk] Ya, saya berjumpa dengan Presiden Poland sebelum dia pilihan raya ni. Jadi saya melihat, saya pergi ke negara-negara ini belajar macam mana mereka mengatasi satu-satu masalah umpamanya masalah pendidikan yang berlaku pada masa sekarang, masalah belia mereka oleh kerana cross border problem dan sebagainya. Jadi macam mana negara yang begitu baik sekali keadaan dia, macam negara Sweden di North Countries, Sweden, Denmark dan sebagainya di mana belia-belia amat berdisiplin dan dibimbing dengan baik. Mereka dibawa melihat, pergi ke Poland melihat macam mana tempat jail dibuat oleh Gestapo dan sebagainya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Datuk Speaker dan Yang Berhormat Batang Lupar. Saya tertarik dengan saranan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Batang Lupar ini. Dalam perjalanan yang jauh ini ke Stockholm, Warsaw jumpa Presiden Poland ini, saya hendak tanya Yang Berhormat ini kalau bandingkan kanak-kanak dekat sana dengan Norbic ini dengan anak-anak di Malaysia terutama di Sarawak ini mana yang lebih baik?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Anak di Sarawak lebih baik, Yang Berhormat. Orang di Malaysia lebih baik daripada orang di sana. Masalahnya satu, kita tidak boleh menilai keadaan orang dengan nilai kita. Kalau kita lihat umpamanya masa 26 Ogos di negara Eastern Europe mengalami heat wave, panas, jadi orang di sana berbogel tiada masalah kerana di bawah nilai mereka ini adalah tidak menjadi satu kesalahan tetapi kalau di sini berlaku perkara yang sama memang dianggap satu perkara yang menjolok mata bahkan boleh ditangkap masuk ke dalam jail oleh kerana berbogel di khalayak ramai. Tetapi di sana nilai mereka berlainan tetapi anggapan mereka mengikut nilai mereka apa yang berlaku di negara mereka walaupun berbogel, walaupun dia macam ini, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau negara kita lebih baik, mengapa hendak melibatkan negara-negara yang Yang Berhormat sebutkan tadi tu? [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul, betul Datuk, betul kerana mereka melihat dalam keadaan kalau kita lihat Datuk masalah kita macam mana mereka mengatasi masalah mereka tetapi model untuk to reach the level of the value sampai ke peringkat value yang tinggi di dalam masyarakat mereka, dia gunakan satu cara dan cara ini boleh diapply, Datuk. Kalau kita melihat, kalau kita pergi ke luar negara Datuk, jangan lihat kiri, lihat kanan, kita lihat seluruh dunia mana yang baik itu kita ambil. Jadi kita pergi itu jangan pergi tengok begitu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat selalu pergi ke London, macam mana London? [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, banyak cerita. Saya pergi London bulan Mei, Datuk, tahun ni tahun 2000. Dua belas hari di London. Masa saya bersekolah di London dulu, London is one of the safest city in the world. Tetapi pada masa sekarang, London mengikut gaduh di antara TV Amerika dan England, dikatakan London is the most dangerous place in the world. New York is safer, kata TV Amerika. Tetapi kalau orang England kata tidak boleh kata, forward lah. TV London mengata orang New York itu tidak tahu. Kalau lihat Chicago, New York, Washington kata dia tidak boleh tempat hidup. Ini tempat dalam cerita "Escape from New York". Jadi itu melihat perspektif masing-masing sebenarnya, Datuk. Orang London kata London ini baik walaupun banyak bom dan sebagainya. Banyak pengeboman, banyak pembunuhan, banyak 'mygging'. Kalau Datuk masuk dalam *tube station* sekarang muka Datuk dengan muka saya tidak boleh masuk *tube station*, pergi Baker Street, banyak *skin head*, bahaya, masa Datuk pergi dulu baik selamat, tetapi sekarang sudah teruk. Tetapi dalam perspektif mereka, orang putih di England, dia kata this is okay, this is good kerana *skin head* tidak ganggu dia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah sangat jauh daripada akta. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi saya sebenar bukan hendak berhujah tadi, Datuk yang ajukan soalan, jadi saya jawab Datuk punya soalan, jadi sekarang saya sudah hendak menghabis.

Dengan perkataan yang sedemikian, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian dan tahniah atas undang-undang ini dan saya berharap pihak-pihak yang terlibat dalam undang-undang ini akan melaksanakan tugas-tugas mereka dengan sempurna dan jangan anak-anak yang menghadapi jenayah yang melakukan kesalahan-kesalahan kecil ini nanti ditukar menjadi penjenayah yang besar pada masa akan datang. Bimbingan mestilah dibuat bukan untuk menghukum anak-anak yang membuat kesalahan. Pengajaran mestilah diberi bukan untuk membuat anak-anak ini menjadi penjenayah pada masa yang akan datang. Kalau inilah berlaku, rugilah kita, gagallah undang-undang ini. Dengan ini juga saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, lapang saya saudara sudah berhenti. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Yang Berhormat, apa dia?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tak ada, lapang hati sudah berhenti. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000. Saya juga ucap tahniah dan penghargaan kepada kerajaan dan kementerian yang telah pun membawa satu rang undang-undang untuk menjamin masa depan anak-anak kita yang mana rang undang-undang ini banyak memberikan faedah dan perlindungan kepada anak-anak kita. Dalam negara sekarang ini manusia tidak kurang, manusia semakin bertambah, orang yang berkahwin bertambah, yang melahirkan anak bertambah, tidak kurang, tidak boleh hendak disekat, maka sudah tentulah masalah-masalah berkaitan dengan kanak-kanak akan timbul Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja dalam membahaskan rang undang-undang ini supaya ia dapat betul-betul berjalan lancar dan baik serta sempurna. Berhubung dengan fasal 2, cerai 11 kuasa mengadili mahkamah bagi kanak-kanak diberikan kepada majistret yang dahulunya diberi kepada hakim Mahkamah Sesyen yang difahamkan hakim Mahkamah Sesyen tidak dapat menjalankan tugas dengan agak kerap kali kerana terlibat dalam kes-kes yang lain. Jadi pihak kementerian telah meminda perbicaraan itu

dikendalikan oleh seorang majistret. Dalam Hal ini juga saya ingin juga memberi ingatan kepada kerajaan, jangan masalah penukaran kepada majistret ini pun akan timbul juga perbicaraan tidak dapat dijalankan dengan baik, kerana walaupun begitu – sudah kerat jalan seberapa segera untuk menyelesaikan kes-kes mahkamah, kerana majistret ini juga terlibat juga dengan kes-kes yang lain yang juga berkurangan. Jadi supaya pindaan ini menjamin supaya banyak kes yang tidak dapat dijalankan tetapi dengan ada pindaan ini kepada majistret saya harap perkara ini dapat pihak kementerian cuba berunding dengan pihak pendaftar mahkamah supaya dikhususkan perbicaraan ini, kalau barangkali seminggu dua, tiga kali kes kanak-kanak ini dapat dibicarakan.

Kalau tidak maknanya sama seperti dahulu kalau tidak ada tindakan yang diambil berhubung dengan perbicaraan. Dahulu ada juga pindaan, dahulu Mahkamah Juvana kita tahu memang dahulu pun memakan masa yang lama, tetapi dalam hal ini saya hendak menyentuh sedikit dengan pelantikan dua orang yang sebagai penasihat kepada mahkamah yang tersebut supaya kedua-dua orang yang dilantik salah seorangnya wanita dapat dipilih daripada mereka yang mempunyai pengalaman yang luas dan kalau boleh mempunyai kefahaman sedikit mengenai undang-undang supaya mereka sebagai penasihat ini bila berhadapan dengan majistret jadi kedudukannya agak seimbang. Kalau tidak majistret dengan cara dia, cuma dia dengar nasihat tetapi hukum, keputusan muktamad kepada majistret atau hakim yang berkenaan.

Jadi, saya harap dengan ada dua pelantikan ini dapat kementerian memilih mereka yang mempunyai bidang yang tertentu yang mempunyai pengalaman terutama dalam bidang undang-undang. Kalau boleh peguam yang dengan sukarela boleh duduk dalam penasihat yang dicatatkan dalam perlembagaan itu. Jadi, saya harap supaya perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, berhubung dengan kesalahan kepada mereka yang melakukan kesalahan untuk diambil tindakan kepada rakyat Malaysia. Saya tidak tahu macam mana - minta untuk mendapat penjelasan sedikit kalau perbicaraan dilakukan kepada kanak-kanak yang bukan warganegara. Bila mereka ini diputuskan oleh majistret, adakah kanak-kanak yang bukan warganegara ini dipelihara macam mana.

Saya kurang jelas ada tidak dalam undang-undang ini. Katakanlah ada kanak-kanak yang luar nikah oleh bukan warganegara Malaysia ataupun yang teraniaya, macam mana hendak buat, sama ada di bawah tanggungan kebajikan ataupun dibicarakan seperti warganegara Malaysia. Jadi, perkara ini pun saya ingat kementerian kena lihat supaya tidak mendatangkan masalah sekiranya ada perkara yang berlaku itu tidak melibatkan warganegara Malaysia. Yang ketiga, hukuman. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berhubung dengan denda, ini okaylah. Denda ditambah tidak lebih daripada RM5,000 pada Seksyen 43(1) itu atau 30 tahun penjara tidak lebih 15 tahun termasuk kesalahan kedua dengan sebat dan tidak lebih 10 tahun ataupun 6 sebatan di bawah perenggan 1(i) dan (j). Hukuman ini tertakluk kepada mahkamah, mengikut hukuman dengan kesalahan yang dilakukannya. Tadi Yang Berhormat bagi Kelang ada mencadangkan supaya kalau boleh dipamerkan gambar-gambar mereka sama ada di akhbar yang membuat kesalahan kerana perkara ini amat serius untuk menjamin keselamatan kanak-kanak. Jadi, kalau boleh ini kita tambahkan lagi. Selain daripada itu, kita buat macam ada di negara lain orang buat kesalahan membuang sampah bukan-bukan selain didenda diperintahkan suruh menyapu di stesen-stesen bas dan juga di stesen-stesen kereta sewa. Kalau serius biarlah dengan denda, denda juga dan kita tambah lagi supaya betul-betul mereka ini takut untuk melakukan perbuatan yang demikian. Biar letak sekali nama di belakang, di tempat orang ramai itu jadi orang dapat lihat. Jadi sebelum dia hendak melakukannya dia kena fikir dua kali hendak buat. Jadi, ini sebagai pandangan saya sahajalah sebab undang-undang, kadang-kadang orang lebih malu kalau bicara selepas itu masuk jel senyap. Tetapi kalau diarak dekat bandar agak berasa malu, baik lelaki atau

perempuan. Jadi saya memberi pandangan supaya perkara ini juga diberi perhatian sebagai untuk mengelakkan daripada perkara yang berleluasa lagi.

Dan akhirnya, saya tidak ada apalah hendak diucapkan Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah kata tadi saya cuma ambil masa yang sedikit, lebih panjang daripada Ahli Parlimen Permatang Pauh tadi. Jadi, saya ucapkan sebanyak terima kasih dan lain kali kalau saya berucap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, beri peluang kepada saya dahulu kerana saya tidak pernah berucap lebih panjang seperti Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kapar.

4.50 ptg.

Puan P. Komala Devi [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Ini adalah satu rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda dan juga menyatukan tiga undang-undang yang sedia ada, iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991. Cuma saya ada beberapa fasal yang tidak begitu jelas. So saya juga meminta penjelasan serta memberi pendapat saya. Saya merujuk kepada Bahagian IV Akta Kanak-kanak 2000 iaitu Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Fasal 11(1)(b) tidak berapa jelas.

Katalah ibu bapa-ibu bapa berkenaan telah bercerai ataupun *legally separated*, dengan izin, dan salah seorang ibu bapa yang telah mendapati permintaan *custody* penjagaan kanak-kanak yang berkenaan dan sekiranya ibu bapa yang mempunyai penjagaan disyaki menganiayai kanak-kanak berkenaan, bolehkah ataupun adakah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mempunyai hak untuk menarik balik perintah penjagaan ataupun mempunyai hak untuk meminda perintah *custody* yang telah diberi oleh Mahkamah Tinggi. Jadi, soalan saya bolehkah Lower Court mempunyai kuasa untuk meminda atau mengubah satu perintah yang diberi oleh mahkamah yang lebih tinggi iaitu High Court.

Lagi satu fasal 11(2) menyebut bahawa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada seorang majistret dan dibantu oleh dua orang penasihat. Saya berpendapat bahawa kes kanak-kanak lebih baik didengar oleh *Session Court judge* ataupun hakim Mahkamah Sesyen, dan kalau saya tidak silap perkara ini telah diperuntukkan dalam versi awal Akta Kanak-kanak 2000. *This was provided for, if I am not mistaken, in the earlier version of this act* iaitu kes kanak-kanak didengar oleh hakim Mahkamah Sesyen yang mempunyai pengalaman yang lebih luas dan lebih mendalam berbanding dengan majistret.

Jadi saya minta penjelasan mengenai asas ataupun rasional menukarkan *presiding judge* daripada *Session Court's Judge* ke majistret. Isu yang ketiga menyentuh fasal 11(2) dan (3) iaitu Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dibantu oleh dua orang penasihat. Akta tersebut tidak memberi apa-apa panduan mengenai pelantikan penasihat-penasihat tersebut melainkan menyebut salah seorang daripada penasihat tersebut hendaklah seorang wanita dan kedua-dua penasihat hendaklah bermastautin di negeri itu.

Jadi, banyak aduan telah diterima daripada orang ramai dan pihak awam iaitu penasihat yang dilantik kadangkala tidak sesuai menjadi penasihat dari segi pengalaman ataupun *qualification*. Jadi, saya bercadang bahawa akta ini memberi tumpuan kepada isu ini. Saya berpendapat bahawa penasihat-penasihat yang dilantik mesti mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran terhadap isu-isu berkaitan dengan kebajikan, pembangunan dan pendidikan kanak-kanak. Kalau boleh, latihan mesti diberi kepada penasihat-penasihat yang dilantik.

Satu lagi fasal yang saya ingin sentuh adalah fasal 43(1)(f) dan (g) iaitu berkenaan dengan penahanan seorang kanak-kanak di dalam sesuatu rumah pelacuran. Ada satu phrase di sana "penahanan yang bertentangan dengan kemahuan kanak-kanak itu." Jadi, saya bercadang bahawa isu kemahuan kanak-kanak itu adalah tidak relevan dan oleh yang demikian dipotong dari Fasal 41(f) dan (g). *"The issue of the child's consent should not arise, and therefore is irrelevant, dengan izin, and therefore it is proposed that the words "against the child's will" be deleted.*

Saya ingin juga menyentuh Perenggan Fasal 43(1) subseksyen (aa) dan (bb) di mana proviso telah dibuat untuk denda sebanyak RM50,000. Saya berpendapat bahawa proviso untuk denda ini tidaklah selaras dengan *gravity of the offence* yang berkenaan dan kalau boleh kita tidak memberi peluang untuk denda dan hanya memberi denda dari segi penjara.

Akhirnya, saya menyentuh Fasal 86 subseksyen (2) seperti mana telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Batang Lular tadi iaitu penahanan kanak-kanak di balai polis atau bilik kurungan polis atau *lock-up* polis. Walaupun berasingan, saya fikir tidaklah satu amalan yang baik. Jadi, saya bercadang bahawa kita ada tempat-tempat yang khas untuk kanak-kanak yang ditahan, sebab kita tidak mahu mereka ditahan dalam satu suasana yang mungkin akan menakutkan kanak-kanak tersebut. Dengan itu saya mohon menyokong Akta Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

4.57 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mengambil peluang ini untuk mengemukakan dua soalan. Soalan pertama, berlakunya satu peristiwa di kawasan saya bahawa seorang gadis yang berumur 14 tahun. Dia telah berkawan dengan seorang lelaki dewasa. Selepas itu mereka ada melakukan hubungan seks dan keluarga perempuan ini telah membuat satu laporan polis. Selepas itu lelaki dewasa yang belum berkahwin ini sudah ditangkap oleh polis dan didakwa dalam mahkamah dan kes ini belum lagi dibicara dalam mahkamah. Tetapi setakat ini keluarga perempuan ini ada niat hendak membenarkan perempuan ini berkahwin dengan lelaki dewasa ini. Jadi, mereka telah pergi membuat pertanyaan di Jabatan Pendaftaran Negara dan mereka tidak membenarkan.

Saya ada mendengar bahawa jikalau gadis bawah umur hendak berkahwin mereka perlu mendapat persetujuan daripada ibu bapa. Sekiranya ibu bapa mereka telah bersetuju bolehkah mereka berkahwin. Saya berpendapat jikalau pihak kerajaan tidak membenarkan mereka berkahwin dan terus menghukum lelaki dewasa ini apa faedah perempuan ini akan dapat. Kalau dia dipenjara empat tahun atau lima tahun, perempuan ini dia memang cinta dengan lelaki ini. Jadi saya berharap akan dapat satu jawapan dari pihak kerajaan bagaimana hendak menyelesaikan perkara ini.

Yang kedua, terdapat gadis-gadis bawah umur 18 tahun mereka pergi beramai-ramai, pergi ke karaoke atau pergi ke coffee shop untuk meraikan hari jadi mereka *birthday party* misalannya. Selepas itu mereka ditangkap oleh pihak polis. Kemudian pihak polis menyerahkan mereka kepada Kebajikan Masyarakat dan pegawai kebajikan masyarakat terus menghantar mereka ke Batu Gajah di Perak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya fikir ini sudah pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya saya tanya di sini sebab kami di Pulau Pinang kalau hantar gadis yang masih bersekolah atau yang mereka ada kerja misalannya kerja di kilang atau kerja di supermarket dan ibu bapa mereka tampil ke hadapan hendak menjamin atau menuntut balik gadis..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Nanti saya belum habis lagi.

Tuan Moktar bin Radin: Soalan.

Tuan Lim Hock Seng: Saya belum habis lagi.

Tuan Moktar bin Radin: Saya mahu tanya sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti, nanti. Dia belum habis. Sabar Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Saya belum habis lagi. Saya mahu tanya kepada kerajaan, bukan kamu yang boleh jawab.

Tuan Moktar bin Radin: Saya mahu tanya Yang Berhormat punya soalan.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak payah. Tidak payah. Nanti, nanti, nanti. Jangan ganggu dahulu.

Tuan Moktar bin Radin: Bila, habis ini.

Tuan Lim Hock Seng: Iyalah. Nantilah.

Tuan Moktar bin Radin: Okay.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi mereka ini bukan selalu pergi karaoke, bukan selalu pergi ke tempat-tempat hiburan. Dan ibu bapa mereka sudah tampil ke hadapan kata anak gadis mereka ini dia tidak ada salah laku dia memang seorang gadis yang baik, masih bersekolah atau mereka kerja di *supermarket* kah atau bekerja di mana-mana tempat. Jadi kalau mereka sengaja ditangkap, serah kepada kebajikan masyarakat, dan terus dihantar ke tempat perlindungan jauh dari negeri Pulau Pinang. Ini tidak munasabah. Jadi bolehkah kerajaan memberi satu jawapan yang munasabah, jikalau ada kes-kes seperti ini macam mana hendak menyelesaikan perkara ini. Cuma dua soalan sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yan.

5.02 ptg.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun ataupun awal 1995 Malaysia telah menandatangani UN Convention on Right of Child dengan mengadakan 12 *reservations*, 12 bahagian tidak dipersetujui. Yakni *Article 1* dengan izin, yang berkaitan dengan *definition*. *Article 2: Non-discrimination*. *Article 7: Name and Nationality*. *Article 13: Freedom of Expression*. *Article 14: Freedom of Thought, Conscience and Religion*. *Article 15: Freedom of Association*. *Article 28(1) (a): Free and Compulsory Education at Primary Level*, dan *Article 37: Torture and the Privation of Liberty*.

Saya ingin mengulas kenyataan menteri yang menyebut bahawa Akta Kanak-kanak 2000 ini dikatakan selaras dengan Convention on Right of Children. Seperti mana yang telah ditandatangani oleh Malaysia. Bagus, sebab akta yang dibawa ini nampaknya cuba diselaraskan dengan undang-undang antarabangsa. Tetapi ada banyak bahagian di dalam konvensyen itu yang tidak bersesuaian dengan kita yang saya faham kenapa 14 ataupun 12 daripada isi UN Convention on Right of Children itu tidak ditandatangani oleh Malaysia.

Cuma dalam membahaskan Akta Kanak-kanak 2000 ini ingin saya memberikan beberapa pandangan terhadap beberapa perkara yang telah diperuntukkan antaranya adalah di mana akta ini telah mengehendkan umur kanak-kanak sebagai 18 tahun. Di dalam Islam

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak dibenarkan membuat pilihan contohnya dalam kes-kes *hadanah*. Jika anak telah mumaiyiz dia boleh untuk memilih untuk tinggal dengan ibu ataupun bapa. Dan mumaiyiz ada cara untuk menentukannya dan tidak bergantung kepada umur. Sedangkan undang-undang kita yang berlandaskan undang-undang Inggeris ini melihat kepada umur untuk menentukan keupayaan iaitu 18 tahun. Kalaulah kita hendak sangat juga mengikut umur, undang-undang lain pula yang ada dalam negara kita tidak selaras juga. Contohnya umur dalam Guardianship of Infants Act. Sekarang 18 bagi Islam dan 21 bagi bukan Islam. Keupayaan untuk mengundi contohnya 21 tahun. Sedangkan Akta Umur Dewasa 1971, 18 tahun. Undang-undang Pembaharuan, Penceraian dan Perkahwinan 1976, *parental consent* untuk berkahwin untuk bukan Islam ialah 21 tahun. Iaitu kalau mereka berumur bawah 21 tahun perlu meminta kebenaran ibu bapa untuk berkahwin. Kenapa berbeza-beza dan seperti ada diskriminasi terhadap anak-anak bukan Islam.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah tentang keanggotaan majlis dalam Artikel 4 atau Perkara 4. 21 orang disenaraikan sebagai anggota Majlis di mana 17 adalah wakil kementerian-kementerian, seorang setiausaha dan tujuh orang perseorangan. Kuorumnya adalah tujuh orang. Saya merasakan adalah lebih baik jika majlis itu dianggotai oleh individu-individu yang berkecuali dan berminat mengenai isu kanak-kanak dan memberi sumbangan dan yang prihatin kepada isu kanak-kanak dan bukan sahaja sekadar pegawai kerajaan yang dipaksa pergi mesyuarat dan tidak dapat memberikan sumbangan kepada Majlis. Keputusan Majlis atau tindakan yang perlu diambil hendaklah dihantar kepada kementerian berkenaan untuk tindakan mereka.

Saya merasakan tidak perlu ada wakil kementerian tetapi pengerusi Majlis mesti mempunyai kuasa yang cukup untuk merangkaikan tindakan kepada kementerian-kementerian yang terlibat. Pengurangan guna tenaga dan lebih bersifat *decentralized* dan lebih efisien. Wakil kementerian biasanya bila ke mesyuarat mungkin selalu akan dapat atau selalu akan hanya dapat mampu mengatakan bahawa saya adalah wakil dan saya perlu *check* dengan bos dahulu. Akhirnya asyik *check* dan beberapa kali mesyuarat, urusan tidak selesai. Saya merasakan mesti ada konsep *delegation of powers*, kerana perlindungan kepada kanak-kanak selama ini banyak bergantung kepada NGO-NGO maka wajarlah mereka diajak berunding untuk menyelaraskan polisi perlindungan terhadap kanak-kanak.

Seperkara lagi merujuk kepada Perkara 24 di mana jika sepatutnya jika pelindung telah dilantik maka dia sepatutnya mempunyai kuasa penuh terhadap kanak-kanak itu. Jika tidak, nampak seperti cuba melengah-lengahkan tindakan. Pelindung dilantik bagi kanak-kanak kerana kanak-kanak itu perlukan perlindungan iaitu ibu bapa atau orang yang bertanggungjawab tidak lagi boleh dipercayai. Persoalannya, seperti mana yang termaktub dalam akta ini kenapa dalam situasi begini masih memerlukan ibu bapa untuk memberikan keizinan. *Conflic of interest* berlaku di sini. Di mana sebenarnya jika kanak-kanak itu telah berumur 14 tahun atau pada tahap umur yang faham dan boleh berfikir untuk dirinya dia boleh memberi kebenaran sendiri. Jika dia terlalu kecil, pelindung memberi kebenaran. Pelindung mesti diberi *immunity* dari tindakan-tindakan undang-undang kecuai dalam menjalankan tugasnya dia cuai dan berniat jahat. Kanak-kanak telah ada di bawah Seksyen 26 Rang Undang-undang ini seperti mana yang telah diutarakan.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah tentang tempat selamat dan tempat perlindungan. Perbezaan perlu jelas. Satu tempat memberi perlindungan kepada kanak-kanak kerana mereka didera, tercedera, diabai dan sebagainya. Satu lagi kanak-kanak ini atas sebab-sebab tertentu melakukan jenayah atau kesalahan. Saya merasakan adalah perlu ada pemisahan di antara kanak-kanak malang dengan kanak-kanak yang perlukan perhatian orang lain. Jika dicampurkan, yang lemah akan menjadi mangsa kanak-kanak nakal yang juga memerlukan perlindungan, perhatian dan pengajaran. Konsep penubuhan institusi-institusi ini mestilah berkonsepkan keikhlasan membantu kanak-kanak ini membina semula

hidupnya bukan sebuah 'sekolah tentera'. Lebih tumpuan hendaklah diberikan kepada pendidikan psikologi dan juga memahami masalah bukan berbentuk stigma panggilan-panggilan seperti sekolah budak jahat. Kenapa tidak diambil konsep *foster* kanak-kanak tersebut.

Di sesetengah negara Barat contohnya kanak-kanak malang yang didera diletakkan di bawah jagaan keluarga yang secara sukarela menjadi ibu bapa sementara kepada kanak-kanak tersebut. Mereka bertanggungjawab terhadap kanak-kanak. Kanak-kanak itu tinggal dengannya seperti anaknya sendiri. Kanak-kanak yang nakal dan melakukan kesalahan kecil juga boleh dibantu dengan tidak meletakkan mereka di institusi-institusi seperti ini tetapi diletakkan dengan keluarga yang boleh dipercayai. Ini bukan sahaja dapat menyelamatkan kos tetapi melahirkan masyarakat penyayang seperti mana yang dianjurkan oleh Islam itu sendiri. *Remand Center* ada di dalam undang-undang tersebut *The Sun*, 19 September 2000 ada menyebut tentang terlalu ramai juvenil dalam penjara yang menyebabkan menteri terpaksa mengambil tindakan. Menurut menteri, kerajaan sedang membina *Remand Center*. Kenapa panggil *Remand Center*? Kenapa tidak kita panggil dengan nama lain sebab *remand* itu pada pandangan saya adalah terlalu *derogative* dan negatif sifatnya.

Sepatutnya kerajaan boleh membina tempat-tempat atau institusi-institusi di mana para belia kita boleh menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang lebih berfaedah. *One stop center* yang berfungsi sebagai tempat beriadah, bertemu dan bertukar fikiran dan bergembira secara yang dibenarkan oleh hukum. Misalnya dalam *one stop center* ini ada kolam renang, ada tempat main badminton, skuasy, tempat *speakers' corner*, perpustakaan, tempat beribadat dan sebagainya yang *membership* nya dengan izin, terbuka kepada semua belia.

Ia juga mungkin ada asrama kepada yang lari dari rumah yang boleh dijadikan tempat perlindungan sementara, yang boleh dilaksanakan dengan teratur beserta dengan tempat beribadatnya sekali. *Rehabilitation centre* yang ada sekarang ini, Sekolah Henry Gurney kita ingin bertanya berapa peratus yang masuk itu keluar dan masuk semula dan mungkin melakukan perkara-perkara yang lebih teruk lagi. Kalau gagal kita perlu sedarkan diri kita di mana kesilapan kita terhadap institusi-institusi yang telah kita tubuhkan.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja beberapa cadangan saya sebagai menyokong kepada Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat.

5.11 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak bercadang untuk bercakap panjang tetapi oleh kerana kita melihat bahawa Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini adalah suatu rang undang-undang yang penting dan saya telah sempat mendengar ucapan daripada ramai Ahli Yang Berhormat dan mereka telah mengemukakan pandangan dan teguran yang amat baik.

Saya mendengar ucapan-ucapan boleh dikatakan semua wakil rakyat tadi yang berucap atas rang undang-undang ini dan merasakan pandangan-pandangan yang mereka keluarkan itu perlu diambil kira oleh pihak kementerian apabila menggulung perbahasan ini nanti.

Saya juga mendengar pandangan dan ucapan daripada sahabat saya Yang Berhormat dari Batang Lupar yang berucap panjang yang saya fikir menyentuh satu perkara sahaja yang pokoknya iaitu betapa pentingnya peranan ibu dan bapa dalam menjaga dan menjadikan anak-anak ini lebih baik dan tidak menjadi masalah.

Saya bersetuju dengan pandangan beliau malah saya ingin menambah bahawa kadang-kadang kanak-kanak ini menjadi masalah kerana ibu atau bapa itu bercakap terlalu banyak atau terlalu panjang. Jadi, anak-anak naik bosan dengan percakapan ibu atau bapa yang terlalu panjang itu dan menjadikan kanak-kanak itu, kanak-kanak yang bermasalah apabila mereka besar ataupun meninggalkan rumah kerana bosan dengan ibu atau bapa yang bercakap terlalu panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk merujuk kepada suatu makalah yang saya baca dalam majalah *Business Week* keluaran 16 Oktober 2000 yang bertajuk dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *Does Money Buy Happiness* atau 'Adakah Wang Boleh Membeli Kebahagiaan'. Di dalam makalah yang ringkas ini dinyatakan bahawa dalam kajian oleh pakar-pakar ilmu sosial, di Amerika Syarikat walaupun didapati bahawa Amerika Syarikat dari segi ekonominya telah berkembang begitu pesat, disebutkan di sini kenaikan kadar pendapatan rakyat meningkat 75% in real term semenjak tahun 1970, maka ditanya dan dikaji di kalangan rakyat Amerika dengan kenaikan kadar pendapatan yang berjumlah 75% ini, apakah pula kadar kebahagiaan rakyat Amerika Syarikat.

Amat memeranjatkan kajian ini yang dibuat oleh David Lurch Flower dan Andrew Oswald dalam kajian oleh National Bureau of Economic Research mendapati bahawa trend kebahagiaan rakyat Amerika Syarikat adalah sebaliknya. Maksudnya mereka bukan bertambah bahagia 75% malah kurang kebahagiaan mereka sekitar mengikut laporan ini 3% atau 4%.

Ini kata mereka adalah suatu penemuan yang amat mengejutkan. Bukti yang mereka dapati ialah kalau dalam tahun 1972 - 34% rakyat Amerika Syarikat yang ditemuduga mengatakan bahawa mereka dalam keadaan bahagia, dalam tahun 1998 hanya 30% mengatakan mereka dalam keadaan bahagia. Bermakna penurunan kebahagiaan yang jelas bertentangan dengan peningkatan pendapatan yang begitu menakjubkan yang dialami oleh negara seperti Amerika Syarikat.

Dan satu lagi penemuan dalam kajian mereka ini ialah punca ataupun kumpulan yang paling kurang bahagia ialah wanita dan keduanya ialah kanak-kanak daripada keluarga yang telah berpecah. Wanita yang kurang bahagia mengikut kajian ini ialah mereka yang bercerai atau kematian suami dan kanak-kanak yang mengalami masalah kebahagiaan ini ialah punca daripada perpecahan di kalangan ibu dan bapa mereka.

Jadi, saya ingin menekankan di sini sebagai mukadimahnya betapa perlunya kita membuat kajian seperti ini untuk mengetahui dan untuk memberi penjelasan kepada diri kita sebagai orang-orang yang membuat undang-undang di Dewan yang mulia ini, betapa pentingnya kita menyedari bahawa penumpuan terhadap pencapaian kenaikan kebendaan, pendapatan dan sebagainya tidak dapat menjadikan dan mewujudkan masyarakat dan warga negara kita yang bahagia dan contoh di Amerika Syarikat itu jelas menjadi bukti kepada keadaan yang berlaku ini.

Oleh sebab itu kita merasakan bahawa rang undang-undang ini adalah amat penting dan saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah yang menyarankan supaya kita jangan politikkan perkara ini. Saya menanya beliau, tetapi beliau enggan menjawabnya dan saya menanya seolah-olah soalan yang sama kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang menuduh bahawa parti-parti pembangkang melalui guru-guru dan sebagainya menghasut kanak-kanak untuk benci kepada kerajaan. Apabila saya bertanya bukti dan contoh, maka dikatakan ianya semua terdapat dalam akhbar.

Mengikut fahaman saya apa yang dilaporkan di dalam akhbar, dalam kes terakhir berkaitan dengan apa yang dianggap sebagai seorang guru yang cuba untuk menghasut murid-murid untuk membenci kerajaan yang bermakna Barisan Nasional. Kes itu mengikut fahaman saya ialah apabila guru tersebut dikatakan menanya soalan kepada murid yang lebih kurangnya berbunyi bagaimana seseorang itu boleh menjadi anggota Kabinet atau

anggota kerajaan dan pilihan-pilihan jawapannya, pertamanya, anak Perdana Menteri, keduanya anak orang kaya dan sebagainya dan ketiganya, melalui menjadi ahli Dewan Negara. Saya fikir saya tidak silap fahaman itu. Guru ini dituduh sebagai menghasut murid-murid berkenaan untuk membenci Kerajaan Barisan Nasional.

Saya fikir tidak ada logik di dalam kita menjatuhkan hukuman tersebut kepada guru berkenaan kecualilah guru berkenaan dalam memeriksa kertas jawapan tadi, mengatakan bahawa jawapan yang betul ialah orang itu boleh jadi menteri atau timbalan menteri kalau dia anak Perdana Menteri. Tetapi saya yakin guru itu tidak mengatakan itu jawapan yang betul. Saya yakin guru itu mengatakan jawapan yang betul ialah untuk menjadi Yang Berhormat menteri, timbalan menteri ialah melalui menjadi Ahli Dewan Rakyat atau jawapan yang ada menjadi Ahli Dewan Negara.

Jadi, dengan mengatakan jawapan yang dua atau tiga atau empat yang lain itu salah, guru itu sebenarnya tidak menghasut untuk membenci UMNO, Barisan Nasional atau kerajaan, malah sebaliknya guru itu patut dipuji kerana menjelaskan kepada murid-murid berkenaan dalam mata pelajaran menerusi peperiksaan bahawa cara yang sebenarnya yang dituduh oleh kononnya sesiapa sahaja tidak tepat, yang tepat ialah melalui dilantik menjadi ahli Dewan Negara.

Jadi, saya kasihan kepada guru ini kerana seolah-olah - bukan seolah-olah, dijadikan mangsa suatu *paranoid* atau suatu *fobia* yang ada di kalangan pemimpin dan ahli-ahli politik Barisan Nasional dan UMNO begitu takut dan menyalahafsirkan sebegitu rupa tindakan dalam bilik darjah yang dilakukan oleh guru-guru. Saya juga kecewa dengan kesatuan guru-guru kerana tidak mengambil kes ini untuk memberikan keadilan yang setimpalnya kepada guru yang mana perbuatan mengajar beliau itu telah disalahtafsirkan sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya fikir perlu kita jelas sebab itu saya bertanya beberapa kali pohon penjelasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat wakil rakyat daripada Barisan Nasional yang bercakap tadi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tumpat, Parit Sulong minta laluan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya reservedkan pandangan Yang Berhormat mengenai guru-guru. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, atas kebijaksanaan apakah satu Taman Asuhan Kanak-kanak yang saya tahu di belakangnya adalah orang-orang kuat PAS, menanamkan semangat kebencian kepada pemimpin negara dan mengajar anak-anak yang masih lagi di umur taman asuhan kanak-kanak untuk melabelkan pemimpin-pemimpin negara dengan perkataan-perkataan seperti 'diktator' dan sebagainya. Atas kebijaksanaan apa maka sekolah-sekolah yang dianjurkan oleh PAS boleh menanamkan benih-benih dan bibit-bibit sedemikian di kalangan anak-anak yang masih mentah lagi?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih sahabat saya daripada Parit Sulong. Itu yang saya tanya tadi, yang kalau kita ingin bahas dan bincang isu ini, kita perlu contoh dan bukti terhadap tuduhan yang kita buat. Dan saya tanya dua kali hari ini, two instances, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak mendapat jawapan yang jelas dan bukti yang boleh kita bincangkan. Bukti yang saya sebut tadi apabila tidak saya perolehi dalam soalan saya ialah yang terkandung dalam akhbar ataupun saluran berita yang lain, yang tidak dinafikan.

Jadi, saya hanya mampu dan boleh berbicara berkaitan dengan tuduhan-tuduhan yang ada bukti dan dilaporkan. Jika ada bukti apa Yang Berhormat sebutkan tadi, sudah

tentu kami di pihak pembangkang dan PAS cukup bersedia untuk berbincang dan memberikan penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, kalau kita letakkan kes yang saya bangkitkan tadi, walaupun satu realiti di kawasan saya, kita letak sebagai satu kes yang *hypothetical*, bagaimanakah reaksi yang sekiranya perkara yang sedemikian berlaku? Apakah pendirian parti PAS sekiranya amalan sedemikian berlaku? Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya masih belum bersedia untuk membincangkan perkara-perkara yang *hypothetical*, kalau itu benar-benar berlaku saya rasa kita perlu berbincang untuk mencari buktinya dan untuk memberikan penjelasan yang sebetulnya. Saya tidak terlibat dan tidak rasa perkara itu berlaku tetapi jika ada pandangan *hypothetically* pun ia boleh dibincangkan dan saya fikir itu perlu kepada penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pemimpin PAS yang bertanggungjawab, adakah saudara tidak merasa berdosa, tidak merasa bersalah sekiranya wujud di kalangan taman-taman asuhan anjuran PAS, yang menanamkan benih-benih memecah-belah, benih-benih membenci sesama orang Islam? Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya juga dalam berbahas awal hari ini bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap dan saya fikir saya telah sebutkan dalam perbahasan atas usul rang undang-undang ini yang melibatkan Yang Berhormat bagi Arau tengah hari tadi, yang menyebut berkaitan dengan apa yang disebutkan sebagai ucapan Yang Amat Berhormat Tok Guru Dato' Menteri Besar Kelantan, berkaitan dengan masalah aurat.

Saya sebutkan tadi bahawa Yang Amat Berhormat Tuan Guru, Dato' Nik Abdul Aziz, dipetik hanya dalam kes tersebut, out of context, dengan izin, dan tidak dikaitkan dengan pandangan dan ucapan dan saranan beliau, nasihat beliau bukan sahaja kepada para muslimat, tetapi juga kepada para muslimin, kepada seluruh rakyat termasuklah berkaitan dengan cara-cara berdakwah, cara-cara mengendalikannya pusat-pusat PASTI, PAS ini dan sebagainya.

Saya fikir dalam apa yang saya ikuti sebagai seorang pemimpin ataupun sekurang-kurangnya wakil rakyat PAS yang bertanggungjawab saya dapati bahawa saranan-saranan daripada pimpinan tertinggi PAS adalah amat bertanggungjawab dan tidak membawa kepada menghasut sesiapa untuk membenci sesiapa. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebagaimana yang saya sebutkan tadi rang undang-undang ini adalah amat penting dan oleh sebab itu kita tidak berhajat untuk

Tuan Moktar bin Radin: [Bangun]

Dato' Kamarudin bin Jaffar:....mempolitikkannya, tetapi malangnya masalah kanak-kanak itu begitu banyak sekali dipolitikkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan. Ya, terima kasih. Sebetulnya Yang Berhormat – ini kawan saya, saya juga sering mengikuti perkembangan-perkembangan dan hujah-hujah daripada saudara.

Yang mengecewakan saya, saudara selalu merujuk keratan-keratan akhbar ataupun magazine, apabila isu memihak kepada parti PAS, itu isu yang benar tetapi apabila akhbar-akhbar menyiarkan isu menyinggung PAS dan pemimpin-pemimpinnya semua itu permainan kotor pihak akhbar.

Di mana pendirian Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya minta maaf, saya kurang faham tuduhan terhadap PAS ataupun saya itu.

Tuan Moktar bin Radin: Saya boleh bagi faham semua. *[Ketawa]* Persoalannya, saudara selalu merujuk keratan-keratan akhbar, apabila isu itu memihak kepada pemimpin-pemimpin PAS ataupun saudara sendiri, saudara memperakui bahawa kenyataan akhbar itu adalah kenyataan yang benar, yang sah. Tetapi apabila suntingan-suntingan akhbar menyatakan kritikan-kritikan kepada parti PAS, saudara mengatakan bahawa itu permainan atasan orang-orang UMNO dengan pihak wartawan.

Jadi, di mana pendirian saudara dalam perkara ini?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya fikir Tuan Yang di-Pertua, PAS dan parti pembangkang tidak mempunyai sikap yang sedemikian terhadap akhbar-akhbar. *[Sorak]* Kita terbuka, malah kita menuntut tetapi kita dihalang daripada menyokong kebebasan akhbar ini. Kita menuntut supaya akhbar-akhbar dibenarkan dicetak dan diterbitkan secara sebeb-bebasnya tetapi daripada Barisan Nasionallah yang menghalang *Harakah* daripada keluar dua kali seminggu, hanya kepada dua kali sebulan. *[Tepuk]* KeADILan sehingga ke hari ini, walaupun dijanji oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa guideline atau garis panduan dalam penerbitan akhbar ini, hanya ialah dua kali sebulan kerana itu katanya dilakukan oleh UMNO, maka dibuat begitu kepada *Harakah*. Tetapi sepatutnya diberikan kebebasan kepada parti KeADILan untuk mendapat permit, untuk mengeluarkan akhbar mereka tetapi sehingga ke hari ini tidak diterbitkan dan tidak diberikan kebenaran untuk mengeluarkan akhbar oleh parti KeADILan.

Jadi, soal akhbar ini saya fikir saya mempunyai pendirian yang amat terbuka, saya membaca sebanyak-banyak akhbar yang ada, termasuk akhbar luar negeri dan saya tidak memberi penilaian yang muktamad kepada mana-mana satu akhbar sebagai betul. Saya boleh mengatakan bahawa kadangkala walaupun *Harakah* sendiri, kalau ada mengeluarkan maklumat yang tersalah, maka dia akan tarik balik kenyataan tersebut dan membetulkannya. Jadi, tidak berbangkit bahawa kita mempunyai sikap jumud dan sebagainya yang terpaksa mempercayai hanya satu jenis akhbar dan menolak jenis-jenis akhbar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan sekali lagi betapa pentingnya isu berkaitan dengan kanak-kanak ini kita utamakan dan kita jauhi daripada masalah ianya dipolitikkan. Masalah kanak-kanak yang amat besar, yang kita hadapi hari ini tidak dapat dinafikan yang berlaku hari ini di negeri Tuan Yang di-Pertua sendiri ialah masalah penyakit kaki dan mulut ini (HFM) yang mana hari ini sudah sampai 500 keadaan yang berlaku.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh Tumpat? *[Ketawa]* Saya ingin bertanya Tumpat, hal penyakit itupun banyak kita lihat dipolitikkan, setuju atau tidak bila di Kelantan baru-baru ini ditimpa penyakit taun, TV, akhbar menyerang pentadbiran Kelantan, kotor bandar itu dan sebagainya. Kritikan itu ada betulnya tidak apalah, tetapi diserangnya ialah pentadbiran Kelantan bila berlaku penyakit taun. Tetapi bila berlaku penyakit mulut yang menyerang negeri Johor dan sebagainya sekarang ini, akhbar, TV3 khasnya tidak menyerang pentadbiran Johor.

Jadi, penyakit dilihat dari sudut politik, bukan dilihat di sudut penyakit. Ini apa penyakit Barisan Nasional ini? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat banyak lagikah?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tidak panjang, tidak panjang. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habiskanlah, dalam beberapa minit boleh habis ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, saya akan cuba. Ini masalah media yang saya sebutkan tadi juga. Yang berlaku di Johor ini, masalah penyakit kaki dan mulut sudah tentu ada kaitan dengan masalah yang dibangkitkan dan dikaitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Yang mana di England, di United Kingdom Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, mengaitkan masalah penyakit taun ini dengan pemerintahan Kerajaan PAS Negeri Kelantan.

Saya sebagai anak Kelantan, sebagai ahli politik, sebagai warganegara Malaysia sudah tentu merasa amat sedih sekali. Seorang Perdana Menteri di luar negara memperkecilkan dan mempermain-mainkan masalah penyakit ini, seolah-olah Kelantan itu bukan sebahagian daripada Malaysia, seolah-olah beliau Perdana Menteri untuk Malaysia, minus Kelantan, minus Terengganu, dengan izin. Ini saya fikir adalah suatu kenyataan yang amat mengharukan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Kamarudin bin Jaffar:...dan menunjukkan bahawa beliau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sudah pun mempolitikkan masalah penyakit itu menjadi isu politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya harap kalau soalan itu

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:...sebab masa sudah suntuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masalah penyakit taun di Kelantan ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sendiri menuduh bahawa rakyat Kelantan itu pengotor.

Jadi, masalah taun ini diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tok Guru kita. Ini soalnya, jadi bukan dipolitikkan oleh orang UMNO. Pemimpin PAS dan Menteri Besar PAS sendiri, Tok Guru pula, yang mengatakan taun ini kerana sikap rakyat Kelantan pengotor. Bukan soal UMNO main politik. Ini saya minta penjelasan sedikit. *[Disampuk]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya mendapat maklumat daripada pihak pejabat Menteri Besar Negeri Kelantan, mengikut maklumat itu Menteri Besar Negeri Kelantan tidak menyebut apa yang dilaporkan dalam akhbar. *[Sorak] [Tepuk]* Akhbar, wartawan, menyoal beliau dan beliau berkata tidak begitu tetapi yang dilaporkan ialah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkata seperti yang dilaporkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau banyak esok sambung.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya boleh.

Tuan Moktar bin Radin: Tambahan. Inilah – boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Esok, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Ini yang saya sebutkan tadi, Masalahnya pemimpin-pemimpin pembangkang apabila buat laporan akhbar

Beberapa Ahli: Esok, esok, esok.

Seorang Ahli: Esok, mari pagi-pagi.

Seorang Ahli: Esok tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.